KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

KAJIAN DATA PERBUKUAN NEGARA 2022/2023

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

KAJIAN DATA PERBUKUAN NEGARA
2022/2023

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA
KUALA LUMPUR
2023

Cetakan Pertama: 2023
Hak Cipta©Perpustakaan Negara Malaysia

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau ditukarkan dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara sama ada secara eletronik, mekanikal, fotokopi, rakaman, dan sebagainya sebelum mendpat kebenaran bertulis daripada Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia.

Diterbitkan oleh:
Perpustakaan Negara Malaysia
232, Jalan Tun Razak
50572 Kuala Lumpur
☎ 03-2687 1700
03-2694 2490
www.pnm.gov.my
www.facebook.com/PerpustakaanNegaraMalaysia
blogpnm.gov.my
twitter.com/PNM_sosial

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati dari Perpustakaan Negara Malaysia

ISBN 978-967-931-375-8

KANDUNGAN

JAWATANKUASA KAJIAN v

PRAKATA vii

SELAYANG PANDANG ix

1.0 PENGENALAN 1

1.1 Latar Belakang 1

1.2 Objektif Kajian 7

2.0 KAEDAH KAJIAN 9

2.1 Data Sekunder 10

2.2 Kajian Penanda Aras 12

2.3 Temu Bual dan Perbincangan Kumpulan Berfokus 21

2.4 Kaedah Analisis Data 23

3.0 DAPATAN KAJIAN 27

3.1 Profil Industri Perbukuan Negara 26

3.1.1 Pengkaryaan Buku 29

3.1.2 Penerbitan buku 31

3.1.3 Pemasaran Buku 33

3.2 Indikator Pengukuran Industri Perbukuan 38

3.2.1 Pengkaryaan 38

3.2.2 Penerbitan 44

3.2.3 Pemasaran 56

3.3 Kepentingan Perpustakaan kepada Industri Perbukuan di Malaysia 67

3.3.1 Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) 67

3.3.2 Perpustakaan Awam 70

3.3.3 Perpustakaan Akademik 72

3.3.4 Perpustakaan Khusus 74

3.3.5 Pusat Sumber Sekolah 74

3.3.6 Perpustakaan Digital 74

3.4 Isu dan Permasalahan Industri Perbukuan 75

3.4.1 Isu Politik 75

3.4.2 Isu Ekonomi 77

3.4.3 Isu Sosial 80

3.4.4 Isu Teknologi dan Infrastruktur 81

3.4.5 Isu Persekitaran 82
3.4.6 Isu Akta Kerajaan, Dasar, Undang-undang dan Garis Panduan 82
3.5 Inisiatif yang Pernah Dijalankan dan Peluang yang Boleh Memanfaatkan Industri 83
3.5.1 Politik 83
3.5.2 Ekonomi 84
3.5.3 Sosial 86
3.5.4 Teknologi dan Infrastruktur 88
3.5.5 Persekitaran 89
3.5.6 Akta, Dasar, Undang-undang dan Garis Panduan 90

4.0 KESIMPULAN 91
5.0 CADANGAN HALA TUJU INDUSTRI PERBUKUAN 95
6.0 RUJUKAN 99
7.0 LAMPIRAN 105

JAWATANKUASA KAJIAN

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA (PNM)

Puan Salasiah binti Abdul Wahab — *Pengerusi*
Ketua Pengarah PNM

Encik Edy Irwan bin Zulkafli — *Timbalan Pengerusi*
Timbalan Ketua Pengarah PNM

AHLI JAWATANKUASA INDUK

YBhg. Datin Siti Sarah Insyirah binti Abdul Rashid
Majlis Buku Kebangsaan Malaysia

YBrs. Dr. Hazami bin Jahari
Dewan Bahasa dan Pustaka

Encik Sakri bin Abdullah
Institut Terjemahan & Buku Malaysia

Tuan Sheikh Faisal bin Sheikh Mansor
Persatuan Penerbit Buku Malaysia

Encik Azman bin Hashim
Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia

Encik Akmal Aizat bin Haji Abdul Aziz
Gabungan Persatuan Penulis Nasional

YBrs. Dr. Mohamad Saleeh bin Rahamat
Persatuan Penulis Nasional Malaysia

Encik Keith Thong
Malaysian Booksellers Association

Puan Adibah binti Omar
Perbadanan Kota Buku

Encik Adi Irwan bin Dato' Hj. Azhari
Persatuan Kontraktor Buku Malaysia

YBrs. Prof. Dr. Md. Sidin bin Ahmad Ishak
Malaysia Board On Books For Young People

Puan Nisah binti Haron
Children's Picture Book Association of Malaysia

AHLI JAWATANKUASA TEKNIKAL

Encik Ali bin Rashid
Puan Anisatul-Wahidah binti Abdul Wahid
Puan Aidatul Hasnida binti Abdul Rani
Encik Mohd. Azmi bin Aziz
Puan Katrun Nada binti Haji Hashim
Puan Ruzilah binti Ehsan
Encik Ramzy bin Md Taha
Puan Kasuma Dewi binti Said
Puan Siti Suzani binti Mohamed Taib
Encik Mohd. Fathrulrizam bin Said
Puan Hasnida binti Jakeria

URUS SETIA

Puan Nor Azlina binti Ab.Ghani
Dr. Norsharyna binti Shafawi
Puan Noor Syahierah binti Mohamad Rohana

PASUKAN PERUNDING PENYELIDIKAN

UPUM Sdn. Bhd. (Universiti Malaya)

Prof. Madya Dr. Yanti Idaya Aspura binti Mohd Khalid	*Ketua Perunding*
Prof. Madya Dr. Noorhidawati binti Abdullah	*Perunding*
Dr. Ali Fauzi bin Ahmad Khan	*Perunding*
Dr. Samsul Farid bin Samsuddin	*Perunding*
Nur Hidayah binti Mohd Azhar	*Pegawai Penyelidik*
Firdaus bin Md Yasin	*Pegawai Penyelidik*

PRAKATA

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

ALHAMDULILLAH, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, saya diberi kesempatan untuk merakamkan sepatah dua kata dalam buku *Laporan Kajian Data Perbukuan Negara 2022/2023*. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dan UPUM Sdn. Bhd. (UPUM) atas daya usaha merealisasikan penerbitan buku ini.

Seiring dengan kepentingan data, peranan kerajaan dan persaingan revolusi industri 4.0 serta keinginan mencapai aspirasi Malaysia sebagai negara membaca menjelang tahun 2030, PNM meneruskan inisiatif melaksanakan Kajian Data Perbukuan Negara 2022/2023.

Pihak kerajaan boleh memainkan peranan sebagai penggiat yang dinamik untuk menaik taraf daya saing rakyat Malaysia dalam landskap perniagaan global. Seperti yang kita sedia maklum, industri perbukuan merupakan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) di Malaysia yang memainkan peranan penting dengan menyumbang 37.4 peratus kepada KDNK dan menggajikan lebih 47.8 peratus daripada keseluruhan Guna Tenaga pada tahun 2021.

Kajian data ini penting untuk mendapatkan keperluan jenis data yang tepat bagi merumus perangkaan yang berkaitan dengan perbukuan negara. Selain itu, kajian ini diperlukan untuk membantu perkembangan industri perbukuan dalam usaha merangka satu dasar dalam penyediaan bahan bacaan yang diminati oleh rakyat Malaysia. Pelaksanaan Dekad Membaca Kebangsaan (DMK) 2021–2030 dengan slogan #MalaysiaMembaca bermatlamat menjadikan Malaysia negara membaca dan melahirkan masyarakat berilmu yang bertaraf dunia.

Kajian ini dirangka untuk mencapai empat objektif, iaitu membina profil data perbukuan negara yang terkini; mengkaji faktor yang dapat membantu pembangunan industri perbukuan negara yang lebih mampan; menyelidik isu dan permasalahan yang wujud dalam industri perbukuan negara; dan mengenal pasti peluang dan inisiatif untuk membantu perancangan industri perbukuan negara dengan lebih sistematik.

Hasil kajian ini akan menjadi sumber rujukan untuk pihak berkepentingan dalam tindakan membuat keputusan berkaitan dengan perangkaan data perbukuan dan digunakan sebagai indikator kebangsaan untuk menanda aras penerbitan buku di Malaysia.

Akhir sekali, saya berharap usaha mengumpulkan data industri perbukuan di negara ini dapat diteruskan dan sekali gus membantu kepesatan pembangunan industri perbukuan di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

"BANGSA MEMBACA BANGSA BERJAYA"

Salasiah binti Abdul Wahab
Ketua Pengarah
Perpustakaan Negara Malaysia

SELAYANG PANDANG

KAJIAN Data Perbukuan Negara 2022/2023 ialah usaha Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dalam pemerkasaan industri perbukuan negara. Seperti yang sedia maklum, PNM bertanggungjawab menjalankan dan menyelaraskan aktiviti penyelidikan berkaitan dengan bidang kepustakawanan bagi menyokong proses penyelidikan dan pembangunan (R&D) perpustakaan di Malaysia. Menerusi Jawatankuasa Kecil Penyelidikan dan Hak Cipta yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah PNM bersama dengan urus setia tetap Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM), pelaksanaan kajian ini dijalankan dengan matlamat membentuk negara membaca menjelang tahun 2030.

Kepentingan data terhadap industri perbukuan menjadi wadah penting dalam kajian ini. Objektif utamanya ialah mewujudkan satu profil data perbukuan negara terkini; hal ini dihuraikan dengan lengkap dalam perbincangan dapatan kajian. Objektif kedua ialah membantu pihak berkepentingan membuat keputusan tepat untuk merumus statistik berkaitan dengan data perbukuan negara. Bagi mencapai objektif ini, kajian indikator yang lengkap telah dihasilkan dengan data terkini yang diperoleh melalui analisis statistik, data sekunder dan kajian literatur. Hasil kajian dibentangkan dalam bentuk infografik untuk memudahkan pembaca membaca dan menganalisis data terkini. Objektif ketiga pula menyentuh isu dan permasalahan dalam industri perbukuan di negara. Dapatan kajian ini berdasarkan pandangan dan cadangan daripada pemain industri perbukuan di Malaysia. Dapatan ini dihuraikan mengikut kerangka PESTEL (*Political, Economic, Social, Technological, Environmental, Legal*). Kerangka yang sama digunakan untuk menerangkan objektif yang terakhir, iaitu mengenal pasti peluang yang telah diberikan dan inisiatif yang boleh dicadangkan. Dapatan daripada semua objektif kajian ini kemudiannya disimpulkan dalam Bab 4.0 dan dijadikan asas bagi cadangan hala tuju yang disenaraikan dengan terperinci dalam bab yang terakhir.

Dalam kajian ini, pandangan pemain industri diukur dan dinilai melalui sesi temu bual dan perbincangan kumpulan berfokus (PKF). Sejumlah 18 pemain industri telah menyertai sesi temu bual secara bersemuka dan empat sesi berkumpulan yang turut disertai oleh 25 wakil daripada industri perbukuan yang merangkumi agensi kerajaan, swasta, badan berkanun dan badan bukan kerajaan. Selain itu, isu dan masalah yang dihadapi oleh industri perbukuan berjaya dirungkai. Daripada kajian ini, peluang dan inisiatif telah dikenal pasti agar industri perbukuan dapat dirancang secara sistematik dan teratur. Kajian ini turut memfokuskan data yang diperoleh daripada pihak yang dikenal pasti terlibat dalam urusan perbukuan negara.

1.0 PENGENALAN

1.1 LATAR BELAKANG

Industri perbukuan di Malaysia muncul pada zaman penjajahan Inggeris dan Belanda. Dalam tempoh tersebut, sistem persekolahan dan pendidikan yang diperkenalkan menitikberatkan penyediaan bahan bacaan dan buku teks untuk masyarakat tempatan.

Selepas negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, usaha membangunkan industri perbukuan tempatan dimulakan. Penerbitan buku menjadi lebih penting dalam usaha memperkasakan bahasa kebangsaan. Langkah ini sejajar dengan penubuhan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) yang memegang peranan utama mengembangkan bahasa dan kesusasteraan Melayu. Sebagai impak daripada perkembangan ini, pada era 1960-an dan 1970-an, terdapat peningkatan dalam penerbitan buku tempatan, novel ilmiah dan bahan bacaan pendidikan yang dikarang dalam bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, menjelang dekad 1980-an, terdapat kecenderungan penerbitan buku berbahasa Inggeris, terutama dalam kalangan penulis tempatan. Situasi ini mendorong pertumbuhan pelbagai genre buku, termasuklah sastera, motivasi, perniagaan dan sejarah.

Perkembangan industri perbukuan dapat ditelusuri melalui pembentukan Dasar Buku Negara [1] yang diperkenalkan pada tahun 1981. Dasar Buku Negara ialah usaha yang diterajui oleh kerajaan sebagai panduan dan objektif untuk memajukan industri perbukuan, meningkatkan literasi serta mempromosikan nilai budaya dan intelektual dalam kalangan rakyat Malaysia. Dasar ini merupakan panduan ke arah kemajuan industri perbukuan, penulisan, penerbitan dan aktiviti berkaitan.

Dasar Buku Negara merangkumi:

(i) **Perkembangan industri perbukuan:** Meningkatkan industri perbukuan tempatan dengan menyokong aktiviti penulisan, penerbitan dan promosi. Usaha ini juga memfokuskan peningkatan kualiti, kepelbagaian dan inovasi dalam penerbitan buku.

(ii) **Meningkatkan literasi dan kebudayaan membaca:** Meningkatkan literasi dan memupuk budaya membaca pada semua lapisan masyarakat. Antara model yang dapat dilaksanakan termasuklah pengenalan program literasi, kempen membaca dan sokongan untuk aktiviti membaca berkumpulan.

(iii) **Sokongan terhadap penulis tempatan:** Memberikan sokongan kepada penulis tempatan dengan mengiktiraf pencapaian mereka melalui anugerah sastera, menyediakan program latihan penulisan, serta mendorong penghasilan karya berkualiti tinggi.

(iv) **Pelindungan hak cipta dan menggalakkan kreativiti:** Mengutamakan pelindungan hak cipta untuk memastikan pengkarya memperoleh bahagian yang adil daripada hasil karya mereka. Di samping itu, dasar ini juga mendorong kreativiti dalam industri penerbitan buku serta menggalakkan penggunaan teknologi dalam inovasi buku.

(v) **Pengurusan sumber penerbitan:** Merangkumi langkah pengurusan sumber dalam usaha memastikan kelestarian industri perbukuan dan pembangunan penulis tempatan.

(vi) **Meningkatkan capaian kepada bahan bacaan:** Meningkatkan capaian kepada bahan bacaan dengan menggalakkan perpustakaan awam menyediakan bahan bacaan dalam pelbagai bahasa etnik serta memastikan kebolehcapaiannya oleh semua lapisan masyarakat.

Namun demikian, Dasar Buku Negara wajar dikemas kini supaya lebih inklusif dan selaras dengan perubahan pada era digital. Kemas kini ini perlu dibuat seiring dengan perubahan dalam Dasar Pendidikan Kebangsaan bagi merangsang budaya membaca dan berilmu.

Industri perbukuan ialah entiti kompleks dan boleh dikategorikan kepada tiga proses utama, iaitu pengkaryaan, penerbitan dan pemasaran.

(i) Pengkaryaan atau penulisan buku melibatkan pengarang atau penulis, penterjemah dan editor. Persatuan Penulis Nasional Malaysia (PENA), Persatuan Editor Malaysia (PEM) dan Persatuan Penterjemah Malaysia (PPM) dan lain-lain, iaitu di bawah Gabungan Persatuan Penulis Nasional (GAPENA) telah ditubuhkan untuk meningkat profesionalisme para pengkarya melalui aktiviti yang dijalankan secara kolektif.

(ii) Penerbitan melibatkan percetakan buku oleh organisasi atau syarikat percetakan dan penerbitan. Namun begitu, penerbitan tidak boleh dilihat dari perspektif ekonomi sahaja, bahkan juga dilihat sebagai industri yang memberikan sumbangan besar kepada pembangunan intelek. Jumlah buku, jenis buku yang dikeluarkan, bilangan kedai buku dan perpustakaan boleh menggambarkan tahap perkembangan intelektual rakyat Malaysia.

(iii) Pemasaran buku melibatkan proses memasarkan buku kepada pembaca. Proses ini merangkumi aktiviti penjualan, import dan eksport, promosi, pewujudan kedai buku dan pengunaan teknologi digital.

Landskap industri perbukuan dapat diperhatikan dari pelbagai perspektif seperti nilai semasa industri perbukuan yang disumbangkan oleh aktiviti penerbitan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), iaitu sebanyak RM4.9 bilion pada tahun 2021. Dapatan ini diperoleh berdasarkan kaji selidik yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (*Department of Statistics Malaysia* atau DOSM) bagi tahun 2013 hingga 2022.

Lingard [2] mengemukakan bahawa data demografik penduduk negara dapat memberikan gambaran tentang konteks dan potensi industri perbukuan. Laporan terkini untuk tahun 2023 daripada DOSM [3] menyatakan bahawa populasi negara dianggarkan sebanyak 33.4 juta penduduk dengan komposisi penduduk berumur 15 hingga 64 tahun (umur bekerja) merangkumi 70 peratus dan komposisi penduduk berumur 0 hingga 14 tahun (umur muda) sebanyak 22.6 peratus; komposisi penduduk berumur 0 hingga 18 tahun pula mencapai jumlah 9.13 juta penduduk pada tahun 2021. Berdasarkan data ini, permintaan buku kebanyakannya daripada populasi dominan, iaitu golongan yang berusia antara 15 hingga 64 tahun; golongan ini lebih menggemari genre seperti komik, fiksyen dan buku motivasi.

Selain itu, pasaran buku kanak-kanak juga penting dalam industri perbukuan. Hal ini termasuklah penerbitan buku teks yang menjadi penyumbang terbesar dalam pendapatan industri perbukuan. Dari tahun 2016 hingga 2017, kerajaan memperuntukkan sebanyak RM416,071,424.66 untuk kontrak penerbitan buku teks. Nilai peruntukan untuk pesanan buku teks ialah sebanyak RM201,089,485.24, meliputi 23,801,237 unit buku untuk tahun 2021 [4]. Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) [5] melaporkan bahawa pada tahun 2022, sebanyak 2,866 (11.8%) buku teks (rujukan), 5,638 (23.2%)

buku kanak-kanak dan 15,813 (65.0%) buku dewasa telah diterbitkan. Terdapat penurunan dalam penerbitan buku teks dari tahun 2020 hingga 2022 berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya. Tiada perubahan silibus buku teks yang tidak memerlukan percetakan semula. Di samping itu, penerbitan buku teks dalam tulisan Braille juga direkodkan oleh Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan (BSTP) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sebanyak 134 judul dari tahun 2016 hingga 2021. Walau bagaimanapun, jumlahnya terlalu kecil.

Percetakan buku Braille dilaksanakan oleh Pertubuhan Pembangunan Orang Buta Malaysia (PPOBM) [6]. Usaha ini melibatkan kerjasama daripada pelbagai pihak termasuk Arkib Negara Malaysia, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), DBP, PTS Media Group dan Pustaka Salam di bawah Projek Intelektual PPOBM. Hingga kini, laman web PPOBM mencatatkan hanya 38 judul buku Braille. Selain itu, Unit Penerbitan Braille (BPU) [7] di bawah *Malaysian Association for the Blind* (MAB) ditubuhkan untuk menerbitkan bahan bacaan dalam bentuk Braille untuk kegunaan orang kurang upaya pelihatan. Matlamat utama gerakan ini ialah memastikan orang kurang upaya pelihatan memperoleh maklumat yang sama dengan golongan yang tidak mempunyai kekurangan upaya pelihatan. Walaupun begitu, bahan yang dicetak dalam versi Braille adalah terhad disebabkan oleh isu hak cipta.

Walau bagaimanapun, Malaysia telah diberi kebenaran secara automatik tanpa keizinan daripada pemunya hak cipta untuk menghasilkan dan mengedarkan bahan bacaan dalam format boleh akses (*accessible format copy*) bagi golongan orang kurang upaya pelihatan setelah Malaysia secara rasminya menyertai Triti Marrakesh (*Marrakesh Treaty to Facilitate Access to Published Works for Persons Who Are Blind, Visually Impaired or Otherwise Print Disabled*) pada tahun 2022 [8]. Langkah ini mencerminkan usaha kerajaan menambah baik ketersediaan bahan pendidikan dalam format boleh akses untuk orang buta, kurang pelihatan dan *print disabled*. Melalui triti ini, pengecualian diberikan kepada pelindungan hak cipta, termasuk kewajipan membayar royalti dengan tujuan mendorong integrasi sosial dan penyertaan kebudayaan kepada orang kurang upaya melalui capaian yang sama rata.

Hal ini meningkatkan capaian kepada bahan bacaan dalam format boleh akses dari luar negara dan memberikan manfaat kepada golongan orang kurang upaya pelihatan, khususnya dalam bidang pengajian tinggi dan penyelidikan. Penyertaan Malaysia ini memberikan capaian lebih luas kepada kira-kira 51,323 orang kurang upaya pelihatan yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat kepada bahan bacaan dalam format boleh akses.

Lingard [2] mengklasifikasikan tiga pasaran buku di Malaysia berdasarkan bahasa, iaitu bahasa Melayu, bahasa Inggeris, bahasa Cina dan bahasa Tamil. Laporan PNM [5] pada tahun 2022 menyatakan bahawa jumlah buku dalam bahasa Melayu yang diterbitkan ialah sebanyak 14,431 judul (59.3%), bahasa Inggeris sebanyak 7,462 judul (30.7%), bahasa Cina sebanyak 1,864 judul (7.7%), bahasa Tamil sebanyak 156 judul (0.06%) dan bahasa-bahasa lain seperti Arab sebanyak 404 judul (1.7%). Data ini munasabah memandangkan generasi muda cenderung membaca bahan dalam bahasa Melayu yang menjadi medium utama sistem pendidikan di Malaysia.

Hassan [9] meramalkan bahawa dalam tempoh tiga hingga lima tahun yang akan datang, lebih ramai orang di Malaysia akan membaca buku berbahasa Melayu. Hal ini akan meningkatkan

permintaan untuk menterjemahkan buku terlaris antarabangsa. Penterjemahan karya asing yang terkenal telah dilakukan oleh penerbit DBP di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada tahun 1980-an, sebelum tugas ini diambil alih oleh Institut Terjemahan Negara Malaysia (kemudian dinamai Institut Terjemahan & Buku Malaysia atau ITBM) pada tahun 1990-an dan 2000-an. Peranan ini kini dikongsi bersama oleh penerbit swasta seperti PTS Media Group, Inisiatif Buku Darul Ehsan (IBDE) dan The Biblio Press. Di samping itu, penterjemahan buku dari Malaysia ke dalam bahasa asing dapat mendorong ekonomi penterjemahan walaupun data tepat dan sahih tidak tersedia untuk dikongsi oleh organisasi terlibat. Yang ada hanyalah liputan media berkenaan dengan penterjemahan buku seperti laporan daripada Astro Awani yang menyatakan bahawa lima judul buku diterjemahkan dan dimasukkan ke dalam pasaran Jepun pada tahun 2018 [10]. Pada masa yang sama [11], Belanjawan 2023 memperuntukkan dana sebanyak RM10 juta untuk cetakan naskhah al-Quran yang diterjemahkan ke dalam bahasa asing yang utama.

Terdapat trend yang menunjukkan bahawa pembaca dewasa di Malaysia lebih cenderung membaca novel, terutama novel dalam genre percintaan, *thriller* dan sejarah yang diterbitkan oleh penerbit seperti Alaf 21, Kaki Novel dan Karya Seni. Popularit novel percintaan, khususnya, meningkat pesat akibat adaptasi layar perak dan juga siri televisyen. Golongan pembaca utama kategori ini ialah wanita berusia 25 hingga 35 tahun. Pada beberapa tahun kebelakangan ini, terdapat perubahan dari segi cita rasa pembaca karya berbahasa Melayu. Golongan ini juga mula beralih tumpuan kepada buku rohani atau motivasi serta buku emosi. Genre ini semakin meningkat dalam kalangan pembaca muda Melayu Islam yang menginginkan penulisan motivasi berkaitan dengan agama seperti karya terbitan Iman Publication. Patriots Publishing pula menerbitkan buku yang mengupas alam Melayu dari segi geopolitik dan sains politik dengan penyampaian dalam bahasa yang mudah. Patriots Publishing juga menerbitkan banyak buku sejarah antarabangsa dan kini mula menceburi alam novel dengan jejak Mahakarya. Sementara itu, Ilham Press mempelopori penulisan buku politik, manakala dalam kalangan remaja, buku komik menjadi pilihan utama. Antara penerbit komik yang popular termasuklah Komik M dan Gempak Starz. Antara judul Gempak Starz yang popular ialah siri komedi Lawak Kampus dan terjemahan *manga* Jepun.

Walaupun pandemik yang melanda dunia sekitar tahun 2020 hingga 2021 telah menyebabkan penutupan sebilangan kedai buku di Malaysia, kedai buku mega seperti Books Kinokuniya KLCC, POPULAR dan MPH Bookstores tetap teguh. Di Pantai Timur dan Utara negara, SMO Book Stores, Hasani dan Kedai Buku Banggol masih bertahan. Salah satu trend terkini dalam industri kedai buku ialah kombinasi kafe dan buku yang dikenali sebagai *bookcafe* yang semakin popular di bandar besar. Antara contoh bookcafe termasuklah Book Barter Cafe, MeTime BookCafe dan The Biblio Book Cafe.

Pada tahun 2020, Kuala Lumpur diumumkan sebagai Ibu Kota Buku Dunia yang Ke-20 selepas Sharjah (2019) dan Athens (2018) [12]. Konsep "Ibu Kota Buku Kuala Lumpur" bertujuan mewujudkan infrastruktur perbukuan, menggalakkan penerbitan dan perdagangan buku, meningkatkan kesedaran masyarakat tentang literasi serta mengadakan pelbagai aktiviti yang berkaitan dengan bidang ini. Hal ini merangkumi pameran buku, pertandingan penulisan, ceramah sastera dan sebagainya. Walaupun menawarkan pelbagai faedah seperti menjadikan Malaysia sebagai hab penerbitan yang akan menyokong pertumbuhan industri perbukuan tempatan, hal ini juga membawa cabaran yang

perlu diatasi melalui sokongan dan usaha berterusan pelbagai pihak, terutama melalui penggunaan teknologi dan penerbitan digital yang sentiasa berkembang pesat.

Kewujudan platform penerbitan digital membolehkan penulis dan penerbit mendokumenkan perkembangan dalam penerbitan buku bercetak dan e-buku. Tambahan pula, media sosial kini memainkan peranan penting sebagai medium promosi buku dan penulis tempatan seperti pelancaran platform seperti MPH Online dan Shopee Bookstore sebagai medium jualan buku fizikal secara dalam talian. Teknologi digital juga memacu pembangunan platform e-Sentral sebagai aplikasi untuk membaca e-buku, buku audio dan e-buku interaktif. Inisiatif ini mencetuskan pembentukan kelompok peminat dan blog buku dalam talian sekali gus mengukuhkan komuniti pembaca dan penulis dalam laman web serta platform media sosial.

Platform media sosial, terutama Facebook, telah menjadi alat yang popular dalam kalangan penulis dan penerbit untuk berinteraksi dan mempromosikan karya terbitan mereka. Terdapat beberapa kumpulan Facebook untuk penulis seperti kumpulan Geng Jom Menulis dengan 23,200 orang ahli dan Geng Mari Menulis dengan 4,100 orang ahli. Laman profil individu pula memaparkan popularity penulis. Sebagai contoh, Ahadiat Akashah mempunyai 49,000 orang pengikut, manakala A. Samad Said mempunyai 319,000 orang pengikut. Bagi tujuan promosi buku, kumpulan Facebook Buku Apa Terbit Hari Ini? mempunyai 4,000 orang ahli, manakala kumpulan Baca Buku Apa Hari Ini? mempunyai 2,300 orang ahli. Bagi penerbit pula, syarikat penerbitan seperti Fixi mempunyai 119,000 orang pengikut, Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia mempunyai 466,000 orang pengikut, The Patriots mempunyai 385,000 orang pengikut dan Iman Publication mempunyai 30,000 orang pengikut dalam laman Facebook masing-masing.

Penggunaan e-buku mengalami peningkatan yang signifikan semasa pandemik, namun buku jenis ini masih belum menandingi buku bercetak. Di Malaysia, terdapat beberapa platform yang dapat digunakan untuk mendapatkan capaian e-buku. Antaranya eLib Book Portal, yang merupakan satu platform e-buku yang disediakan oleh syarikat Xentral Methods dan dilanggan oleh PNM. Penerimaan baik terhadap perkhidmatan eLib mencecah angka tertinggi semasa tempoh sekatan pergerakan. Sungguhpun negara sudah memasuki fasa endemik, permintaan terhadap eLib masih menunjukkan peningkatan yang signifikan dan kekal relevan [13].

Selain itu, aplikasi Libby menyediakan pelbagai jenis bahan bacaan, termasuk majalah, novel dan komik. Capaian kepada Libby juga dapat diperoleh melalui pendaftaran kepada laman web PNM. Xentral Methods juga menawarkan lebih daripada 10,000 buah buku tempatan dalam format e-buku melalui platform rasmi sendiri, iaitu e-Sentral [14]. KakiBuku [15] juga merupakan sebuah platform pemasaran buku fiksyen dan bukan fiksyen daripada pelbagai penerbit di Malaysia, manakala Karangkraf eMall (emall.karangkraf.com/shop/book) memasarkan e-majalah dan e-buku terbitan Karangkraf secara eksklusif. Selain itu, PTS Media Group merupakan penerbit buku berbahasa Melayu dalam pelbagai genre. Judul e-buku daripada PTS Media Group boleh dicapai dalam bentuk PDF atau EPUB. Portal e-buku PTS Media Group hanya berfungsi sebagai katalog, sementara penggunaan sebenar memerlukan peranti pembaca e-buku atau *e-reader* melalui platform e-Sentral, Google Books, Bachabooku, Ookbee, dan iBook Store. Seterusnya, Ookbee (my.ookbee.com) ialah sebuah platform e-buku yang berpangkalan di Thailand dengan koleksi yang meliputi novel, e-buku, majalah, akhbar, buku fiksyen dan bukan fiksyen serta buku audio.

Sebahagian daripada koleksi ini boleh dicapai secara percuma atau dengan pembelian. Antara penerbit tempatan yang menggunakan platform Ookbee termasuklah Karangkraf, Fixi dan penerbit universiti. Perbadanan Kota Buku (PKB) dikenali [16] sebagai penyedia platform buku digital terbesar di negara ini dan dijangka akan bekerjasama dengan platform e-buku lain di rantau Asia untuk mempelbagaikan sumber bacaan berkualiti untuk masyarakat.

Industri perbukuan di Malaysia mengalami evolusi yang mencerminkan transformasi budaya, teknologi dan kreativiti dalam masyarakat Malaysia. Industri perbukuan mesti terus berkembang seiring dengan peredaran dunia global dan keperluan pembaca tempatan. Walau bagaimanapun, keberadaan industri perbukuan Malaysia ialah sesuatu yang sukar untuk dinilai. Ada pihak berpandangan bahawa industri perbukuan semakin berkembang, sementara yang lain menganggap yang sebaliknya. Memetik kata-kata Pengarah Urusan The Patriots, Syazrul Aqram Iman, “Saya masih rasa industri perbukuan negara kita kekurangan dan ketinggalan” [17]. Sebagai individu yang layak menilai keberhasilan industri perbukuan kerana telah lama bergiat aktif dalam industri, kenyataan ini mungkin wajar dipertimbangkan.

Berita Astro Awani [18] melaporkan bahawa industri perbukuan menghadapi krisis yang semakin serius dan berpotensi menuju kelumpuhan pertumbuhan, terutama kadar penerbitan judul, jumlah cetakan, kuasa pasaran dan daya beli. Namun begitu, [19] melaporkan bahawa industri perbukuan menampakkan pertumbuhan yang positif, terutama dengan Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) 2022 sebagai penanda aras. PBAKL telah menjadi landasan untuk mengambarkan perkembangan industri perbukuan di Malaysia. PBAKL 2023 bermula pada 26 Mei dan melibatkan lebih 213 pempamer daripada kalangan penerbit, pengedar dan kedai buku dari dalam dan luar negara [20]. Sebanyak 1.6 juta pengunjung telah dilaporkan mengunjungi pesta buku ini, dan jumlah ini menunjukkan peningkatan berbanding dengan tahun 2022, dengan hanya 1.3 juta pengunjung [21]. Walau bagaimanapun, adalah sukar untuk mengumpulkan data lengkap seperti jumlah jualan, bilangan naskhah terjual, genre naskhah terjual, senarai lengkap pempamer dan profil pengunjung tertinggi untuk menunjukkan fenomena sebenar industri perbukuan melalui PBAKL. Oleh itu, keadaan sebenar industri perbukuan tidak dapat disahihkan disebabkan ketiadaan data yang lengkap.

Oleh yang demikian, satu kajian data yang komprehensif perlu dilaksanakan bagi menentukan jenis data yang diperlukan bagi merumuskan statistik yang berkaitan dengan perbukuan negara. Pihak kerajaan mempunyai peranan penting sebagai penggiat dinamik untuk menaik taraf daya saing rakyat Malaysia dalam konteks perniagaan global. Era revolusi industri 4.0 yang sedang mengubah landskap perniagaan secara global menuntut sektor perbukuan terus berinovasi dengan hala tuju dan inisiatif yang lebih menyeluruh dengan menyediakan pangkalan data yang bersesuaian bagi kepentingan pengusaha perbukuan. Kajian ini amat penting dan bermanfaat kepada organisasi untuk membuat keputusan dasar sekali gus merupakan faktor yang harus dititikberatkan dalam pembentukan inisiatif perbukuan yang terarah dan efektif. Akhirnya, langkah-langkah ini akan membawa industri perbukuan kepada kejayaan mencapai visi dan misi yang digariskan oleh pihak berkepentingan.

1.2 OBJEKTIF KAJIAN

Industri perbukuan merupakan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) di Malaysia yang memainkan peranan penting dengan menyumbang 37.4 peratus kepada KDNK dan menggajikan lebih 47.8 peratus daripada keseluruhan Guna Tenaga pada tahun 2021. PMKS adalah antara industri yang amat terdesak untuk bertindak balas kepada teknologi digital bersifat global yang pada saat ini memberikan impak besar terhadap prospek bidang mereka.

PMKS perlu diberi maklumat yang berguna pada masa yang sesuai. Persaingan ekonomi Malaysia pada era revolusi industri 4.0 perlu ditingkatkan dari segi infrastruktur maklumat yang bersifat telus, sahih, sistematik dan terkini. Hal sedemikian bukan sahaja dapat meningkatkan persaingan PMKS, malah juga memanfaatkan semua lapisan masyarakat.

Oleh itu, objektif utama kajian ini ialah mewujudkan profil data buku negara yang komprehensif. Hal ini demikian kerana negara kekurangan data berstruktur dan berkelompok; kekurangan ini menyebabkan kerajaan dan pihak berkepentingan berdepan dengan kesukaran untuk membuat keputusan yang tepat dalam pembangunan statistik. Selain itu, terdapat kekurangan data yang komprehensif dan juga data yang boleh disahkan untuk mengukur sama ada industri perbukuan negara semakin berkembang atau menyusut. Memahami kaedah data tersebut membantu dalam pembentukan dasar untuk masa depan industri perbukuan negara.

Selain itu, Dasar Buku Negara yang diperkenalkan pada tahun 1981 masih belum dikemas kini, sedangkan dasar ini perlu dilaksanakan seiring dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan yang telah dibaharui mengikut keperluan semasa selaras dengan kompetensi abad ke-21. Kemas kini Dasar Buku Negara amat penting kerana dasar ini menetapkan garis panduan dan matlamat untuk perkembangan industri perbukuan mengikut aliran semasa berdasarkan revolusi industri 4.0 dan ekonomi gig. Hal ini melibatkan pengenalpastian peluang dan inisiatif untuk membantu perancangan strategik industri perbukuan berdasarkan data yang tepat dan sahih yang dikumpulkan daripada pemain industri dalam pangkalan data profil perbukuan.

Secara terperinci, objektif kajian ini adalah seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1:

Rajah 1: Objektif kajian

Dapatan kajian ini dapat membantu perkembangan industri perbukuan merangka satu dasar dalam penyediaan bahan bacaan yang diminati oleh rakyat Malaysia. Pelaksanaan Dekad Membaca Kebangsaan (DMK) 2021–2030 dengan slogan #MalaysiaMembaca bermatlamat menjadikan Malaysia sebuah negara membaca dan melahirkan masyarakat berilmu yang bertaraf dunia. Bagi memastikan matlamat yang dihasratkan tercapai, hasil kajian ini akan menyokong inisiatif DMK dengan memberikan penekanan kepada program yang bersesuaian.

2.0 KAEDAH KAJIAN

Bahagian ini menghuraikan pelaksanaan keseluruhan kajian, proses pengumpulan data dan analisis data. Terdapat tiga aspek penting dalam kajian ini, iaitu rekod data perbukuan, indikator yang mengukur data perbukuan dan pandangan pemain industri perbukuan negara. Untuk mencapai objektif kajian, kaedah analisis kandungan sekunder dan pendekatan penyelidikan kualitatif melalui temu bual serta perbincangan kumpulan berfokus (PKF) diterapkan sebagai reka bentuk kajian. Rajah 2 menunjukkan reka bentuk kajian yang berasaskan pendekatan kaedah gabungan. Menurut Creswell dan Clark [22], penyelidikan yang menggabungkan kaedah kuantitatif dan kualitatif disebut sebagai penyelidikan kaedah gabungan, iaitu suatu kaedah pengumpulan data yang dibuat melalui soal selidik, temu bual, pemerhatian, dan penyemakan dokumen sebagai satu kajian yang melibatkan pengutipan dan penganalisisan data melalui kombinasi kedua-dua kaedah secara serentak dalam satu kajian.

Rajah 2: Reka bentuk kajian menggunakan kaedah gabungan



Dalam konteks penyelidikan, penerapan kaedah triangulasi amat sinonim dengan penyelidikan kaedah gabungan. Dalam kajian ini, 80 peratus daripada penyelidikan ini dilakukan berdasarkan kaedah kualitatif, manakala 20 peratus lagi menggunakan pendekatan kuantitatif. Penggunaan triangulasi dalam kajian ini bertujuan mengukuhkan proses pengumpulan data. Triangulasi dalam kajian ini diterapkan melalui tiga cara, iaitu melalui semakan dokumen, melalui soal selidik dalam penyelidikan pasaran secara dalam talian serta melalui temu bual dan PKF.

Kaedah triangulasi dalam pengumpulan data dapat dianalisis melalui kaedah kualitatif dan kuantitatif dalam penyelidikan. Dalam kajian ini, data yang diperoleh melalui analisis kandungan dokumen, temu bual dan PKF dianalisis secara kualitatif, manakala data daripada soal selidik dianalisis melalui kaedah kuantitatif. Pengumpulan data kuantitatif bertujuan melengkapkan, memantapkan dan mengukuhkan data yang diperoleh daripada sumber utama.

2.1 DATA SEKUNDER

Kajian ini menerapkan kaedah analisis kandungan menggunakan data sekunder untuk membentuk profil data perbukuan negara daripada agensi utama yang berikut:

(i) Perpustakaan Negara Malaysia (PNM)
(ii) Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM) (melalui Urusetia Tetap MBKM, Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia)
(iii) Persatuan Penerbit Buku Malaysia (*Malaysian Book Publishers Association* atau MABOPA)
(iv) Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan (BSTP), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)
(v) Agensi global yang berkaitan seperti Pertubuhan Pelajaran, Sains, dan Kebudayaan Bangsa-bangsa Bersatu (*United Nations Educational Scientific and Cultural Organisation* atau UNESCO)

Laporan tahunan, data statistik daripada pihak berkepentingan dan agensi terlibat, laman web yang boleh dipercayai serta artikel ilmiah yang berkaitan dengan kajian data perbukuan adalah antara data sekunder yang digunakan untuk merangka profil data perbukuan ini.

Kaedah analisis kandungan kualitatif ialah kaedah menghuraikan maksud bahan kualitatif secara sistematik yang dilakukan dengan mengklasifikasikan bahan sebagai contoh (*instances*) bagi kategori bingkai pengekodan [23]. Kaedah ini diguna pakai untuk data yang besar dan memerlukan penerangan, pada data verbal dan visual, data yang menjadi sampel daripada sumber lain (dokumen, Internet, media sosial) dan data yang dikumpul sendiri melalui temu bual atau PKF.

Pengumpulan data sekunder menggunakan kaedah semakan dokumen yang dilaksanakan bertujuan:

(i) Mendapatkan, mengumpulkan serta menganalisis laporan atau statistik berkaitan dengan data perbukuan yang diperoleh untuk mencerap data perbukuan semasa yang bersesuaian dan setara.
(ii) Melaksanakan kajian literatur daripada sumber penerbitan ilmiah, laporan pihak berkepentingan sedia ada dan agensi global berkaitan seperti UNESCO.
(iii) Mengenal pasti syarikat penerbit yang berdaftar di bawah MABOPA untuk tujuan pensampelan kajian.
(iv) Mendapatkan harga buku semasa serta menentukan kaedah pengiraan purata harga buku negara semasa.

2.1.1 Kaedah Pensampelan

Terdapat dua kaedah pengumpulan data sekunder dalam kajian ini. Pertama, aktiviti pengumpulan data daripada agensi utama seperti PNM, MBKM, BSTP KPM, DOSM dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Kedua, aktiviti pengumpulan data yang melibatkan pemain industri perbukuan seperti syarikat penerbitan, syarikat pengedar dan persatuan penulis di Malaysia.

2.1.1.1 Aktiviti Pengumpulan Data daripada Agensi Utama

Bagi mendapatkan data seperti permohonan pendaftaran *International Standard Book Number* (ISBN) dan e-ISBN, perangkaan perolehan koleksi perpustakaan mengikut tajuk perkara dan jenis bahasa, sumber yang dirujuk termasuklah Laporan Tahunan PNM dan Laporan Perangkaan PNM, manakala bagi data jualan buku, sumber yang dirujuk adalah daripada persatuan penerbit seperti MABOPA. Sementara itu, sumber berkaitan dengan hasil pendapatan perbukuan negara daripada pameran buku tempatan dan antarabangsa yang telah dijalankan dirujuk daripada MBKM. Selain itu, nilai penerbitan buku teks di Malaysia turut diperoleh dan dirujuk daripada sumber BSTP KPM bagi menyokong aktiviti pengumpulan data kajian. Kesemua data yang dikumpulkan turut melalui proses validasi daripada pemunya data, bagi memastikan data yang diperoleh adalah sahih.

2.1.1.2 Aktiviti Pengumpulan Data yang Melibatkan Pemain Industri Perbukuan

Antara aktiviti awal yang dilaksanakan ialah penyelidikan pasaran secara dalam talian bagi menjalinkan kerjasama dengan kedai buku, pengedar dan penerbit yang dikenal pasti dengan tujuan mendapatkan angka jualan dan senarai buku terlaris. Walau bagaimanapun, bagi mendapatkan data jualan buku di Malaysia, MABOPA ialah satu-satunya rujukan utama yang dapat menyediakan data jualan dan data penerbitan bagi syarikat yang berdaftar dengannya. Selain itu, hanya profil penulis dan profil ahli sahaja yang diperoleh daripada persatuan yang berkait rapat dengan industri perbukuan negara di bawah kategori pengkaryaan seperti Persatuan Penulis Nasional Malaysia (PENA), Gabungan Persatuan Penulis Nasional (GAPENA) dan Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM).

2.1.2 Kriteria Pensampelan

Tujuan utama penggunaan kaedah pensampelan syarikat penerbitan dalam kajian ini ialah menjelaskan kaedah yang paling sesuai untuk mencerminkan keadaan sebenar industri penerbitan di Malaysia. Keperluan untuk mencari kaedah yang sesuai timbul disebabkan oleh kekurangan data dan isu kecukupan data daripada semua syarikat penerbitan. Pada masa depan, sekiranya data yang lengkap dapat diperoleh, pihak kerajaan boleh menjalankan kajian yang lebih terperinci dengan kaedah yang dicadangkan oleh pakar.

Daripada 166 buah syarikat penerbitan yang berdaftar dengan MABOPA pada tahun 2023 [24], tiga kriteria telah digunakan untuk memilih syarikat penerbitan sebagai pensampelan kajian ini. Kriteria tersebut termasuklah syarikat yang mempunyai lebih daripada 20 orang pekerja, telah beroperasi sekurang-kurangnya sejak tahun 2013 dan menjana penjualan tahunan sekurang-kurangnya RM15 juta yang memenuhi julat median yang disyorkan MABOPA. Selain itu, syarikat perniagaan yang memenuhi ketiga-tiga kriteria tersebut dimasukkan ke dalam satu daripada beberapa kategori syarikat penerbitan seperti:

(i) Syarikat penerbitan di bawah badan kerajaan
(ii) Syarikat penerbitan swasta
(iii) Syarikat penerbitan bahan terjemahan
(iv) Syarikat penerbitan bahan rujukan pendidikan (sekolah)
(v) Syarikat penerbitan bahan ilmiah

Kriteria yang digunakan untuk maksud kajian ini berasaskan kedudukan sesebuah syarikat yang dikategorikan sebagai kukuh dalam kalangan syarikat penerbitan. Hal ini menggambarkan pelibatan pelbagai kategori syarikat penerbitan yang menyeluruh yang juga dianggap sebagai pemain utama dalam industri perbukuan di Malaysia.

2.2 KAJIAN PENANDA ARAS

Profil data yang digunakan oleh negara luar telah dipilih melalui kajian penanda aras. Laporan tahunan industri perbukuan dari negara lain juga telah diteliti. Di samping itu, penerbitan UNESCO yang berkaitan dengan profil data yang dicadangkan untuk sesebuah negara juga telah diambil kira. Senarai negara yang dipilih dibuat berdasarkan sumber yang berikut:

(i) **China** – pendapatan pasaran buku di China ialah sekitar US$50 bilion (RM239 bilion) pada tahun 2021 [25].
(ii) **Amerika Syarikat** – pendapatan pasaran buku di Amerika Syarikat ialah sekitar US$28.1 bilion (RM122.8 bilion) pada tahun 2022 [26].
(iii) **Jepun** – pendapatan pasaran buku di Jepun ialah sekitar JPY$1.6 trilion (RM50 bilion) pada tahun 2022 [27].
(iv) **Jerman** – pendapatan pasaran buku di Jerman ialah sekitar €9.5 bilion (RM47 bilion) pada tahun 2020 [28].
(v) **United Kingdom** – pendapatan pasaran buku di United Kingdom ialah sekitar £7 bilion (RM41 bilion) pada tahun 2022 [29].

Walau bagaimanapun, tidak semua laporan terperinci negara-negara tersebut dapat diperoleh atau dicapai. Oleh itu, kajian diperluas ke negara lain yang mempunyai laporan tahunan yang dapat diperoleh dan konsisten. Selain itu, kandungan dan ketelitian data dalam laporan negara juga diambil kira. Semasa proses pengumpulan data sekunder, profil data negara yang dijadikan rujukan akan digunakan sebagai panduan.

Data perbukuan Amerika Syarikat, Jepun, United Kingdom, Korea Selatan, Jerman dan China adalah antara industri perbukuan antarabangsa yang diteliti dalam kajian ini. Sementara itu, data perbukuan dari Afrika Selatan pula dikaji menggunakan laporan industri perbukuan tahunan.

2.2.1 Kajian Penanda Aras Laporan Industri Perbukuan Luar Negara

Kajian ini menggunakan metodologi penanda aras (*benchmarking*) untuk menganalisis data yang diperoleh dan membuat perbandingan dengan sekurang-kurangnya lima buah negara luar yang setanding. Selain itu, kajian ini menggunakan demografi yang sesuai dan kajian jangkaan berdasarkan trend semasa. Seperti yang telah disetujui oleh kerajaan dan perunding, kajian penanda aras ini dijalankan dengan meneliti data perbukuan antarabangsa dari Amerika Syarikat, Jepun, United Kingdom, Korea Selatan, Afrika Selatan, Jerman dan China.

a. Garis Panduan UNESCO bagi Penilaian Industri Perbukuan

A Methodology to Collect International Book Statistics: Framework - Indicators - Methodology & Strategies - Groundwork for a Test Run terbitan UNESCO menjadi rujukan utama untuk profil data perbukuan di seluruh dunia. Kertas kerja UNESCO ini [30] diterbitkan pada tahun 2009, ketika industri penerbitan berdepan dengan cabaran besar akibat kemajuan teknologi digital, perubahan rangkaian dan krisis kewangan global. Cabaran ini menjejaskan budaya membaca dan pasaran penerbitan. Kegagalan mengesan perubahan dan peluang boleh membawa risiko dan kesan negatif kepada industri dan masyarakat yang bergantung pada buku sebagai sumber pengetahuan. Selain itu, pihak berkepentingan menghadapi kesukaran untuk menilai perubahan dan peluang kerana kekurangan data dan analisis yang boleh dipercayai berkaitan dengan budaya buku dan pasaran penerbitan global.

Oleh itu, UNESCO, Persatuan Penerbit Antarabangsa (*International Publishers Association* atau IPA), Persatuan Penjual Buku Antarabangsa, dan juga Persekutuan Antarabangsa Persatuan Institusi Perpustakaan (*International Federation of Library Associations and Institutions* atau IFLA) berusaha untuk bekerjasama dan menyelesaikan isu kekurangan data dan analisis ini. Walaupun data ini tidak konsisten atau tidak lengkap, pihak berkepentingan mencadangkan cara yang lebih teratur dan berkesan untuk mengumpulkan dan mengintegrasikan data tersebut. Proses ini perlu dilaksanakan secara sistematik supaya tindakan pantas dan penemuan awal yang berfaedah dapat dicapai. Selain itu, pihak berkepentingan meminta pembentukan asas yang kukuh untuk model buku global. Dengan menggunakan model ini, cadangan dapat dihantar kepada kerajaan, industri dan pihak berkepentingan lain untuk mengumpulkan dana yang diperlukan bagi menyelesaikan tugasan dengan segera dan dengan kualiti yang diingini.

UNESCO juga bermatlamat menjadikan buku sebagai alat atau medium penyebaran ilmu, pemeliharaan warisan budaya dan pendorong pemahaman antara budaya. Tujuan dan usaha yang lain termasuklah:

(i) **Menggalakkan literasi dan pendidikan:** UNESCO bekerja untuk meningkatkan capaian kepada pendidikan dan kadar literasi di seluruh dunia. Buku ialah komponen penting dalam penyediaan maklumat dan sumber pembelajaran kepada rakyat di seluruh dunia.

(ii) **Memelihara dan mempromosikan kepelbagaian budaya:** UNESCO menyokong usaha memelihara warisan bahasa dan budaya dengan menyokong penciptaan dan penyebaran buku dalam pelbagai bahasa.
(iii) **Memacu industri perbukuan:** Dengan mengadakan acara seperti Hari Buku Sedunia dan program Ibu Kota Buku Dunia, UNESCO membantu pertumbuhan dan perkembangan industri perbukuan.

Melalui inisiatif seperti program Ibu Kota Buku Dunia oleh UNESCO [31] dan Hari Buku Sedunia [32] yang diperkenalkan pada 23 April, UNESCO mempromosikan pembacaan, penerbitan dan pelindungan hak cipta di seluruh dunia. Inisiatif Bandar Ibu Kota Buku Dunia UNESCO merupakan pengiktirafan sebuah bandar berdasarkan komitmennya terhadap buku, literasi dan industri penerbitan. Pada setiap tahun, bandar yang terpilih mengadakan aktiviti berkaitan dengan buku bagi memupuk budaya membaca dan menghargai keistimewaan bahan penulisan. Melalui usaha ini, UNESCO memberikan pengaruh yang besar terhadap perkembangan dan penghargaan buku di seluruh dunia.

Amerika Syarikat

Industri penerbitan buku di Amerika Syarikat adalah antara yang terbesar dan yang paling berpengaruh di dunia. Menurut Statista, industri perbukuan di Amerika Syarikat menjana sekitar US$28.1 bilion pada 2022 (atau sekitar RM122.8 bilion [26]). Hasil ini datang daripada kepelbagaian format buku seperti buku bercetak, e-buku dan buku audio, serta pelbagai segmen pasaran termasuklah buku perdagangan, pendidikan dan profesional. Industri ini didominasi oleh penerbit *'Big Five'*, iaitu Penguin Random House, HarperCollins Publishers, Simon & Schuster, Hachette Book Group dan Macmillan Publishers [33]. Industri ini juga merangkumi inovasi digital, selain buku bercetak yang tradisional. Popularity platform penerbitan sendiri telah mengubah industri ini dengan menawarkan pelbagai perspektif dan peluang kepada penulis dan pembaca.

Kira-kira 86 peratus daripada rakyat dewasa di Amerika Syarikat memiliki kemahiran literasi [34]. Walau bagaimanapun, adalah penting untuk diambil kira bahawa tahap literasi mungkin berbeza-beza mengikut demografi dan negeri. Melalui pelbagai program dan inisiatif, usaha berterusan dilakukan untuk menangani isu literasi dalam komuniti yang kurang bernasib baik. Beberapa faktor yang mempengaruhi literasi termasuklah tahap pendidikan, pendapatan, usia dan etnik [35].

Secara purata, rakyat dewasa di Amerika Syarikat membaca kira-kira 17 buah buku pada setiap tahun [36]. Genre misteri, *thriller,* romantik, dan fiksyen sains adalah antara yang paling popular dalam kalangan pembaca di Amerika Syarikat [37]. Selama bertahun-tahun, e-buku dan buku audio telah berjaya meraih popularity, dan ramai pembaca telah menggunakan platform dan peranti digital untuk membaca. Budaya membaca yang rancak juga didorong oleh perpustakaan, kelab buku dan penganjuran festival sastera.

Jepun

Industri perbukuan di Jepun merupakan pasaran yang besar dan pelbagai, yang meliputi pelbagai jenis kandungan media seperti bahan bercetak, digital dan audio. Menurut Statista, nilai jualan industri penerbitan di Jepun dianggarkan pada JPY1.63 trilion pada tahun 2022. Jumlah ini merupakan penurunan kira-kira JPY400 juta berbanding dengan pendapatan pada tahun sebelumnya [38]. Industri penerbitan Jepun menghasilkan buku, majalah, komik dan berbagai jenis kandungan media yang lain. Segmen pasaran terbesar ialah buku bercetak dengan nilai jualan sebanyak JPY649.7 pada tahun 2022 [39]. Walau bagaimanapun, penerbitan digital, terutama *manga* digital, menunjukkan trajektori pertumbuhan yang kukuh sejak beberapa tahun kebelakangan ini [40].

Beberapa buah penerbit utama di Jepun ialah Kodansha, Shogakukan, Shueisha, Kadokawa, Hakusensha, Shinchosha dan Gentosha [41]. Penerbit-penerbit ini menghasilkan pelbagai genre dan penerbitan dalam pelbagai format, termasuk novel, komik, majalah, novel ringan, dan buku kanak-kanak. Jepun juga terkenal dengan beberapa orang penulis dan artis *manga* yang popular dan berpengaruh seperti Haruki Murakami, Keigo Higashino, Naoki Urasawa, Eiichiro Oda dan Hajime Isayama [41].

Industri perbukuan Jepun juga menghadapi beberapa cabaran dan peluang dalam pasaran global. Salah satu cabarannya ialah kemerosotan media bercetak disebabkan persaingan daripada media dalam talian dan perubahan pilihan pengguna [42]. Cabaran lain termasuklah pelindungan hak harta intelek dan pencegahan cetak rompak [42].

Di sisi lain, terdapat peluang yang timbul seperti peningkatan permintaan untuk kandungan Jepun dari pasaran luar negara, terutama di Asia dan Amerika Utara. Peluang lain termasuklah pembangunan teknologi dan platform baharu yang dapat meningkatkan kualiti dan kebolehcapaian media digital [42].

Tinjauan yang dijalankan di Jepun pada Ogos 2021 menunjukkan bahawa lebih daripada 53 peratus responden membaca buku bercetak sahaja, tanpa menggunakan e-buku [43]. Pada masa yang sama, hampir 40 peratus menyatakan bahawa mereka membaca kedua-dua jenis buku bercetak dan e-buku [43]. Aktiviti membaca sering dilihat sebagai satu tindakan memupuk diri dan cara memperoleh kesedaran tentang kumpulan dan negara seseorang [44]. Rakyat Jepun membaca pelbagai jenis buku, majalah, komik, surat khabar dan banyak lagi, di tempat dan majlis yang berbeza-beza. Secara purata, rakyat Jepun membaca kira-kira 12 buah buku setahun [45].

United Kingdom

Annual Report of the Publishers Association [46] merupakan tinjauan tahunan yang komprehensif tentang industri perbukuan di United Kingdom dan boleh dimuat turun dengan harga antara RM500 hingga RM600. Walau bagaimanapun, ringkasan dan kandungan laporan boleh dibaca secara percuma. Laporan ini menyediakan elemen data yang meliputi genre, penerbit, angka jualan, eksport, purata dan jumlah judul buku yang diterjemahkan berdasarkan bahasa sumber. Selain itu, laporan yang disediakan dan diedarkan oleh persatuan penerbit tempatan United Kingdom ini juga mengandungi maklumat tentang buku teks, jurnal akademik dan bahan pengajaran dalam bahasa Inggeris.

Menurut *The Publishers Association* [47], jualan buku pada 2023 mencecah lebih £7 bilion (RM41 bilion) dengan peningkatan sebanyak 16 peratus berbanding dengan jualan buku pada tahun 2020. Pasaran di United Kingdom menawarkan pelbagai jenis buku seperti novel, fiksyen sejarah, buku kanak-kanak dan buku masakan. Antara syarikat penerbitan terkemuka dalam industri perbukuan di United Kingdom ialah Penguin Random House, HarperCollins Publishers, Hachette UK dan Macmillan Publishers. Industri perbukuan di United Kingdom juga telah berjaya menyesuaikan diri dengan perubahan zaman; lebih ramai penulis dan penerbit menerima format e-buku dan perkembangan ini berjaya menyumbang sekitar 28 peratus daripada jualan buku pada tahun 2023 [47]. Pengunaan e-buku, terutama semasa pandemik COVID-19, telah mengganggu rantaian bekalan buku tradisional dan memaksa ramai penulis membatalkan acara buku mereka. Walau bagaimanapun, industri perbukuan di United Kingdom telah menerima bantuan kerajaan melalui program sokongan COVID-19 untuk industri budaya dan kreatif yang telah membantu penerbit dan penulis mengekalkan perniagaan mereka [48].

Kadar literasi dewasa di United Kingdom ialah sekitar 99 peratus [49]. Secara purata, rakyat Britain membaca 15 buah buku setahun [50] dengan genre popular yang merangkumi fantasi, percintaan dan jenayah sebenar. United Kingdom juga menjadi tuan rumah untuk penganjuran beberapa festival dan acara sastera berprestij seperti Festival Buku Antarabangsa Edinburgh, Festival Hay, dan Pesta Buku London – yang mempamerkan kesusasteraan British dan antarabangsa yang terbaik serta menarik penulis dan pembaca dari seluruh dunia.

Korea Selatan

Persatuan Penerbit Korea mengeluarkan laporan tahunan industri perbukuan Korea Selatan yang disebut sebagai *Publishing Market Statistics* yang boleh dimuat turun secara percuma daripada laman web persatuan tersebut [51]. Semua laporan asal atau rasmi yang dikeluarkan dalam bahasa Korea perlu diterjemahkan. Maklumat data yang berjaya diperoleh merangkumi genre, pecahan statistik, purata dan jumlah judul buku terjemahan mengikut bahasa asal. Persatuan Penerbit Korea mempunyai hak milik untuk menerbitkan laporan ini. Laporan ini dikeluarkan oleh *Research Institute Korea Publishing Culture Association Korea Publishing* dan *Reading Policy Research Institute*.

Dalam laporan 2023, Statista menyatakan bahawa industri perbukuan Korea Selatan bernilai sekitar 273.7 bilion (RM1.1 bilion) [52]. Pasaran buku di Korea Selatan meliputi pelbagai jenis bahan bacaan seperti sastera, komik, buku kanak-kanak dan buku teks. Sastera dan komik ialah dua genre yang paling popular dalam kalangan pembaca di Korea Selatan [52]. Antara penerbit yang terkenal di Korea Selatan termasuklah Munhakdongne Publishing Group, Haein Publishing Company dan Changbi Publishers. Syarikat penerbitan ini menerbitkan buku, terutama dalam bahasa Korea, dan juga menawarkan terjemahan buku Korea ke dalam bahasa Inggeris dan bahasa-bahasa lain.

Selain industri buku bercetak, industri e-buku juga berkembang pesat. Penerbitan e-buku semakin popular kerana e-buku lebih mudah dan boleh dicapai di mana-mana sahaja. Menurut *DataReportal* [53], terdapat 50.56 juta pengguna Internet di Korea Selatan pada tahun 2023,

dengan penembusan Internet sebanyak 97.6 peratus. Hal ini bermakna kebanyakan rakyat Korea Selatan mempunyai capaian kepada platform dan perkhidmatan buku dalam talian. Secara keseluruhannya, industri perbukuan Korea Selatan terus berkembang dan memberikan banyak peluang kepada penulis, penerbit serta pembaca. Sungguhpun begitu, industri ini juga menghadapi beberapa cabaran seperti persaingan sengit daripada pasaran buku asing dan perubahan aliran digital.

Kadar literasi rakyat dewasa Korea Selatan adalah antara yang tertinggi di dunia, iaitu sekitar 98.8 peratus [54]. Korea Selatan mempunyai budaya membaca yang kuat, dengan kewujudan banyak kedai buku, perpustakaan dan kafe buku. Secara purata, rakyat dewasa Korea Selatan membaca 7.3 buah buku setahun, manakala kanak-kanak pula membaca purata 40.7 buah buku setahun [55]. Antara genre yang digemari ialah motivasi diri, sastera dan sejarah.

Afrika Selatan

Laporan tahunan *South African Book Publishing Industry Survey* [56] boleh dicapai secara percuma melalui laman web Persatuan Penerbit Afrika Selatan (*Publishers' Association of South Africa* atau PASA) sejak tahun 2002. Walau bagaimanapun, laporan ini berbeza daripada laporan negara lain kerana laporan PASA memperincikan penerbitan buku dan buku teks dalam bahasa tempatan. Laporan industri ini disediakan oleh persatuan penerbit tempatan dengan kerjasama Jabatan Sains Maklumat di University of Pretoria, Afrika Selatan. Yang menariknya ialah laporan industri ini adalah lebih terperinci sehingga memasukkan jenis pekerjaan dan saiz syarikat. Data yang disediakan termasuklah genre, judul, jumlah jualan dan purata jualan buku.

Dengan penerbit tempatan seperti Penguin Random House South Africa, Jonathan Ball Publishers dan Jacana Media sebagai pemain utama, pasaran buku di Afrika Selatan menjadi lebih kompetitif dan dinamik dengan nilai pasaran mencecah R3.3 bilion (RM800 juta) pada tahun 2022 [56]. Genre buku yang paling popular termasuklah fiksyen dan bukan fiksyen, kanak-kanak dan pendidikan.

Walau bagaimanapun, industri perbukuan di Afrika Selatan masih dibelenggu banyak cabaran. Antaranya ialah pasaran tempatan yang kecil dan kekurangan capaian kepada pasaran antarabangsa. Meskipun begitu, pihak kerajaan Afrika Selatan telah mengambil banyak inisiatif seperti menyediakan sokongan kewangan dan insentif lain bagi merangsang pertumbuhan dan perkembangan industri perbukuan. Peningkatan permintaan untuk buku digital juga telah meningkat lantaran pasaran e-buku yang semakin popular. Walaupun begitu, buku bercetak masih menjadi pilihan utama dalam kalangan pembaca.

Walaupun anggaran menunjukkan bahawa 87 peratus rakyat dewasa dikategorikan sebagai celik huruf, tabiat membaca rakyat di Afrika Selatan masih belum mencapai tahap yang memuaskan. Tinjauan yang dijalankan pada tahun 2016 mendapati hanya sekitar 14 peratus daripada rakyat mereka merupakan pembaca buku yang aktif, dan 58 peratus isi rumah tidak mempunyai walau senaskhah buku untuk dibaca bagi mengisi masa lapang mereka. Secara purata, rakyat Afrika Selatan hanya membaca kira-kira 2.4 buah buku setahun.

Jerman

Laporan tahunan industri perbukuan untuk negara Jerman boleh didapati daripada laman web Persatuan Penerbit dan Penjual Buku Jerman (*Börsenverein des Deutschen Buchhandels*) [57]. Walaupun laporan asal disediakan dalam bahasa Jerman, terdapat ringkasan tentang industri perbukuan Jerman yang telah diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris.

Pada tahun 2020, industri perbukuan Jerman bernilai kira-kira €9.5 bilion (RM47 bilion) [29], dengan penerbit konvensional terus mendominasi pasaran. Lima penerbit terbesar yang memiliki majoriti saham pasaran merupakan Penguin Random House, Bonnier, Holtzbrinck Publishing Group, HarperCollins, dan C.H. Beck. Biarpun begitu, industri penerbitan Jerman secara keseluruhannya adalah bebas dan berkembang pesat.

Menurut Persatuan Penerbit dan Penjual Buku Jerman, genre yang paling popular di Jerman ialah pendidikan, kanak-kanak, fiksyen dan bukan fiksyen. Pasaran ini sangat kompetitif kerana dianggarkan sebanyak 90,000 buah buku baharu diterbitkan pada setiap tahun sehinggakan penerbit dan penulis berdepan dengan cabaran untuk menonjol dan meramalkan kejayaan buku mereka.

Sejak akhir-akhir ini, e-buku dan buku audio semakin popular dalam kalangan pembaca di Jerman. Walau bagaimanapun, jualan buku fizikal masih mendominasi pasaran. Penerbitan jenis e-buku menyumbang kira-kira enam peratus daripada jumlah jualan buku pada tahun 2020. Namun begitu, menurut Persatuan Penerbit dan Penjual Buku Jerman, angka ini dijangka meningkat seiring dengan peningkatan jumlah pembaca yang beralih kepada bahan bacaan digital.

Di Jerman, kadar literasi rakyat dewasa adalah tinggi, iaitu 99 peratus. Masyarakat Jerman mempunyai minat yang tinggi terhadap aktiviti membaca, dengan purata rakyat Jerman membaca kira-kira 12.2 buah buku setahun. Selain mempunyai industri penerbitan yang kukuh, Jerman juga menjadi tuan rumah bagi salah satu pesta buku terbesar dunia.

China

Berdasarkan kajian yang dijalankan sebelum penulisan laporan ini, tiada laporan rasmi secara terperinci tentang industri perbukuan di China dalam bahasa Inggeris yang ditemukan. Pilihan maklumat dalam bahasa Inggeris adalah terhad, dan laman web utama persatuan industri mereka ditulis dalam bahasa Mandarin. Walau bagaimanapun, kajian yang dijalankan oleh laman web berita China memberikan gambaran yang jelas tentang industri perbukuan negara itu.

Pada tahun 2021, pasaran buku China dijangka mencatatkan pulangan sekitar CN¥372 bilion (RM239 Billion) yang menunjukkan penurunan sebanyak 13.8 peratus daripada pasaran buku pada tahun 2020 [58]. Penerbitan konvensional, terutama yang dimiliki oleh kerajaan, masih menguasai pasaran dengan genre paling popular termasuk sastera, pendidikan, sains sosial dan buku kanak-kanak. Penerbitan dan pengedaran buku di China dikawal selia dengan ketat sehingga setiap buku mesti mendapat kelulusan kerajaan sebelum diterbitkan.

Walaupun e-buku dan buku audio semakin popular di China, buku bercetak masih menyumbang sebahagian besar daripada jualan. Pada tahun 2022, e-buku diunjurkan mencakupi 25 peratus daripada pasaran [59]. Peningkatan ketara dalam penerbitan digital ini memberikan kesan yang memaksa penerbit dan penulis untuk beradaptasi. Program bantuan kerajaan seperti subsidi, pelepasan cukai dan dana untuk perayaan serta acara sastera telah membantu pembangunan industri dan budaya membaca negara tersebut.

Kadar literasi rakyat dewasa di China juga tinggi, iaitu 97.5 peratus [59]. Tabiat membaca rakyat China semakin meningkat dengan purata 5.2 buah buku setahun [59]. Antara genre yang popular ialah motivasi diri, sastera dan sejarah. Pasaran buku China kini adalah antara yang terbesar di dunia disebabkan oleh daya tahan perbelanjaan pengguna dan inovasi platform bacaan digital [60].

2.2.2 Rumusan Kajian Penanda Aras

Semua negara dalam kajian penanda aras ini menggunakan pelbagai teknik untuk mengumpulkan dan melaporkan data industri perbukuan. Metodologi pengumpulan data untuk setiap negara adalah berbeza-beza bergantung pada konteks dan ciri-ciri unik negara tersebut. Sebagai contoh:

(i) **United Kingdom:** Buku teks terbahagi kepada dua kategori, iaitu buku semua subjek dan buku pengajaran bahasa Inggeris.
(iI) **Korea Selatan:** Buku yang diterjemahkan ke dalam bahasa Korea daripada pelbagai bahasa luar, termasuklah dari Asia Tenggara
(iii) **Afrika Selatan:** Data penerbitan buku daripada pelbagai bahasa tempatan.

Kebanyakan negara yang mengeluarkan laporan tahunan industri perbukuan masing-masing melalui persatuan penerbitan buku utama negara. Laporan tahunan terperinci biasanya perlu dibeli daripada persatuan penerbitan buku utama tersebut seperti laporan tahunan industri perbukuan di United Kingdom dan laporan tahunan industri perbukuan di Korea Selatan. Walau bagaimanapun, di beberapa negara seperti Afrika Selatan, terdapat kemungkinan laporan tersebut boleh juga dicapai secara percuma melalui laman web persatuan penerbit. Selain itu, terdapat juga laporan yang disediakan oleh firma yang menghasilkan laporan tahunan atau organisasi penyelidikan pasaran seperti Anything Research, IBISworld dan Statista yang boleh dilanggan dengan harga antara RM400 hingga RM1,200.

Untuk memudahkan perbandingan, data daripada negara penanda aras dikumpulkan dan disusun dalam bentuk jadual (rujuk Jadual 1). Berdasarkan standard negara tersebut, UPUM Sdn. Bhd. mencadangkan senarai profil data perbukuan negara untuk menyediakan hasil keputusan kajian perbukuan ini serta melihat perkembangan industri perbukuan global. Walau bagaimanapun, isi senarai ini mungkin akan berubah berdasarkan data perbukuan yang sedang dikumpulkan dari semasa ke semasa.

Jadual 1: Perbandingan negara penanda aras

Isi Kandungan	UNESCO	Amerika Syarikat	Jepun	United Kingdom	Korea Selatan	Afrika Selatan	Jerman	China
Tahun			2018	2020	2021	2019–2021	2020–2021	2018
Isi Kandungan		*American Association of Publishers Report 2022*	*Statistics of Publishing in Japan*	*Publishers Association Yearbook 2020*	*Publishing Market Statistic 2021*	*South African Book Publishing Industry Survey 2019–2021*	*Annual Report Börsenverein des Deutschen Buchhandels*	*Report on the Development of China's Publishing Industry In 2018*
Pengenalan/tinjauan keseluruhan			X	/	X	/	/	/
Laluan/saluran pengedaran			/	X	X	/	X	/
Statistik penerbitan			/	/	/	/	/	/
Kategori (Kanak-kanak, buku teks)	/	/						
Bilangan salinan buku		/	/	/	/	/	X	/
Bilangan salinan majalah			/	X	/	X	X	X
Jualan buku	/	/	/	/	/	/	/	/
Jualan majalah			/	/	/	X	/	X
Jualan buku elektronik (e-buku)		/	/	/	/	/	/	/
Bilangan judul baharu	/		/	X	X	/	/	/
Jualan terlaris			/	X	X	X	/	/
Trend pembaca			/	X	X	X	/ X	/
Organisasi berkaitan dengan industri penerbitan (kedai buku utama, syarikat logistik penerbitan)	/		/	X	/	/	/	X
Persatuan penerbit			/	/	X	/	X	X
Penerbit utama (bilangan penerbitan)	/		/	/	/	/	/	/
Jualan menurut syarikat buku/penerbit /pasar buku			X	/	/	/	/	X
Pendapatan (pusing ganti perniagaan penerbit dan pasaran penerbitan)	/	/	/	/	/	/	/	/
Pengedaran (bilangan kedai buku)	/							
Pekerjaan (dalam industri perbukuan)			X	/	/	/	X	X
Eksport	/		X	/	X	X	X	X
Import	/		X	/	X	X	X	/
Jualan penerbit			X	/	/	X	/	X
Perpustakaan, buku dan pengguna	/							
Harga purata buku	/							

2.3 TEMU BUAL DAN PERBINCANGAN KUMPULAN BERFOKUS

Pendekatan penyelidikan kualitatif melalui temu bual dan PKF dilaksanakan pada peringkat seterusnya bagi mendapatkan pandangan pemain industri perbukuan. Kaedah kajian ini direka untuk mengenal pasti peluang dan inisiatif serta isu dan permasalahan dalam industri perbukuan negara. Aktiviti yang dilaksanakan melibatkan pemain industri perbukuan utama yang dikenal pasti, termasuklah penulis, penerbit dan pengedar untuk memahami pandangan dan keutamaan mereka. Proses perancangan reka bentuk kajian terdiri daripada fasa yang berikut:

(i) Pensampelan pemain industri perbukuan
(ii) Pembangunan protokol sesi temu bual dan PKF
(iii) Aktiviti pengumpulan data pemain industri perbukuan

2.3.1 Pensampelan Pemain Industri Perbukuan

Kajian ini memanfaatkan data daripada pemain industri perbukuan daripada agensi kerajaan, badan berkanun dan persatuan yang terlibat dalam industri perbukuan negara. Bagi mengumpulkan informan untuk kajian ini, teknik *snowball sampling* digunakan. Informan yang dipilih perlu memenuhi kriteria yang diperlukan, iaitu masih aktif dan terlibat secara langsung dalam industri perbukuan negara semasa kajian dijalankan.

Kaedah pensampelan melibatkan sebanyak 15 buah agensi yang berbeza dalam industri perbukuan serta dipilih secara kolektif oleh PNM dan perunding. Agensi yang terlibat ialah:

(i) Perpustakaan Negara Malaysia (PNM)
(ii) Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM)
(iii) Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)
(iv) Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MABOPA)
(v) Persatuan Penulis Nasional Malaysia (PENA)
(vi) Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM)
(vii) Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM)
(viii) Perbadanan Kota Buku (PKB)
(ix) Yayasan Pembangunan Buku Negara (YPBN)
(x) Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia (BSTP KPM)
(xi) Persatuan Pengeksport dan Pengimport Buku Malaysia (*Malaysian Book Exporters and Importers Associations* atau MBEIA)
(xii) Persatuan Editor Malaysia (PEM)
(xiii) Persatuan Kontraktor Buku Malaysia (PKBM)
(xiv) Persatuan Penggiat Komik Malaysia (PeKOMIK)
(xv) e-Sentral

Pembentukan senarai semak pemerhatian seterusnya dibentuk meliputi senarai pensampelan kajian dan penyediaan jadual sesi temu bual serta PKF. Senarai semak ini menumpukan data demografi informan seperti kategori agensi kerajaan, badan berkanun dan persatuan yang dikenal

pasti terlibat dengan industri perbukuan negara. Senarai semak pemerhatian dan soalan yang telah dibuat digunakan untuk memilih informan untuk temu bual. Terlebih dahulu, informan dihubungi untuk menentukan tarikh janji temu serta untuk menentukan sama ada temu bual akan diadakan secara peribadi dan bersemuka atau secara dalam talian mengikut masa yang sesuai dengan informan.

2.3.2 Pembangunan Protokol Sesi Temu bual dan Perbincangan Kumpulan Berfokus

Dalam fasa ini, pembentukan instrumen untuk sesi temu bual berstruktur dibangunkan bagi mendapatkan maklumat berkaitan dengan peluang dan inisiatif serta isu yang dihadapi. Sesi bengkel pengukuhan instrumen melibatkan ahli kumpulan perunding dan pegawai penyelidik telah diadakan untuk menentukan item-item penting bagi memenuhi keperluan kajian yang dijalankan.

2.3.3 Aktiviti Pengumpulan Data Pemain Industri Perbukuan

Bagi aktiviti pengumpulan data awalan, kajian soal selidik melalui penyelidikan pasaran yang dijalankan secara dalam talian telah berjaya menyokong pembangunan dan penambahbaikan instrumen kajian. Kajian ini melibatkan 15 buah agensi yang terlibat dalam industri perbukuan negara (rujuk 2.3.1). Aktiviti pengumpulan data awalan ini dilaksanakan untuk memastikan kesahihan (*validity*) dan kebolehpercayaan (*trustworthiness*) hasil kajian serta kepelbagaian informan.

Sementara itu, proses pengumpulan data kualitatif dilaksanakan menggunakan instrumen soalan berstruktur dalam bentuk temu bual dan PKF. Hal ini bertujuan memastikan aktiviti yang dijalankan adalah lebih berkesan demi mencapai matlamat utama kajian. Untuk menyokong dan memudahkan proses pengumpulan data, bantuan daripada pegawai yang berkenaan dan individu yang berkaitan diperlukan. Selain memperoleh semua maklumat yang diperlukan untuk kajian, perunding dan penyelidik memastikan semua aktiviti dan prosedur pengumpulan data dijalankan secara teratur dan terancang. Sebanyak 18 sesi temu bual dengan individu secara bersemuka telah dijalankan bagi aktiviti pengumpulan data ini. Empat sesi PKF pula telah dilaksanakan sekitar Februari dan Jun 2023 yang melibatkan sebanyak 25 informan daripada pelbagai kategori agensi seperti kerajaan, badan berkanun, swasta dan persatuan.

2.4 KAEDAH ANALISIS DATA

Analisis data deskriptif dan tematik digunakan untuk menjelaskan keputusan kajian. Data kuantitatif seperti profil data perbukuan negara yang melibatkan data ISBN, data penerbitan dan data nilai jualan dibentangkan dalam bentuk frekuensi dan peratusan. Proses analisis ini lebih mudah untuk difahami dan diterangkan untuk mencapai matlamat utama kajian. Sebaliknya, data kualitatif yang digunakan untuk mencapai objektif ketiga dan keempat dipaparkan melalui analisis tematik. Tujuan penganalisisan data yang dijalankan melalui pendekatan kualitatif ialah membentuk pelan perancangan industri perbukuan yang lebih sistematik dan berkekalan.

Skrip telah dibuat berdasarkan data kualitatif yang dikumpul daripada aktiviti temu bual dan PKF. Selanjutnya, transkrip akan disaring dan dianalisis menggunakan perisian ATLAS.ti. Kerangka PESTEL (*Political, Economic, Social, Technological, Environmental, Legal*) dan model NOISE (*Needs, Opportunities, Improvements, Strengths, Exceptions*) digunakan untuk mengkodkan tema utama, subtema dan hubungan antara tema yang dibentuk. Faktor politik (*political*) ialah cara dan tahap campur tangan kerajaan dalam ekonomi atau perniagaan. Ekonomi boleh terjejas oleh kerajaan. Hal ini dicapai melalui undang-undang dan peraturan. Kestabilan politik dan hubungannya dengan negara lain turut disertakan seperti halangan perdagangan, dasar cukai dan kestabilan politik. Faktor ekonomi (*economic*) pula berkenaan dengan elemen yang menentukan keberkesanan sesebuah ekonomi. Faktor ini memberikan kesan kepada syarikat dan mempunyai impak yang berkekalan. Hal ini termasuklah kenaikan mana-mana kadar inflasi ekonomi, faedah dan mata wang asing. Faktor sosial (*social*) mengambil kira perubahan persekitaran sosial yang lebih besar dan memerlukan pergerakan sosial untuk keadilan atau pergerakan sosial lain seperti perubahan dalam populasi dan demografi. Faktor teknologi (*technological*) mewakili cara perniagaan dan industri menggunakan teknologi. Faktor ini melibatkan sama ada mengusahakan perniagaan atau pengeluaran dan penjualan barangan dan perkhidmatan. Perniagaan yang mengikuti perkembangan teknologi mungkin menggunakannya untuk mencipta dan meningkatkan rancangan mereka. Faktor persekitaran (*environmental*) pula meliputi semua yang terjejas oleh atau yang ditentukan oleh persekitaran seperti cuaca, topografi, perubahan iklim dan masalah kesihatan memberikan kesan kepada faktor persekitaran. Faktor undang-undang (*legal*) mengkaji bagaimana aspek politik dimasukkan ke dalam undang-undang dan peraturan yang boleh menjejaskan pengguna atau perniagaan. Setelah isu utama dikenal pasti, kaedah matriks *risk mitigation decision making* (RMDM) digunakan untuk analisis seterusnya. RMDM ialah satu pendekatan untuk meletakkan peluang, usaha dan isu dalam industri perbukuan negara pada kedudukan tertinggi [61].

Analisis PESTEL ialah rangka kerja yang dibina untuk membantu pemasar menilai sama ada faktor makroekonomi mempengaruhi sesebuah organisasi. Rangka kerja ini ialah langkah kritikal untuk membantu organisasi mengenal pasti potensi ancaman dan kelemahan yang dapat digunakan dalam rangka kerja lain seperti SWOT (*Strengths, Weaknesses, Opportunities, Threats*) atau demi mendapatkan pemahaman yang lebih komprehensif dan menyeluruh tentang persekitaran pemasaran keseluruhan. Antara kajian yang telah menggunakan rangka kajian PESTEL termasuklah kajian tentang analisis makroalam sekitar dengan tujuan mengkaji faktor strategik yang mempengaruhi industri bangunan hijau [62] dan kajian tentang data besar dalam kriteria pemilihan dan pengenalpastian pengurusan bencana banjir [63].

Rajah 3: Rangka kajian PESTEL



Analisis NOISE pula ialah alat perancangan strategik dan merupakan alternatif yang berguna kepada analisis SWOT. Analisis ini membolehkan pembuat keputusan menganalisis keadaan semasa perniagaan dan membuat pelan penambahbaikan strategik. Analisis ini juga menggunakan pendekatan bahasa berfokuskan penyelesaian masalah yang membantu pasukan terlibat membina pengetahuan dan matlamat mereka serta mengatasi halangan yang dikenal pasti. Antara kajian yang telah dilaksanakan menggunakan analisis NOISE adalah seperti kajian tentang cara Bank Indonesia menyampaikan polisi kewangannya semasa pandemik COVID-19 [64] dan kajian tentang peluang penggunaan aset kripto dalam sektor tenaga boleh dibaharui dalam kerangka kerja Kesatuan Undang-undang Eropah [65].

Rajah 4: Rangka kerja NOISE

Bagi menganalis dan mengenal pasti isu dan solusi dalam industri perbukuan negara, kajian ini menggunakan kaedah matriks RMDM [61]. Matriks ini digunakan dengan mengenal pasti isu-isu utama atau *critical decision criteria* yang perlu dipertimbangkan dalam pemilihan solusi. Isu-isu ini dikenal pasti berdasarkan hasil dapatan temu bual dan PKF yang dijalankan. Solusi bagi setiap isu dikenal pasti melalui hasil analisis dokumen, temu bual, PKF dan kaedah pensampelan yang dijalankan.

Setiap isu dinilai bedasarkan impak positif (*positive impact atau P*I) dan impak negatif (*negative impact* atau NI) dengan menggunakan kaedah pemberatan. Dalam hal ini, kesan positif diukur dengan kadar 1, 5 dan 9; manakala, kesan negatif diukur dengan kadar 1, 3 dan 5. Bagi menyokong setiap pemberat ini, fakta sokongan telah diguna pakai. Fakta ini merupakan bukti yang menyokong setiap keputusan mengenai PI dan NI, yang kemudiannya digunakan untuk memudahkan proses semakan.

Bagi mendapatkan harga buku serta menentukan kaedah pengiraan purata harga buku negara semasa, kaedah simulasi Monte Carlo digunakan. Simulasi Monte Carlo merupakan sebuah simulasi yang menggunakan nombor rawak untuk menentukan suatu nilai menggunakan data terdahulu dan melalui pemodelan komputer. Setakat ini, tiada data purata harga bagi keseluruhan buku penerbitan mengikut genre di Malaysia pernah diterbitkan oleh mana-mana organisasi di Malaysia. Kenyataan ini turut disetujui oleh penyelidik terdahulu [66]. Pensampelan harga diperoleh dengan mengekstrak maklumat daripada laman web kedai buku terkenal di Malaysia, iaitu MPH Bookstores, Kedai Buku PTS dan Telaga Biru Sdn. Bhd. secara dalam talian. Pensampelan tiga buku bagi setiap genre digunakan untuk pensampelan semula menggunakan pengiraan simulasi. Dalam konteks kajian ini, simulasi Monte Carlo membuat pensampelan dan pengiraan purata harga buku di Malaysia secara simulasi.

3.0 DAPATAN KAJIAN

3.1 PROFIL INDUSTRI PERBUKUAN NEGARA

Industri perbukuan di Malaysia melibatkan pelbagai pihak seperti penerbit, penulis, pengedar, perpustakaan dan beberapa agensi kerajaan. Walaupun industri perbukuan di Malaysia lebih kecil berbanding dengan negara maju, industri ini menunjukkan pertumbuhan positif dan dijangka akan terus berkembang.

Jangkaan semasa nilai industri ini ialah RM6 bilion. Jadual 2 menunjukkan nilai tambah kasar industri penerbitan tahunan dari tahun 2015 hingga 2021 di bawah industri utama teknologi maklumat dan komunikasi (TMK). Kadar nilai tambah kasar bagi tahun 2015 ialah RM5.4 bilion, manakala bagi 2021, kadar ini ialah sebanyak RM5.8 bilion. Daripada pemerhatian ini, dapat dilihat dengan jelas bahawa terdapat penurunan pada kadar sumbangan aktiviti terhadap KDNK negara daripada 0.5 peratus pada tahun 2015 kepada 0.38 peratus pada tahun 2021. Hal ini menunjukkan trend yang konsisten bagi pendapatan negara melalui penerbitan ialah RM5 bilion hingga RM6 bilion sahaja.

Jadual 2: Nilai tambah kasar industri aktiviti penerbitan di bawah industri utama teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) (RM bilion)

Industri	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021
Kandungan dan media	11,260	12,068	12,921	13,582	14,439	12,734	12,476
Aktiviti penerbitan buku, penerbitan berkala dan penerbitan lain	5,444	5,755	6,011	6,120	6,497	5,919	5,836
Nilai tambah kasar industri TMK	146,537	158,361	171,981	183,042	195,123	201,430	217,085
KDNK	1,176,941	1,249,698	1,372,310	1,447,760	1,512,738	1,418,000	1,545,372

Sumber: Akaun Satelit Teknologi Maklumat dan Komunikasi 2015–2021.

Industri perbukuan Malaysia berkembang disebabkan oleh beberapa trend pada beberapa tahun kebelakangan ini, termasuklah peningkatan pesat untuk e-buku, kemunculan penerbitan mandiri atau swaterbit dan teknik pemasaran tular dan popularity buku terbitan tempatan. Penulis boleh mengelakkan saluran penerbitan konvensional dan berkomunikasi secara langsung dengan

pembaca mereka melalui swaterbit dan platform media sosial seperti Instagram dan TikTok. Selain itu, pembaca mendapat manfaat daripada kelebihan e-buku yang mudah alih dan berharga yang lebih rendah. Pembaca Malaysia juga berminat membaca buku dengan bahan yang pelbagai dan berkualiti tinggi – yang mendorong peningkatan permintaan buku dari lain.

Sektor penerbitan Malaysia menghadapi banyak cabaran, termasuklah kos percetakan yang meningkat, persaingan daripada penerbitan elektronik dan kurangnya kesedaran membaca. Sebagai contoh, penurunan harga ringgit dan kekurangan kertas telah menyumbang kepada peningkatan kos percetakan. Potensi industri perbukuan juga terhalang oleh budaya membaca yang lemah. Pada tahun 2005, Kajian Profil Membaca Rakyat Malaysia yang dihasilkan oleh PNM melaporkan hanya dua naskhah buku dibaca oleh rakyat Malaysia dalam tempoh setahun ini. Jumlah ini meningkat kepada 15 naskhah pada tahun 2014 dan 24 naskhah pada tahun 2023, namun masih belum mencapai sasaran ideal, iaitu 30 buah buku setahun.

Walau bagaimanapun, menurut DOSM, jumlah isi rumah yang diklasifikasikan sebagai pertengahan dan atas semakin meningkat. Peningkatan ini akan memberikan kesan kepada permintaan untuk sumber pengetahuan, termasuklah buku dan bahan bacaan lain. Sekiranya disokong baik oleh pihak kerajaan, jangkaan permintaan ini dapat memberikan peluang yang lebih cerah untuk industri perbukuan Malaysia. Kelas pertengahan, segmen penduduk yang berkembang serta tahap pendidikan dan pendapatan yang berbeza boleh mendorong peningkatan permintaan untuk buku. Peningkatan permintaan untuk bahan pendidikan disebabkan oleh pertumbuhan industri pendidikan dan keperluan untuk pendidikan sepanjang hayat. Kerajaan telah memberikan faedah cukai kepada penerbit dan kedai buku, subsidi kepada penulis tempatan dan program untuk mendorong orang ramai membaca; antaranya pemberian baucar buku sebagai sebahagian daripada komitmen kerajaan terhadap perniagaan penerbitan.

Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia melaporkan bahawa terdapat 57 buah pertubuhan yang berkaitan dengan perbukuan yang berdaftar. Senarai ini boleh dirujuk dalam Lampiran 2. Selain perniagaan dan persatuan penerbit buku, terdapat juga organisasi kerajaan yang terlibat secara langsung dengan industri perbukuan. Organisasi ini termasuklah DBP, PNM, MBKM, MAPIM, MABOPA, PBK, PENA, Persatuan Penulis Budiman Malaysia (BUDIMAN), PEM, PeKOMIK, PKBM, ITBM, YPBN dan MBEIA.

Dewan Industri Buku Malaysia (*Malaysian Book Industry Chamber* atau MBIC) terdiri daripada PKBM, MABOPA, MBEIA, Persatuan Penjual Buku Malaysia (*Malaysian Book Association* atau MBA) dan Persatuan Industri Buku Bumiputera Malaysia (PIBM). Bagi menyelaraskan isu berkenaan dengan industri perbukuan yang dibawa oleh persatuan dan organisasi ini, wakil persatuan-persatuan ini dilantik sebagai ahli majlis MBKM untuk menyelesaikan isu industri perbukuan yang dibangkitkan oleh mereka dengan kerajaan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia.

3.1.1 Pengkaryaan Buku

Kepelbagaian ekonomi, sosial dan budaya ditunjukkan dalam pelbagai bidang pengkaryaan. Pengkarya memerlukan kebolehan, pengetahuan dan kreativiti yang luar biasa. Oleh itu, sastera juga memainkan peranan besar dalam pembentukan minda, jiwa dan identiti rakyat Malaysia. Lingard [2] mengklasifikasikan pasaran buku di Malaysia berdasarkan bahasa: bahasa Melayu, bahasa Inggeris, bahasa Cina dan bahasa Tamil dengan disokong oleh data daripada PNM [5]. Data ini menyatakan bahawa pada tahun 2022, jumlah buku dalam bahasa Melayu yang diterbitkan ialah sebanyak 14,431 judul (59.3%), bahasa Inggeris sebanyak 7,462 judul (30.7%), bahasa Cina sebanyak 1,864 judul (7.7%), bahasa Tamil sebanyak 156 judul (0.6%) dan bahasa-bahasa lain sebanyak 404 judul (1.7%) seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 18. Namun begitu, yang menjadi tulang belakang kesusasteraan Malaysia ialah karya dalam bahasa Melayu seperti yang dinyatakan dalam Dasar Kebudayaan Negara 2021.

Pengkaryaan dalam bahasa Melayu telah wujud sejak ratusan tahun dahulu. Sebelum merdeka, telah wujud karya berbahasa Melayu yang ditulis oleh penulis dari serata Nusantara. Namun begitu, setelah kemerdekaan negara seperti Malaysia, Indonesia, Singapura dan Brunei, setiap negara mempunyai pergerakan penulis mereka sendiri.

GAPENA pula merupakan sebuah organisasi, iaitu badan gabungan persatuan penulis di seluruh negara yang ditubuhkan pada tahun 1970. Pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa, GAPENA berperanan memajukan kebudayaan, bahasa dan kesusasteraan Melayu, merangkumi lebih banyak persatuan penulis dari seluruh negara.

PENA ditubuhkan pada tahun 1961 dengan matlamat menyatukan penulis yang berkarya menggunakan bahasa Melayu dalam semua genre penulisan. PENA turut memberikan sumbangan moral, galakan, sokongan dan latihan kepada objektif dan cita-cita sastera demi mempertahankan hak dan kepentingan para penulis serta memberikan peluang kepada penulis mengembangkan bakat mereka.

Ahli persatuan-persatuan ini majoritinya berbangsa melayu, namun terdapat juga ahli yang berasal daripada bangsa lain di Malaysia serta ahli bersekutu dari negara serantau Asia Tenggara.

Pengiktirafan tertinggi yang dapat dicapai oleh penulis di Malaysia ialah Anugerah Sasterawan Negara. Anugerah Sasterawan Negara ialah anugerah yang diberikan kepada mereka yang memberikan sumbangan tinggi dalam bidang sastera bahasa Melayu. Anugerah ini diberikan oleh DBP sejak tahun 1981 dengan kerjasama KPM. Pemenang anugerah ini akan menerima pengiktirafan sebagai tokoh sastera negara dan kemudahan untuk menjalani kehidupan serta berkarya. Hingga kini, 15 orang individu telah menerima Anugerah Sasterawan Negara.

(i) Sasterawan Negara Pertama (1981) – Kamaluddin Muhamad (Keris Mas).
(ii) Sasterawan Negara Kedua (1982) – Prof. Emeritus Datuk Dr. Shahnon Ahmad.
(iii) Sasterawan Negara Ketiga (1983) – Datuk Dr. Usman Awang.
(iv) Sasterawan Negara Keempat (1985) – Datuk Dr. A. Samad Said.
(v) Sasterawan Negara Kelima (1987) – Muhammad Dahlan Abdul Biang (Arena Wati).

(vi) Sasterawan Negara Keenam (1991) – Prof. Dr. Muhammad Haji Salleh.
(vii) Sasterawan Negara Ketujuh (1993) – Datuk Noordin Hassan.
(viii) Sasterawan Negara Kelapan (1996) – Datuk Abdullah Hussain.
(ix) Sasterawan Negara Kesembilan (2003) – Dr. Syed Othman Syed Kelantan (S. Othman Kelantan).
(x) Sasterawan Negara Ke-10 (2009) – Datuk Dr. Anwar Ridhwan.
(xi) Sasterawan Negara Ke-11 (2012) – Datuk Dr. Ahmad Kamal Abdullah (Kemala).
(xii) Sasterawan Negara ke-12 (2013) – Datuk Haji Baharuddin Zainal (Baha Zain).
(xiii) Sasterawan Negara ke-13 (2016) – Datuk Dr. Zurinah Hassan.
(xiv) Sasterawan Negara ke-14 (2019) – Datuk Dr. Siti Zainon Ismail.
(xv) Sasterawan Negara ke-15 (2021) – Datuk Rahman Shaari.

Selain itu, penulis Malaysia juga diiktiraf pada peringkat Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara (*Association of Southeast Asian Nations* atau ASEAN) dalam Anugerah Penulis Asia Tenggara (*The Southeast Asian Writers Award* atau *S.E.A. Write Award*). Anugerah ini disampaikan pada setiap tahun sejak 1979 kepada penyair dan penulis di Asia Tenggara.

Anugerah ini diberikan kepada penulis dari setiap negara yang terdiri daripada negara ASEAN, walaupun tidak semua negara di ASEAN diwakili pada setiap tahun. Anugerah ini kadangkala diberikan untuk karya tertentu oleh penulis atau boleh juga dianugerahkan untuk pencapaian seumur hidup. Jenis karya yang diberi penghormatan adalah berbeza-beza, dan merangkumi puisi, cerpen, novel, drama, cerita rakyat serta karya ilmiah dan keagamaan. Sejak tahun 1979, lebih 40 orang penulis Malaysia telah memenangi anugerah ini.

Selain anugerah yang diberikan kepada pengkarya, terdapat juga buku yang dibawa ke Pesta Buku Frankfurt oleh MBKM. Pesta Buku Frankfurt ialah pesta dagangan buku terbesar di dunia dengan 7,300 pempamer dari 100 buah negara dan 296,000 orang pengunjung yang terdiri daripada penjual, penerbit, ejen sastera, penulis, jurnalis, perpustakaan, platform digital dan juga pertubuhan atau persatuan buku, untuk menjual 400,000 hak cipta kandungan buku ke seluruh dunia. Malaysia memilih 50 judul terbaik yang memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh MBKM bagi penjualan hak cipta. Buku yang dibawa adalah dalam pelbagai genre seperti komik atau kanak-kanak, dewasa, Malaysiana, fiksyen, bukan fiksyen, pendidikan dan makanan atau kulinari. Hal ini juga merupakan pengiktirafan kepada pengkarya.

Terdapat beberapa orang penulis bukan Melayu yang menulis dalam bahasa Melayu walaupun jumlah mereka tidak begitu ramai. Kebanyakan daripada mereka adalah daripada komuniti India yang telah membentuk sebuah kumpulan yang disebut sebagai Sasterawan Kavyan. Kumpulan ini ditubuhkan pada tahun 1999 dan diperkenalkan secara rasmi pada tahun 2004. Ahli kumpulan ini termasuklah:

(i) Uthaya Sankar SB yang menulis novel, cerpen, esei dan puisi. Beliau terkenal dengan komen sosialnya dan penggunaan nama pena yang berbeza-beza seperti Shafie Uzein Gharib, Hanuman O dan Leonard Loar.
(ii) M. Mahanderan yang menulis novel, cerpen dan puisi. Beliau juga seorang wartawan dan penterjemah.

(iii) Krishanan Maniam yang menulis novel, cerpen dan esei. Beliau juga seorang pensyarah dan penyelidik.
(iv) S. Rajagopal yang menulis novel, cerpen dan puisi. Beliau juga seorang guru dan penulis ruang.

Selain penulis yang menulis dalam bahasa Melayu, penulis Malaysia yang lahir di Malaysia atau mempunyai kewarganegaraan Malaysia juga menerbitkan karya mereka di luar negara. Mereka menulis dalam lebih daripada satu bahasa seperti bahasa Melayu, bahasa Inggeris, bahasa Cina dan bahasa Tamil. Mereka menulis dalam pelbagai genre sastera, termasuklah drama, puisi, fiksyen dan buku kanak-kanak. Ada yang telah menerima pengiktirafan dan anugerah antarabangsa untuk karya mereka. Antara penulis Malaysia yang diiktiraf pada peringkat global termasuklah:

(i) Tan Twan Eng – memenangi Hadiah Sastera Man Asia pada tahun 2012 dan Hadiah Walter Scott pada 2013 untuk novelnya *The Garden of Evening Mists*.
(ii) Tash Aw – disenarai lama untuk Hadiah Man Booker pada tahun 2005 untuk novelnya The *Harmony Silk Factory* dan pada tahun 2013 untuk novelnya *Five Star Billionaire*.
(iii) Rani Manicka – memenangi Hadiah Penulis Komanwel untuk Buku Pertama Terbaik di rantau Asia Tenggara dan Pasifik Selatan pada tahun 2003 untuk novel sulungnya *The Rice Mother*.
(iv) Zen Cho – memenangi Anugerah Fantasi William L. Crawford pada tahun 2015 untuk koleksi fiksyen spekulatif Malaysianya *Spirits Abroad*.
(v) Mohamed Ghazali Abdul Rashid (Malim Ghozali PK) dan Nasran Ahmad Hizam (Nazehran Jose Ahmad) telah dicalonkan untuk Anugerah Sastera Antarabangsa Dublin pada tahun 2016 untuk novel *Tree of Sorrow* dan *The Last Bastion of Ingei*.

Beberapa tahun kebelakangan ini, wujud satu perkembangan yang merancakkan aktiviti pengkaryaan di Malaysia, iaitu kemunculan penulis mandiri atau penulis swaterbit. Penulis ini tidak terikat dengan mana-mana penerbit sama ada penerbit arus perdana mahupun penerbit baharu yang pernah diklasifikasikan sebagai penerbit *indie*. Menurut pemilik laman Facebook Himpunan Penulis Swaterbit Malaysia, terdapat lebih kurang 400 orang penulis mandiri. Sebahagian besar, iaitu 98 peratus, karya mereka diterbitkan dalam bahasa Melayu; dan selebihnya, iaitu dua peratus, diterbitkan dalam bahasa Inggeris. Penulisan mereka tertumpu pada tiga genre utama, iaitu fiksyen, bukan fiksyen dan faksyen (fakta yang difiksyenkan).

Selain pengkaryaan kesusasteraan, terdapat juga karya terjemahan, buku kanak-kanak dan adaptasi novel kepada program televisyen dan filem. Beberapa jadual statistik atau perangkaan berkaitan dengan sektor ini dapat dilihat dalam bahagian indikator.

3.1.2 Penerbitan Buku

Penerbitan di Malaysia ialah aktiviti yang melibatkan penghasilan, penyebaran dan jualan bahan cetak atau digital seperti buku, surat khabar dan majalah. Penerbitan di Malaysia dikawal oleh beberapa undang-undang dan peraturan yang bertujuan memastikan kualiti, keselamatan dan kepatuhan kepada nilai nasional. Antara undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan penerbitan di Malaysia ialah:

(i) Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984: Akta ini mengawal penggunaan mesin cetak dan penerbitan surat khabar di Malaysia. Akta ini memerlukan pemilik mesin cetak dan penerbit surat khabar untuk mendapatkan lesen daripada Menteri Dalam Negeri. Akta ini juga memberikan kuasa kepada menteri untuk melarang atau menyekat penerbitan atau pengedaran mana-mana bahan bercetak yang dianggap mengancam keselamatan, ketenteraman atau ketertiban awam.

(ii) Akta Hak Cipta 1987: Akta ini melindungi hak cipta pemilik karya asli seperti buku, drama, muzik, filem dan lukisan. Akta ini memberikan hak eksklusif kepada pemunya hak cipta untuk mengawal penggunaan karya mereka oleh pihak lain. Akta ini juga menetapkan jenis pelanggaran hak cipta dan hukuman yang boleh dikenakan terhadap mereka yang melakukannya.

Selain undang-undang, terdapat juga beberapa badan dan organisasi yang terlibat dalam penerbitan di Malaysia seperti:

(i) DBP yang merupakan sebuah badan kerajaan yang bertanggungjawab menyelaras penggunaan bahasa Melayu dan kesusasteraan Melayu di Malaysia. DBP juga merupakan sebuah syarikat penerbitan buku yang menghasilkan buku berkaitan dengan bahasa, sastera, pendidikan, sejarah, budaya dan agama. DBP mengadakan pelbagai aktiviti untuk mempromosikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa ilmu. Badan ini ditubuhkan pada 22 Jun 1956 sebagai Balai Pustaka di Johor Bahru, dan kemudian dinamai “Dewan Bahasa dan Pustaka” pada September 1956. DBP berpindah ke Kuala Lumpur pada 1957 dan mendapat piagam sendiri melalui Ordinan Dewan Bahasa dan Pustaka 1959. DBP mempunyai kuasa untuk membentuk dasar berkaitan dengan bahasa Melayu, bertanggungjawab menyebarkan bahasa itu dan boleh menjalankan perniagaan penerbitan buku. DBP membuka pejabat di Kota Kinabalu dan Kuching pada tahun 1977 dan mengambil alih peranan Biro Sastera Borneo.

(ii) MABOPA yang merupakan sebuah persatuan profesional yang mewakili syarikat penerbitan buku di Malaysia. Antara objektif MABOPA ialah mempertahankan hak dan kepentingan ahlinya, meningkatkan mutu dan standard penerbitan buku, menjalinkan hubungan baik dengan pihak berkuasa dan badan-badan lain yang berkaitan dengan penerbitan buku, serta menyediakan perkhidmatan sokongan kepada ahlinya seperti latihan, seminar, pameran dan promosi.

(iii) MBKM yang merupakan sebuah badan bukan kerajaan yang ditubuhkan untuk membangunkan industri perbukuan di Malaysia. Antara matlamat MBKM termasuklah meningkatkan kesedaran masyarakat tentang pentingnya membaca, mendorong perkembangan penulis tempatan, menyokong usaha penerbit kecil dan sederhana serta menganjurkan acara berkaitan dengan buku seperti anugerah, festival dan bengkel buku.

Pada tahun 2022, terdapat 944 buah syarikat penerbitan (rujuk Lampiran 1) yang berdaftar dengan SSM di Malaysia. Walau bagaimanapun, angka tersebut menurun sebanyak 50 peratus daripada kira-kira 2,000 buah syarikat yang dilaporkan pada tahun 2016. Namun begitu, hanya 168 buah syarikat daripada jumlah itu berdaftar dengan MABOPA, dan kira-kira 90 peratus daripadanya mempunyai pejabat di Lembah Klang. Hanya 10 penerbit mempunyai lebih daripada 100 orang pekerja, dan

46 penerbit mempunyai lebih daripada 10 orang pekerja. Hampir kesemuanya merupakan syarikat persendirian (*enterprise* atau sendirian berhad). Beberapa penerbit mempunyai kemudahan percetakan, pengikat dan jualan dalaman. Syarikat ini termasuklah syarikat percetakan dan pengilang buku profesional seperti Kumpulan Media Karangkraf Sdn. Bhd. Dianggarkan 48 peratus daripada mereka beroperasi selama lebih daripada dua dekad seperti Kumpulan Media Karangkraf Sdn. Bhd., Sasbadi Sdn. Bhd. dan DBP.

Sebelum tahun 2018, kebanyakan penerbit di Malaysia menumpukan penerbitan buku dan majalah. Selama lebih daripada dua dekad, majalah mingguan dan bulanan menjadi produk penting dan popular dalam industri penerbitan kerana memberikan kedua-dua pendapatan tetap dan iklan. Walau bagaimanapun, jualan majalah secara keseluruhannya telah berkurangan apabila peranti baharu seperti telefon pintar dan tablet serta portal maklumat dan hiburan berasaskan Internet muncul. Hal ini mengakibatkan pengguna beralih kepada Internet untuk mencapai kandungan yang sama.

Dalam bahagian indikator di bawah, beberapa perangkaan berkaitan dengan penerbitan buku diperincikan. Antaranya ialah nilai output kasar aktiviti penerbitan di Malaysia, penerbit buku utama di Malaysia, jumlah judul buku mengikut permohonan ISBN, kategori buku, bahasa buku, swaterbit buku dan penerbitan buku teks.

3.1.3 Pemasaran Buku

a. Kedai Buku di Malaysia

Kajian menganggarkan pada tahun 2023 terdapat lebih kurang 1,327 (rujuk jadual 27) buah kedai buku di Malaysia. Walau bagaimanapun, MBA hanya mempunyai 99 buah syarikat sebagai ahli penjual buku pada tahun 2023. Perbezaan besar ini mungkin disebabkan oleh kenyataan bahawa sebilangan daripada 99 buah syarikat tersebut mempunyai banyak cawangan. Syarikat Muda Osman Sdn. Bhd., sebagai contoh, mempunyai 25 buah cawangan kedai buku di Terengganu, Kelantan dan Selangor.

Kedai buku ini boleh didapati di pusat beli-belah yang sibuk atau di kawasan kejiranan yang berhampiran dengan sekolah. Kebanyakan kedai buku ini bersaiz kecil dengan purata ruang lantai 350 meter persegi. Terdapat juga kedai buku yang besar dengan keluasan lebih daripada 5,000 meter persegi, terutama kedai buku di bandar besar. Namun begitu, berdasarkan trend global, jumlah keseluruhan kedai buku menurun sejak akhir tahun 1990-an. Pada ketika itu, terdapat penurunan dari segi bilangan kedai buku persendirian; hal ini disebabkan oleh peningkatan bilangan syarikat buku yang besar dengan ruang lantai yang luas seperti MPH Bookstores, Times Bookstores dan POPULAR serta kemunculan kedai buku dari luar seperti Books Kinokuniya dan Borders.

Pada tahun 2016, POPULAR mempunyai 82 buah cawangan, MPH Bookstores mempunyai 30 buah cawangan, Times Bookstores mempunyai lapan buah cawangan dan Borders mempunyai tujuh buah cawangan. Data terkini menunjukkan bahawa POPULAR masih mengekalkan bilangan cawangan yang sama hingga tahun 2023. MPH Bookstores pula hanya mempunyai sembilan buah cawangan, manakala Times Bookstores dan Borders telah menutup semua cawangan. Penyebab utama penutupan kedai buku di Malaysia pada tahun 2023 ialah kesan daripada pandemik COVID-19 yang

bermula pada tahun 2020. Tidak dinafikan juga bahawa sebelum pandemik berlaku, bilangan kedai buku telah menurun disebabkan oleh kemerosotan permintaan untuk buku bercetak.

Banyak kedai buku berusaha untuk bersaing sebelum pandemik dengan menjual barangan lain selain buku dan majalah. Pada masa ini, kedai buku yang dapat menarik ramai pengunjung ialah kedai buku yang menawarkan pelbagai kemudahan seperti ruang bacaan yang luas, reka bentuk yang menarik, ruang permainan kanak-kanak dan kafe. Books Kinokuniya, Eslite Spectrum dan Tsutaya ialah contoh kedai buku hibrid dengan konsep terkini, yang menjual serta menyewa barangan audio dan video, dan juga majalah. MPH Bookstores, BookXcess dan POPULAR adalah antara beberapa buah kedai buku yang paling berjaya di Malaysia. Kedai buku ini bukan sahaja mempunyai bilangan pelanggan dan jualan yang tinggi, malah juga aktif dalam pengedaran dan penerbitan. MPH Bookstores kini menjual buku secara dalam talian. Hal ini menjadikannya salah sebuah kedai buku yang tertua dan yang terbesar di Malaysia. BookXcess ialah rantaian kedai buku yang menawarkan buku lebihan dari luar negara kepada pelanggan di Malaysia. POPULAR yang beroperasi di lebih daripada 80 lokasi di seluruh negara juga menerbitkan buku sendiri di bawah jenama Pelangi Publishing.

b. Perkembangan Kedai Buku dalam Talian

Walaupun kebanyakan kedai buku dalam talian tidak mendedahkan angka jualan, data daripada DOSM menjangkakan pendapatan transaksi e-dagang pada tahun 2021 mencapai RM1.09 trilion, yang merupakan peningkatan sebanyak 21.8 peratus berbanding dengan RM896 bilion pada tahun 2020. Dalam industri penerbitan buku, penjualan buku dalam talian mempunyai dua kesan utama: Pertama, penjualan buku secara dalam talian membawa strategi pemasaran baharu kepada industri; dan kedua, penjualan buku secara dalam talian berfungsi sebagai penggerak untuk transformasi besar dalam cara pengedaran penerbitan.

Laman web penjual buku dalam talian menyediakan pangkalan data atau katalog buku mereka untuk dicapai. Iman Shoppe, MPH Bookstores, POPULAR dan Kedai Buku PTS ialah kedai buku fizikal yang turut aktif dalam talian. Dalam kes ini, kedai buku yang dahulunya beroperasi secara fizikal juga menawarkan perkhidmatan penjualan buku secara dalam talian. Selain itu, platform e-dagang terbesar di Malaysia, iaitu Shopee dan Lazada, menawarkan perkhidmatan seperti penghantaran percuma dan penghantaran pada hari yang sama. Kedua-dua platform e-dagang ini mempunyai kesan yang ketara terhadap sistem pengedaran yang wujud dalam industri penerbitan. Penerbit dan penjual buku di Malaysia menggunakan Shopee dan Lazada secara aktif, selain menjual produk melalui laman web mereka sendiri.

c. Pendekatan Pemasaran Baharu

Di Malaysia, pengeluar dan penerbit buku menggunakan kaedah pemasaran baharu seperti kaedah pratempah, pemasaran tular dan saluran nilai tambah. Contoh kaedah pemasaran buku ini dapat dilihat dalam pemasaran buku *65 Tahun Muzik Rock di Malaysia* karangan Prof. Madya Dr. Muhamad Takiyuddin Ismail terbitan Penerbit Universiti Malaya. Sejak proses penulisan buku yang bermula pada tahun 2020, Prof. Madya Dr. Takiyuddin Ismail menarik pengikut Facebook dengan kisah yang eksklusif dan substantif. Pada Februari 2023, ketika buku ini diterbitkan, pengikut media sosial ini telah bersedia untuk membeli. Hasilnya, cetakan pertama telah terjual sebanyak 750 naskhah hingga kini dan lebih daripada separuh penjualan dibuat secara langsung

daripada pengikut beliau. Menurut temu bual dengan penulis, buku ini menjadi buku terlaris beliau berbanding dengan 12 buku beliau sebelum ini dengan purata 100 naskhah sebulan selama tujuh bulan. Pembeli berpeluang membeli terus daripada penulis melalui sesi temu mesra semasa pesta buku dan jerayawara selepas diterbitkan.Kaedah ini amat berkesan dan dilakukan oleh banyak penerbit dan pengkarya negara ini.

Penerbit dan penulis menggunakan platform media sosial, terutama Facebook, untuk berinteraksi dan mempromosikan buku mereka. Terdapat beberapa kumpulan Facebook yang berkaitan dengan penulis seperti Geng Jom Menulis yang mempunyai 23,200 orang ahli dan Geng Mari Menulis yang mempunyai 4,100 orang ahli. Penulis pula menyiarkan laman web atau profil individu. Contohnya, Ahadiat Akashah mempunyai 49,000 orang pengikut dan A. Samad Said mempunyai 319,000 orang pengikut. Untuk mempromosikan buku, kumpulan Facebook Buku Apa Terbit Hari Ini? mempunyai 4,000 orang ahli dan kumpulan Baca Buku Apa Hari Ini? mempunyai orang 2,300 orang ahli. Fixi mempunyai 119,000 orang pengikut dalam laman Facebook, Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia mempunyai 466,000 orang pengikut, The Patriots mempunyai 385,000 orang pengikut, dan Iman Publication mempunyai 30,000 orang pengikut.

Penulis dan penerbit memanfaatkan media sosial yang lain seperti Instagram dan TikTok untuk memasarkan karya mereka, termasuklah menggunakan kaedah seperti ulasan buku dan interaksi secara langsung dengan pengikut akaun media sosial mereka.

Selain itu, terdapat juga usaha nilai tambah seperti mengadakan demonstrasi masakan untuk memasarkan buku masakan. Usaha ini dilakukan oleh YPBM di pesta buku anjuran mereka. Karangkraf pula saban tahun menganjurkan karnival yang berlangsung. Pada masa yang sama, mereka mengadakan jualan gudang tahunan mereka. Aktiviti ini dapat menarik lebih banyak pengunjung yang dapat mendorong hasil penjualan buku yang lebih baik.

d. Perkembangan Pemasaran e-Buku di Malaysia

Menurut data e-Sentral, pasaran e-buku di Malaysia menunjukkan trend dan perkembangan yang sihat. Hal ini dapat dilihat daripada peningkatan pengguna berdaftar yang sangat tinggi, iaitu daripada 210 pengguna pada tahun 2011 kepada 725,452 pengguna berdaftar pada tahun 2021. Daripada jumlah ini, 63 peratus pengguna adalah perempuan dan selebihnya adalah lelaki. Dari segi umur pula, yang paling ramai adalah daripada julat umur 25 hingga 34 tahun (33%) diikuti oleh julat umur 18 hingga 24 tahun (32%) dan julat umur 35 hingga 44 tahun (18%); peratusan selebihnya (17%) adalah daripada julat umur 45 tahun ke atas. Sebanyak 91 peratus pengguna berbangsa Melayu, sementara sembilan peratus pengguna lagi terdiri daripada bangsa lain. Daripada pengguna e-buku ini, sebahagian besar (62%) daripada mereka menetap di Kuala Lumpur dan Selangor, dan selebihnya (38%) menetap di negeri-negeri lain. Fakta daripada data menarik yang lain ialah jumlah jam pembacaan e-buku dari tahun 2019 hingga 2023: Selama 400,000 jam tempoh membaca dicatatkan oleh pembaca e-buku di seluruh negara – lebih daripada 90 peratus kategori bacaan mereka ialah novel am, novel romantik dan novel remaja.

Industri penerbitan Malaysia dijangka terus berkembang pada tahun-tahun seterusnya walaupun terdapat beberapa halangan yang perlu diatasi. Penyebaran buku elektronik dan kemunculan

penerbitan mandiri akan menjadi cabaran untuk perniagaan buku bercetak; pada masa yang sama, mereka akan membuka ruang baharu untuk penciptaan dan kepelbagaian dalam dunia sastera. Pertambahan jumlah penduduk dan keperluan yang semakin meningkat untuk bahan bacaan tambahan akan memberi sektor penerbitan sumber pendapatan yang dapat dipercayai. Selain itu, sokongan kerajaan kepada sektor ini akan membantu mewujudkan persekitaran yang menggalakkan pertumbuhan industri.

e. Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur

KPM melalui MBKM akan menganjurkan Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) dengan kerjasama enam persatuan industri perbukuan Malaysia. PBAKL merupakan acara utama dalam kalendar global penerbitan pada setiap tahun. Hal ini merupakan salah satu kaedah di bawah pemasaran yang menghimpunkan penerbit, penjual dan pemasar buku dalam dan luar negara memasarkan buku mereka.

Bermula pada tahun pertama, 1981, PBAKL berjaya mencatatkan lebih daripada satu juta orang pengunjung setahun dari 2013 hingga 2023. Hal ini demikian kerana PBAKL merupakan pusat tumpuan yang sempurna dan strategik bagi pencinta buku mendapatkan pelbagai buku sama ada terbitan lama mahupun terbitan baharu.

Selain itu, pelbagai kegiatan dilaksanakan oleh penerbit di seluruh rantau ini, sekali gus merancakkan sambutan dan kemeriahan PBAKL. Pelancaran buku, seminar, konvensyen dan sebagainya adalah antara aktiviti yang turut dijalankan bagi memenuhi keperluan komuniti pembaca yang tergolong daripada semua lapisan masyarakat.

Berdasarkan kaji selidik yang dijalankan oleh MBKM terhadap 204 orang pengunjung dalam PBAKL 2022, majoriti pengunjung berpuas hati dan merasa berbaloi mengunjungi PBAKL 2022 yang berlangsung selama 10 hari kerana 93.6 peratus menyatakan bahawa PBAKL 2022 dapat memantapkan dan membudayakan amalan membaca dalam kalangan rakyat Malaysia amnya. Tidak seperti pesta yang lain, PBAKL memberikan pilihan buku yang banyak, dan menjadi faktor utama yang menarik pengunjung hadir ke PBAKL. Sebanyak 82 peratus pula menyatakan faktor potongan harga yang hebat menjadi daya penarik, selain dapat bertemu dengan penulis kesukaan mereka dengan jumlah 74.5 peratus.

Dari sudut perbelanjaan, sebanyak 52 peratus pengunjung berbelanja dengan membeli lebih daripada 10 naskhah buku semasa PBAKL 2022 dan 25.5 peratus membeli sebanyak enam hingga 10 naskhah buku. Dengan anggaran pembelian jumlah buku dan jumlah pengunjung, hal ini menunjukkan industri perbukuan masih berkembang dan kekal dalam permintaan masyarakat walaupun Malaysia mempunyai masalah ekonomi, dari jumlah pembelian ini, sebanyak 34.3 peratus menyatakan bahawa mereka membelanjakan wang sebanyak RM201 hingga RM400 untuk membeli bahan bacaan semasa pesta buku, manakala 29.4 peratus pula membelanjakan sebanyak RM101 hingga RM200, dan 15.2 peratus pula berbelanja melebihi RM500 untuk membeli bahan bacaan yang diminati oleh mereka. Daripada jumlah ini, lebih daripada 50 peratus pengunjung sanggup membelanjakan wang mereka melebihi RM150 untuk buku dan bahan bacaan. Dapatan ini memberikan nilai positif kepada industri perbukuan di Malaysia dan membuktikan industri ini tidak menguncup.

f. Baucar Buku Semarak Membaca

Baucar Buku Semarak Membaca [67] ialah kempen anjuran Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya melalui usaha sama PNM dan MABOPA pada tahun 2021. Sebanyak 167 kedai buku di seluruh Malaysia telah dipilih untuk menerima 500 unit baucar bernilai RM5,000 (RM10 per unit baucar) untuk ditebus oleh pengguna bermula pada 25 Oktober 2021 hingga 15 November 2021. Sebanyak 500 unit baucar untuk jualan e-buku juga diagihkan dalam tempoh yang sama melalui platform e-Sentral. Kos penebusan baucar dilaporkan sebanyak RM885,000 yang mendatangkan pendapatan dalam bentuk jualan kepada kedai-kedai buku terlibat sebanyak RM3,698,565.99 [68] seperti pecahan tebusan baucar (RM) yang dapat dilihat dalam Jadual 3.

Dengan rekod kejayaan ini, pihak kementerian bersetuju meneruskan kempen ini pada tahun berikutnya dengan memperuntukkan dana sejumlah RM1.9 juta pula kepada 170 buah kedai buku fizikal, 200 penjual buku di platform Shopee dan e-Sentral sebagai platform e-buku. Rekod jualan untuk tahun kedua kempen ini mencatatkan peningkatan yang memberangsangkan sejajar dengan dana yang ditingkatkan, iaitu jumlah jualan mencecah RM8,056,300.

Pelibatan kementerian dengan kerjasama utuh daripada pemain industri yang tepat seperti dalam Kempen Semarak Membaca ini terbukti efektif dalam usaha melonjakkan industri perbukuan secara keseluruhannya. Rakyat mendapat capaian bahan bacaan berkualiti dengan harga yang berpatutan, manakala pemain industri termasuk penulis, penerbit dan pekedai buku turut mendapat manfaat dengan pembelian tersebut. Satu juta dana yang diberikan, walaupun secara tidak langsung dalam bentuk diskaun, menjana empat juta dalam ekonomi perbukuan, bahkan lebih berpanjangan lagi dalam pelestarian budaya buku dalam kalangan masyarakat.

Jadual 3: Baucar Buku Semarak Membaca

Baucar Buku Semarak Membaca 2021		
Kategori Agihan	**Kuantiti Baucar (Unit)**	**Tebusan Baucar (RM)**
Kedai buku fizikal	88,500	3,481,529.99
Platform e-buku	5,500	217,036.00
Baucar Buku Semarak Membaca 2022		
Kategori Agihan	**Kuantiti Baucar (Unit)**	**Tebusan Baucar (RM)**
Kedai buku fizikal	84,000	4,009,737.63
Platform e-buku	5,000	246,563.00
Penjual buku di Shopee	100,000	3,800,000.00

Sumber: MABOPA.

3.2 INDIKATOR PENGUKURAN INDUSTRI PERBUKUAN

Seperti yang diterangkan dalam bab pertama, kitaran industri perbukuan merangkumi tiga proses utama, iaitu pengkaryaan, penerbitan dan pemasaran. Pecahan indikator mengikut fasa ini akan memberikan penjelasan yang terperinci tentang indikator pada setiap fasa tersebut. Pemilihan dan pembentukan indikator ini berdasarkan kajian penanda aras yang dibuat untuk tujuh buah negara, kemudian dianalisis dan dirumuskan mengikut kesesuaian industri perbukuan di Malaysia dan data yang diperoleh. Melalui analisis ini, sebanyak 20 indikator telah dipilih dan dihuraikan di dalam bab ini. Indikator ini menyamai 80 peratus indikator dari negara-negara kajian penanda aras tersebut. Hal ini dapat dirujuk dalam Jadual 4.

Jadual 4: 19 Indikator pengukur industri perbukuan

Fasa Perbukuan		
Pengkaryaan	**Penerbitan**	**Pemasaran**
(i) Bilangan penulis/ penterjemah/ editor	(i) Nilai output kasar aktiviti penerbitan di Malaysia	(i) Jumlah jualan buku
(ii) Anugerah kepada pengkarya	(ii) Penerbit buku utama di Malaysia	(ii) Jumlah jualan e-buku
(iii) Buku terjemahan	(iii) Jumlah judul buku mengikut permohonan ISBN	(iii) Jualan buku mengikut syarikat buku di Malaysia
(iv) Jenis buku/e-buku	(iv) Kategori buku	(iv) Penjual buku
(v) Adaptasi buku (drama/filem)	(v) Bahasa buku	(v) Perbelanjaan buku isi rumah
	(vi) Swaterbit buku	(vi) Eksport dan import buku
	(vii) Buku teks	(vii) Harga buku

3.2.1 Pengkaryaan

Bagi fasa pengkaryaan, indikator utama ialah jumlah pengkarya di Malaysia yang berdaftar di bawah PENA, genre yang paling banyak ditulis oleh pengkarya di Malaysia, jumlah penulis swaterbit, jumlah buku terjemahan di Malaysia dan karya yang paling popular yang diterbitkan di Malaysia.

a. Bilangan Penulis/Penterjemah/Editor

PENA ditubuhkan di Universiti Malaya pada 12 Februari 1961 untuk menyatukan penulis tanah air daripada semua peringkat dan segala aliran pendapat (Wikipedia). PENA mengumpulkan senarai nama ahli yang berdaftar di bawahnya. Hingga 2023, jumlah pengkarya yang berdaftar ialah 429 orang ahli biasa dan 295 orang ahli seumur hidup, manakala terdapat lima orang ahli bersekutu yang terdiri daripada pengkarya dari Singapura dan Indonesia.

b. Anugerah kepada Pengkarya

Pengkarya di Malaysia mendapat pengiktirafan untuk hasil daripada penulisan mereka melalui anugerah yang diterima sama ada pada peringkat nasional mahupun antarabangsa. Anugerah dijadikan indikator kerana menunjukkan impak sosial sesebuah karya terhadap masyarakat dan industri. Berdasarkan data yang diperoleh, anugerah pada peringkat nasional yang tertinggi ialah Anugerah Sasterawan Negara. Anugerah Sasterawan Negara dikurniakan kepada sasterawan yang menulis dalam bahasa Melayu dan menurut pendapat panel telah memberikan sumbangan yang cemerlang dalam perkembangan kesusasteraan tanah air melalui pengkaryaan yang bermutu tinggi. Senarai 15 orang tokoh yang telah menerima anugerah ini boleh dirujuk pada halaman 28 hingga 29.

Pada peringkat ASEAN pula, terdapat beberapa anugerah utama yang dimenangi oleh pengkarya di Malaysia seperti *S.E.A. Write Award* dan Anugerah Sastera Mastera. *S.E.A. Write Award* ialah anugerah berprestij ini diwujudkan oleh kerajaan Thailand sejak tahun 1979 untuk menghargai dan mengiktiraf penulis, sasterawan dan seniman ulung dari negara Asia Tenggara yang telah menghasilkan karya sastera kreatif bermutu dalam pelbagai genre, iaitu novel, cerpen, puisi dan drama. Jadual 5 menunjukkan senarai pengkarya yang pernah merangkul anugerah ini dari tahun 1979 hingga 2020. Senarai lengkap boleh dirujuk dalam Lampiran 6.

Jadual 5: Senarai penerima *S.E.A. Write Award* (Malaysia)

Nama	Tahun	Nama	Tahun
A. Samad Said	1979	Baharuddin Zainal (Baha Zain)	1980
Abdullah Hussain	1981	Usman Awang	1982
Adibah Amin	1983	A. Latiff Mohiddin	1984
Arena Wati	1985	Ahmad Kamal Abdullah (Kemala)	1986
Noordin Hassan	1987	Azizi Haji Abdullah	1988
Siti Zainon Ismail	1989	Syed Othman Syed Omar (S. Othman Kelantan)	1990
Yahya Hussin (Jihaty Abadi)	1991	Ismail Abbas (Amil Jaya)	1992
Kamaruzzaman Abdul Kadir (Dharmawijaya)	1993	A. Wahab Ali	1994
Suhaimi Haji Muhammad	1995	Zaharah Nawawi	1996
Muhammad Haji Salleh	1997	Othman Puteh	1998
Khadijah Hashim	1999	Lim Swee Tin	2000
Zakaria Ariffin	2001	Mohd Anuar Haji Rethwan (Anwar Ridhwan)	2002
Zakaria Ali	2003	Zurinah Hassan	2004
A. Ghafar Ibrahim	2005	Jong Chian Lai	2006
Rahman Shaari	2007	Hatta Azad Khan	2008
Azmah Nordin	2009	Zainal Palit (Zaen Kasturi)	2010
S.M. Zakir	20 11	Ismail Kassan	2012
Malim Ghozali PK	2013	Zam Ismail	2014
Jasni Matlani	2015	Rejab Ismail	2016
Zainal Abidin Suhaili (Abizai)	2017	Mawar Safei	2018
Dr Shamsudin Othman	2019	Aminah Mokhtar	2020
Mohd Rosli Nik Mat (Rosli K Matari)	2021		

c. Jumlah Buku Terjemahan yang Diterjemahkan oleh Institut Terjemahan & Buku Malaysia

PPM kini mempunyai lebih daripada 1,600 orang ahli yang terdiri daripada para sarjana, penulis, editor dan penyelidik dalam bidang penterjemahan, dan para pengamal penterjemahan dan interpretasi, sama ada secara sepenuh masa mahupun secara sambilan. PPM ialah sebuah badan profesional sukarela yang ditubuhkan di bawah naungan DBP. Dalam Jadual 6, dapat dilihat bahawa 73 peratus penterjemahan di bawah ITBM menterjemahkan buku berbahasa Inggeris ke dalam bahasa Melayu.

Jadual 6: Jumlah buku terjemahan yang diterjemahkan di ITBM

Bahasa	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022	Jumlah
Bahasa Inggeris – Bahasa Melayu	145	76	158	154	171	99	5	5	1	11	15	840
Bahasa Melayu – Bahasa Inggeris	10	40	36	27	8	5	3	2	0	0	0	131
Bahasa Melayu – Bahasa Jepun	5	21	7	1	0	0	1	2	1	0	0	38
Bahasa Melayu – Bahasa Mandarin	3	10	4	1	0	11	0	0	0	0	0	29
Bahasa Mandarin – Bahasa Melayu	0	0	0	6	2	11	0	0	0	0	0	19
Bahasa Inggeris – Bahasa Jepun	0	0	11	3	0	0	2	0	0	1	0	17
Bahasa Indonesia – Bahasa Melayu	0	0	0	9	0	1	1	1	0	0	0	12
Bahasa Melayu – Bahasa Perancis	1	2	1	3	1	2	0	0	0	0	0	10
Bahasa Melayu – Bahasa Semai	0	0	0	4	0	2	0	0	0	0	0	6
Bahasa Melayu – Bahasa Sepanyol	1	0	1	0	1	1	0	0	0	0	0	4
Bahasa Jepun – Bahasa Melayu	0	0	1	3	0	0	0	0	0	0	0	4
Bahasa Melayu – Bahasa Arab	0	0	1	0	2	0	0	0	0	0	0	3
Bahasa Melayu – Bahasa Tamil	1	0	2	0	0	0	0	0	0	0	0	3
Bahasa Melayu – Bahasa Jerman	0	2	0	1	0	0	0	0	0	0	0	3
Bahasa Melayu – Bahasa Rusia	0	1	1	0	0	0	1	0	0	0	0	3
Bahasa Melayu – Bahasa Thai	0	0	0	1	2	0	0	0	0	0	0	3
Bahasa Inggeris – Taiwan	0	0	0	0	0	3	0	0	0	0	0	3
Taiwan – Bahasa Melayu	0	0	0	0	0	3	0	0	0	0	0	3
Bahasa Perancis – Bahasa Melayu	0	0	0	2	1	0	0	0	0	0	0	3
Bahasa Inggeris – Bahasa Korea	0	0	1	0	0	0	1	0	0	0	0	2
Bahasa Arab – Bahasa Melayu	0	1	0	0	0	0	1	0	0	0	0	2
Bahasa Jerman – Bahasa Melayu	2	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	2
Bahasa Mandarin – Bahasa Inggeris	0	0	0	0	0	0	2	0	0	0	0	2
Bahasa Thai – Bahasa Melayu	0	0	0	0	0	0	2	0	0	0	0	2
Bahasa Indonesia – Bahasa Thai	0	0	0	0	0	1	1	0	0	0	0	2
Bahasa Melayu – Bahasa Korea	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1
Bahasa Melayu – Bahasa Iban	0	0	0	1	0	0	0	0	0	0	0	1
Bahasa Melayu – Bahasa Indonesia	0	0	0	0	0	1	0	0	0	0	0	1
Bahasa Inggeris – Bahasa Arab	0	0	0	0	0	0	1	0	0	0	0	1
Bahasa Perancis – Bahasa Inggeris	0	0	0	1	0	0	0	0	0	0	0	1
Jumlah	**168**	**154**	**224**	**217**	**188**	**140**	**21**	**10**	**2**	**12**	**15**	**1151**

Sumber: Laporan daripada ITBM.

d. Jenis Buku yang Diterbitkan oleh Pengkarya

Jadual 7 menunjukkan statistik perolehan koleksi PNM berdasarkan kategori bahan bacaan dari tahun 2013 hingga 2022 melalui Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986. Melalui statistik ini, pengkarya di Malaysia banyak menulis dalam kategori buku dewasa dengan peningkatan sebanyak 43 peratus. Begitu juga dengan buku kanak-kanak yang menunjukkan trend penurunan hingga tahun 2021, namun lonjakan berlaku pada tahun 2022. Walau bagaimanapun, penulisan terhadap buku teks mengalami penurunan secara konsisten bermula dari tahun 2013 hingga 2022 sebanyak 54 peratus.

Jadual 7: Koleksi PNM mengikut kategori bahan bacaan pembaca bagi tahun 2013–2022 melalui Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan, 1986 (judul)

Format Bahan	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022	Jumlah
Buku teks (Rujukan)	6,241	4,587	3,640	4,857	4,863	5,606	4,435	2,794	2,674	2,866	42,563
Buku kanak-kanak	4,682	4,421	2,806	4,149	3,229	3,510	3,797	3,012	2,780	5,638	38,024
Buku dewasa	9,064	8,961	10,000	10,586	9,121	9,547	10,334	9,274	8,201	15,813	100,901
Jumlah	**19,987**	**17,969**	**16,446**	**19,592**	**17,213**	**18,663**	**18,566**	**15,080**	**13,655**	**24,317**	**181,488**

Sumber: Laporan Perangkaan PNM 2013–2022.

e. Adaptasi Buku (Drama/Filem)

Trend buku adaptasi semakin popular dalam kalangan penulis di Malaysia. Hal ini menunjukkan hasil karya penulis tempatan diiktiraf dan mendapat sambutan dalam kalangan masyarakat. Berdasarkan carian melalui data sekunder [69], [70], [71], [72], [73], [74], sejumlah data tentang novel tempatan yang telah diadaptasikan kepada drama bersiri televisyen sepanjang tempoh 10 tahun dari tahun 2013 hingga 2022 telah dikumpulkan. Rujuk Lampiran 4 untuk senarai drama atau filem adaptasi novel terbitan dari tahun 2013 hingga 2022. Jadual 8 menunjukkan jumlah novel mengikut tahun terbitan dari tahun 2013 hingga 2022 yang telah diadaptasikan kepada drama bersiri televisyen dan filem. Jadual 9 pula menunjukkan drama bersiri televisyen dan filem sepanjang tahun 2013 hingga 2023 yang diadaptasikan daripada novel.

Jadual 8: Senarai novel yang telah diadaptasikan kepada drama bersiri dan filem (terbitan novel 2013–2022)

Tahun Terbitan Novel	Jumlah Terbitan Novel
2013	7
2014	13
2015	14
2016	26
2017	19
2018	22
2019	16
2020	8
2021	2
2022	4
Jumlah	131

Jadual 9: Senarai drama dan filem adaptasi novel (2013–2023)

Tahun	Drama Adaptasi Novel	Filem Adaptasi Novel	Jumlah Terbitan Mengikut Tahun
2013	14	1	15
2014	1	1	2
2015	0	2	2
2016	1	0	1
2017	23	2	25
2018	24	0	24
2019	23	1	24
2020	26	0	26
2021	24	1	25
2022	33	0	33
2023	3	0	3
Jumlah	172	8	180

Jadual 10 pula menunjukkan senarai 10 teratas penulis yang karya novelnya diadaptasikan kepada drama atau filem. Jumlah novel yang tertinggi ditulis oleh seorang penulis yang telah diadaptasikan kepada drama dan filem ialah sebanyak lapan buah novel oleh Syamnuriezmil. Bagi kategori penerbit pula, trend adaptasi novel kepada drama ini secara tidak langsung telah berjaya menaikkan nama penulis dan penerbit dalam industri perbukuan. Para pembaca dan bukan pembaca novel juga secara tidak langsung tertarik untuk mendapatkan bahan bacaan ini secara fizikal atau bukan fizikal bagi mendalami isi kandungannya yang sebenar.

Jadual 10: Sejumlah 10 penulis dengan novel paling banyak diadaptasikan kepada drama dan filem

Penulis Novel	Jumlah Novel
Syamnuriezmil	8
Siti Rosmizah Semail	6
Umie Nadzimah	6
Acik Lana	5
Anna Milia	4
Sophilea	3
Myra Ameer	2
Maya Adira	2
Cik Tet	2
Emy Roberto	2

3.2.2 Penerbitan

a. Nilai Output Kasar Aktiviti Penerbitan di Malaysia

Industri perbukuan sesebuah negara dinilai daripada sumbangan aktiviti penerbitan kepada KDNK yang dijalankan oleh DOSM pada tahun tertentu. Menurut laporan statistik maklumat dan komunikasi 2013 dalam Jadual 11, nilai output kasar daripada aktiviti penerbitan ialah RM1.2 bilion daripada jumlah keseluruhan RM90 bilion. Angka ini meningkat dari tahun ke tahun hingga tahun 2017, dengan jumlah RM5.3 bilion. Namun begitu, selepas pandemik melanda negara pada tahun 2020 hingga 2022, nilai output kasar menurun kepada RM4.9 bilion.

Jadual 11: Statistik utama perkhidmatan maklumat dan komunikasi bagi aktiviti penerbitan 2012–2021

Aktiviti	Nilai Output Kasar	Nilai Input Perantaraan	Nilai Ditambah	Jumlah Pekerja	Gaji dan Upah yang Dibayar	Nilai Harta Tetap
Tahun	(RM'000)	(RM'000)	(RM'000)	orang	(RM'000)	(RM'000)
2012	1,240,787	617,599	623,188	4,680	173,801	294,455
2014	2,104,927	974,725	1,130,202	8,737	336,015	817,105
2015	4,945,707	2,473,569	2,472,138	16,480	699,902	1,743,484
2017	5,332,362	2,846,344	2,486,018	17,293	780,579	1,872,292
2021	4,967,517	2,908,401	2,059,116	14,735	686,139	1,840,560

Sumber: Statistik utama perkhidmatan maklumat dan komunikasi bagi aktiviti penerbitan 2012–2021.

Keuntungan jualan bagi industri perbukuan makro, kecil dan sederhana menunjukkan perkembangan industri perbukuan Malaysia. Statistik di bawah menunjukkan hasil tahunan yang diperoleh pemborong dan peruncit daripada jualan buku. Dapatan ini berdasarkan data daripada DOSM dalam Jadual 12. Dalam hal ini, kajian dilakukan pada setiap lima tahun, iaitu pada tahun 2008, 2013 dan 2018.

Jadual 12: Industri jualan borong buku

Tahun	Purata Gaji Sebulan (RM)	Produktiviti Buruh (RM)	Bilangan Pertubuhan	Pekerja Bergaji	Gaji dan Upah Dibayar (RM Juta)	Nilai Jualan Barangan dan Perkhidmatan (RM Juta)	Jumlah Orang yang Terlibat
2008	1,693	274,367	1,129	7,874	160	2,418	8.813
2013	2,394	390,861	2,127	8,840	254	4,217	10,789
2018	3,645	549,185	1,891	9,053	396	6,303	11,477

Sumber: Penerbitan Statistik Ekonomi Tahunan Perdagangan Borong dan Runcit, 2008, 2013, 2018.

Jadual 13 menunjukkan keuntungan yang berjaya dijana oleh pemborong dan peruncit daripada jualan buku bagi tahun 2008, 2013 dan 2018.

Jadual 13: Industri jualan runcit buku dan industri jualan runcit buku di gerai

Industri	Tahun	Purata Gaji Sebulan (RM)	Produktiviti Buruh (RM)	Bilangan Pertubuhan	Pekerja Bergaji	Gaji dan Upah Dibayar (RM Juta)	Nilai Jualan Barangan dan Perkhidmatan (RM Juta)	Jumlah Orang yang Terlibat
Jualan runcit buku	2008	1,315	164,505	5,278	17,614	278	3,844	23,367
	2013	2,241	180,111	10,909	26,099	702	6,274	34,834
	2018	2,241	180,111	12,978	29,511	1,063	9,583	38,322
Jualan runcit buku melalui gerai atau pasar	2013	1,166	74,468	167	143	2	21	282
	2018	1,166	74,468	204	154	4	27	330

Sumber: Penerbitan Statistik Ekonomi Tahunan Perdagangan Borong dan Runcit, 2008, 2013, 2018.

b. Penerbit Buku Utama di Malaysia

Jadual 14 menunjukkan senarai syarikat penerbitan buku utama dari segi nilai pendapatan dari tahun 2013 hingga 2022 yang diperoleh daripada SSM dan disemak silang dengan senarai keahlian MABOPA.

Senarai penerbit buku utama yang terpilih tersebut telah dikenal pasti dan sesuai dijadikan sebagai sampel indikator industri perbukuan Malaysia berdasarkan beberapa kriteria, iaitu: Tempoh syarikat telah beroperasi melebihi 10 tahun; jumlah pekerja syarikat melebihi 20 orang pekerja; dan purata hasil jualan tahunan melebihi RM15 juta. Senarai ini juga turut mengambil kira kepelbagaian kategori penerbit, iaitu penerbit badan kerajaan, penerbit syarikat swasta, penerbit dalam bidang terjemahan, penerbit yang menerbitkan buku pendidikan STEM (Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik) dan penerbit buku umum serta agama.

Sepanjang tempoh tersebut, hasil pendapatan tahunan syarikat penerbitan menunjukkan penurunan dan penaikan. Pada tahun 2013, hasil pendapatan tahunan gabungan 11 buah syarikat penerbitan terpilih dicatatkan pada RM412.2 juta. Sementara itu, pada tahun 2015 dan 2016, terdapat peningkatan dalam hasil pendapatan tahunan kepada RM448.9 juta dan RM474.3 juta.

Dari tahun 2017 hingga 2020, hasil pendapatan tahunan menunjukkan jumlah yang tidak stabil dengan mencecah nilai paling tinggi adalah pada tahun 2019 sebanyak RM477 juta dan jatuh paling rendah pada tahun 2020 sebanyak RM408.2 juta. Walau bagaimanapun, pada tahun 2021 menunjukkan peningkatan sehingga RM434.3 juta menandakan trend pertumbuhan yang positif. Dapatan ini menunjukkan bahawa sektor penerbitan mempunyai ruang untuk pertumbuhan dan pemulihan.

Data tersebut menyerlahkan daya tahan dan dinamik sektor penerbitan dan industri perbukuan negara dengan turun naik dalam hasil pendapatan tahunan selama bertahun-tahun. Peningkatan ketara dalam hasil pada tahun 2021 menunjukkan peluang yang cerah kepada syarikat penerbitan untuk terus bersaing. Maklumat ini bernilai dan signifikan untuk pihak berkepentingan, penggubal dasar dan pelabur untuk memahami prestasi kewangan dan prospek industri penerbitan.

Data nilai jualan daripada SSM ini sangat sesuai dijadikan sebagai indikator utama industri perbukuan negara dalam kategori penerbitan selain data KDNK dan laporan ahli berdaftar di bawah MABOPA. Setiap syarikat yang berdaftar di bawah SSM akan melaporkan hasil jualan syarikat pada setiap tahun. Melalui data ini, prestasi nilai jualan dengan mudah dapat dikenal pasti sama ada industri perbukuan dalam kategori penerbitan berkembang sihat atau menguncup.

Jadual 14: Jumlah hasil pendapatan penerbit utama di Malaysia dari tahun 2013–2022

Bil.	Nama Syarikat	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022
1	Ar-Risalah Product Sdn. Bhd.	25,224,347.00	23,006,754.00	19,284,281.00	14,995,345.00	10,476,863.00	10,372,200.00	11,106,969.00	9,111,568.00	10,764,413.00	Data tidak diperoleh
2	Dewan Bahasa dan Pustaka	23,606,976.00	60,854,705.00	89,891,774.00	97,933,891.00	86,387,434.00	98,446,184.00	145,918,030.00	136,055,926.00	122,529,303.00	Data tidak diperoleh
3	Kadokawa Gempak Starz Sdn. Bhd.	23,074,663.00	24,999,051.00	4,184,506.00	28,819,199.00	27,114,542.00	34,519,743.00	33,056,361.00	19,838,640.00	21,147,430.00	31,170,013.00
4	Grolier (Malaysia) Sdn. Bhd.	58,837,430.00	59,413,587.00	77,062,173.00	86,611,522.00	93,589,282.00	65,042,498.00	72,628,390.00	60,563,299.00	75,085,135.00	Data tidak diperoleh
5	Institut Terjemahan dan Buku Malaysia Berhad	16,575,708.00	12,891,553.00	14,336,053.00	10,800,406.00	8,644,855.00	8,473,293.00	9,024,501.00	8,106,236.00	23,817,933.00	Data tidak diperoleh
6	Grup Buku Karangkraf Sdn. Bhd.	34,358,217.00	34,623,630.00	37,177,781.00	28,110,644.00	20,042,263.00	23,507,052.00	24,998,787.00	31,049,570.00	31,955,552.00	Data tidak diperoleh
7	Pearson Malaysia Sdn. Bhd.	49,613,258.00	30,535,487.00	26,736,601.00	24,073,319.00	19,035,425.00	17,288,834.00	15,608,352.00	15,021,162.00	13,158,520.00	Data tidak diperoleh
8	Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.	44,282,709.00	42,987,643.00	39,927,986.00	41,714,461.00	50,404,262.00	45,414,076.00	46,525,378.00	36,630,382.00	43,955,535.00	Data tidak diperoleh
9	PTS Media Group Sdn. Bhd.	31,816,123.00	29,564,974.00	33,726,791.00	27,772,422.00	20,467,224.00	13,828,165.00	11,504,574.00	12,492,147.00	13,026,896.00	Data tidak diperoleh
10	Sasbadi Sdn Bhd	77,964,000.00	79,509,000.00	87,954,000.00	92,690,000.00	93,053,000.00	87,841,000.00	87,727,000.00	62,814,000.00	62,902,000.00	69,034,000.00
11	Telaga Biru Sdn. Bhd.	26,845,975.00	20,979,565.00	18,675,524.00	20,833,072.00	19,026,116.00	18,191,567.00	18,907,451.00	16,540,671.00	15,973,348.00	Data tidak diperoleh
	Jumlah	**412,199,406.00**	**419,365,949.00**	**448,957,470.00**	**474,354,281.00**	**448,241,266.00**	**422,924,612.00**	**477,005,793.00**	**408,223,601.00**	**434,316,065.00**	**100,204,013.00**

Sumber: SSM dan Buku Laporan Tahunan DBP 2013–2022.

c. Judul Buku Diterbitkan

ISBN ialah pengecam unik untuk penerbitan buku, manakala e-ISBN merujuk versi elektronik ISBN yang digunakan untuk buku e-buku. Jadual 15 menunjukkan statistik permohonan ISBN dan e-ISBN bagi tahun 2013 hingga 2022 berdasarkan judul.

Jadual 15: Judul buku diterbitkan mengikut permohonan ISBN

Parameter	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022
ISBN	23,004	24,277	23,026	24,871	22,258	22,180	22,413	18,159	19,060	18,640
e-ISBN (e-buku)	1,640	834	1,833	2,230	943	959	1,593	2,394	6,153	4,113
Jumlah	24,644	25,111	24,859	27,101	23,201	23,139	24,006	20,553	25,213	22,753

Sumber: Laporan Perangkaan PNM 2013–2022.

Perubahan dapat dilihat untuk permohonan ISBN dalam 10 tahun kebelakangan ini. Daripada 23,004 judul pada tahun 2013, kadar permohonan ISBN meningkat kepada 24,277 permohonan pada tahun 2014. Hingga tahun 2016, terdapat 24,871 jumlah permohonan ISBN, namun jumlah ini hanya tinggal 22,258 permohonan pada tahun 2017. Pada tahun 2018, 22,180 permohonan ISBN telah diterima, manakala pada tahun 2019, jumlah ini meningkat sedikit kepada 22,413 permohonan. Walau bagaimanapun, jumlah permohonan ISBN pada tahun 2020 berkurangan kepada 18,159 permohonan, tetapi kadar ini meningkat sedikit pada tahun 2021 dengan 19,060 permohonan. Pada tahun 2022 pula, terdapat sedikit penurunan, iaitu kepada 18,640 permohonan.

Data untuk pemohonan e-ISBN di Malaysia juga menunjukkan variasi sepanjang tempoh tertentu. Pada tahun 2013, terdapat 1,640 pemohonan e-ISBN, namun jumlah ini menurun kepada 834 permohonan pada tahun 2014. Walau bagaimanapun, arah aliran berubah pada tahun 2015, apabila 1,833 e-ISBN telah direkodkan. Jumlah itu meningkat kepada 2,230 pada tahun 2016, diikuti oleh penurunan kepada 943 pada tahun 2017. Hal ini menunjukkan sedikit peningkatan pada tahun 2018 dengan 959 jumlah permohonan. Pada tahun 2019, jumlah itu terus meningkat kepada 1,593 permohonan e-ISBN. Terdapat peningkatan yang ketara pada tahun 2020, sehingga 2,394 permohonan. Tahun 2021 menyaksikan peningkatan yang ketara dengan 6,153 permohonan e-ISBN. Akhir sekali, pada tahun 2022, jumlah permohonan e-ISBN berjumlah 4,113.

Jumlah pemohonan yang menggabungkan kedua-dua pemohonan ISBN dan e-ISBN turut menunjukkan turun naik. Pada tahun 2013, jumlah keseluruhan ialah 24,644 permohonan dan terus meningkat kepada 27,101 permohonan pada tahun 2016. Pada tahun 2017, 2018 dan 2019, terdapat penurunan pada setiap tahun dan yang paling ketara ialah 20,553 jumlah permohonan pada tahun 2020. Akhirnya, pada tahun 2022, jumlah permohonan meningkat semula kepada 22,753 judul.

Secara keseluruhannya, data tersebut menggambarkan arah aliran dan perubahan dalam permohonan ISBN dan e-ISBN sepanjang tahun tertentu dan memberikan pandangan berharga tentang corak permohonan pendaftaran penerbitan di Malaysia. Hal ini menunjukkan kepentingan dan penggunaan berterusan kedua-dua jenis penerbitan bercetak dan digital. Sekiranya pengumpulan data permohonan penerbitan mengikut judul ini dapat dilaksanakan secara komprehensif dan sistematik, pelaporan penerbitan bahan terbitan tempatan dengan mudah dapat diperoleh dan dilaporkan kepada pihak kementerian ekonomi secara khususnya dan kerajaan secara amnya terhadap industri perbukuan negara.

d. Kategori Buku yang Diterbitkan

Jadual 16 menunjukkan statistik buku yang diterbitkan berdasarkan bidang perkara. Data ini diperoleh berdasarkan maklumat penyerahan buku di PNM (melalui Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan, 1986) yang dilaporkan dari tahun 2013 hingga 2022. Data menunjukkan bahawa dalam tempoh 10 tahun ini, sejumlah 181,488 judul bahan telah diperoleh dalam pelbagai topik dan bidang perkara.

Jadual 16: Bilangan judul buku yang diterbitkan mengikut bidang perkara bagi tahun 2013–2022 melalui Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan, 1986

Bidang Perkara	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022	Jumlah
Karya am	174	100	181	227	171	230	245	309	317	229	2,437
Falsafah/psikologi	353	247	216	258	213	208	224	210	176	275	2,380
Agama	1,716	1,622	1,474	2,298	1,326	1,693	1,546	1,413	1,212	2,357	16,657
Sosiologi, statistik	286	383	229	319	243	274	402	324	243	822	3,525
Sains politik	141	124	119	131	132	175	197	113	86	147	1,365
Ekonomi	371	375	402	497	504	549	529	552	544	681	5,004
Undang-undang, pentadbiran awam, sains kebajikan	473	374	391	578	541	527	626	380	391	1,017	5,298
Ketenteraan	48	76	50	97	81	68	93	87	102	57	759
Pendidikan	1,416	1,266	1,036	1,252	1,274	1,420	1,616	1,130	1,061	1,871	13,342
Perdagangan, komunikasi, pengangkutan	77	60	88	97	68	79	131	71	33	108	812
Adat resam, sastera	437	231	237	228	144	185	138	81	139	133	1,953
Bahasa	5,031	4,106	3,130	3,644	3,749	3,932	3,459	2,714	2,165	4,095	36,025
Matematik	1,361	1,074	888	1,436	1,461	1,761	1,562	1,186	1,055	1,976	13,760
Sains semula jadi	1,025	1,059	765	603	713	889	1,033	556	424	710	7,777
Sains perubatan, sains kesihatan awam	404	476	376	475	437	490	487	447	437	786	4,815
Teknologi, kejuruteraan, industri	173	267	355	365	305	277	243	272	339	602	3,198
Pertanian, biak-baka, perhutanan, perburuan, perikanan	122	126	235	207	145	146	175	153	130	212	1,651
Sains rumahtangga	352	184	244	334	210	193	270	198	143	156	2,284
Pengurusan pentadbiran dan organisasi	472	422	490	509	460	520	588	472	407	818	5,158
Perancangan fizikal, perancangan negeri dan bandar, senibina	294	165	190	168	157	130	326	140	109	198	1,877
Seni plastik dan grafik, seni foto	590	583	756	1,004	897	1,070	906	856	572	997	8,231
Muzik, seni pertunjukan pementasan, filem panggung wayang	210	91	609	224	400	374	284	131	71	128	2,522
Sukan dan permainan	157	133	129	114	129	125	231	153	77	181	1,429
Kesusasteraan	3,239	3,371	2,783	3,264	2,517	2,491	2,264	2,331	2,963	4,652	29,875
Geografi	578	603	590	703	476	366	456	409	220	359	4,760
Sejarah, biografi	487	451	483	560	401	476	471	384	327	554	4,594
Jumlah	**19,987**	**17,969**	**16,446**	**19,592**	**17,213**	**18,663**	**18,566**	**15,080**	**13,655**	**24,317**	**181,488**

Sumber: Laporan Perangkaan PNM 2013–2022.

Judul dalam bidang bahasa dan kesusasteraan mendahului sebanyak 36,025 dan 29,875 jumlah bahan diterbitkan. Walaupun sesetengah subjek menunjukkan angka bilangan penerbitan yang stabil sepanjang tahun, seperti pengurusan pentadbiran dan organisasi, pendidikan, dan sains rumah tangga, judul bidang perkara yang lain mengalami penaikan dan penurunan. Sukan dan permainan, perancangan fizikal, perancang negeri dan bandar, seni bina, misalnya, menyaksikan penurunan dalam pengambilalihan pada tahun tertentu.

Secara keseluruhannya, data ini memberikan gambaran yang berguna tentang trend penerbitan bidang perkara berdasarkan rekod Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986, daripada laporan statistik PNM dalam tempoh 10 tahun yang ditetapkan. Dapatan ini menyerlahkan kepentingan menangani trend penerbitan, khususnya bidang perkara yang memenuhi keperluan maklumat pembaca yang pelbagai. Melalui kategori buku yang diterbitkan, pihak kerajaan dapat memahami bidang perkara yang menjadi pilihan utama dalam penerbitan dengan lebih jelas, dan pada masa yang sama dapat membandingkan minat membaca masyarakat Malaysia demi menyokong industri perbukuan negara.

Jadual 17 memaparkan bilangan judul buku yang diterbitkan bagi kategori badan kerajaan dan badan bukan kerajaan untuk tahun 2013 hingga 2022. Data ini diambil daripada sumber perolehan PNM melalui Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan, 1986.

Jadual 17: Bilangan judul bagi kategori penerbitan Badan Kerajaan dan Badan Bukan Kerajaan bagi tahun 2013–2022 melalui Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan, 1986

Kategori Penerbitan	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022	Jumlah
Penerbitan badan kerajaan	2,903	3,060	3,794	4,733	3150	3,687	4,245	3,714	3,470	6,724	39,480
Penerbitan badan bukan kerajaan	17,084	14,909	12,652	14,859	14,063	14,976	14,321	11,366	10,185	17,593	142,008
Jumlah	19,987	17,969	16,446	19,592	17,213	18,663	18,566	15,080	13,655	24,317	181,488

Sumber: Laporan Perangkaan PNM 2013–2022.

Dari tahun 2013 hingga 2022, sebanyak 181,488 judul dalam kategori badan kerajaan dan badan bukan kerajaan diterbitkan. Untuk penerbitan badan bukan kerajaan, trend penerbitan yang menarik dapat dilihat; pada tahun 2013, PNM merekodkan 17,084 judul, namun jumlah ini menurun dari tahun ke tahun hingga 2021 dengan hanya 10,185 judul. Jumlah kembali meningkat selepas 10 tahun dengan 17,593 judul pada tahun 2022. Data ini menunjukkan kepentingan pembaca di seluruh negara yang menerima sumber yang pelbagai dan komprehensif, baik yang diterbitkan oleh badan kerajaan mahupun badan bukan kerajaan.

e. Bahasa Buku yang Diterbitkan

Jadual 18 menunjukkan bilangan judul yang diterbitkan mengikut bahasa berdasarkan statistik perolehan koleksi PNM dari tahun 2013 hingga 2022. Data ini memberikan gambaran yang berguna tentang kepelbagaian bahasa penerbitan di Malaysia. Dalam tempoh 10 tahun tersebut, sebanyak 181,488 bahan bacaan dalam enam kategori bahasa utama telah diterbitkan. Kategori bahasa Melayu terus menunjukkan jumlah yang besar. Jumlah penerbitan tertinggi untuk bahasa Melayu ialah 14,431 judul pada 2022. Kadar ini diikuti oleh tahun 2016 dengan 12,081 judul. Penerbitan bahan bacaan kategori ini terus meningkat pada setiap tahun sehingga mencapai 103,424 bahan bacaan menjelang tahun 2022.

Jadual 18: Bilangan judul diterbitkan mengikut jenis bahasa bagi tahun 2013–2022 melalui Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan, 1986

Jenis Bahasa	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022	Jumlah
Bahasa Melayu	10,787	9,965	9,566	12,081	9,611	10,137	9,847	8,681	8,318	14,431	103,424
Bahasa Inggeris	6,146	5,001	4,769	4,914	5,245	5,616	6,054	4,691	4,024	7,462	53,922
Bahasa Cina	2,734	2,645	1,812	2,193	1,964	2,456	2,240	1,379	976	1,864	20,263
Bahasa Tamil	99	149	114	172	139	91	184	137	82	156	1,323
Bahasa Arab	180	158	113	170	157	261	199	145	195	333	1,911
Lain-Lain	41	51	72	62	97	102	42	47	60	71	645
Jumlah	**19,987**	**17,969**	**16,446**	**19,592**	**17,213**	**18,663**	**18,566**	**15,080**	**13,655**	**24,317**	**181,488**

Sumber: Statistik perolehan koleksi PNM mengikut jenis bahasa bahan terbitan di dalam negara bagi tahun 2013–2022 melalui Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan, 1986 (judul).

Sepanjang tahun-tahun tersebut, penerbitan kategori bahasa Inggeris juga meningkat. Tahun 2022 menyaksikan penerbitan bahan bacaan tertinggi, iaitu sebanyak 7,462 judul, yang diikuti oleh 6,054 judul pada tahun 2019. Penerbitan dalam kategori ini terus meningkat kepada 53,922 judul menjelang tahun 2022. Pada tahun-tahun sebelumnya, kategori bahasa Cina menyaksikan peningkatan ketara. Pada tahun 2013, 2,734 judul telah diterbitkan dalam bahasa Cina. Walaupun bilangan penerbitan berkurangan pada tahun-tahun berikutnya, jumlah ini masih ketara, dengan 20,263 judul telah diterbitkan sehingga tahun 2022. Berbanding dengan kategori bahasa lain, judul dalam bahasa Tamil kurang diterbitkan. Tahun 2019 menyaksikan penerbitan tertinggi dengan 184 judul, dan sebanyak 156 judul diterbitkan pada tahun 2022. Jumlah terkumpul ialah sebanyak 1,323 judul bahasa Tamil telah diterbitkan sejak tahun 2013 hingga 2022. Berbanding dengan kategori yang lain, judul bahasa Arab juga kurang diterbitkan. Tahun 2022 menunjukkan penerbitan tertinggi

dalam bahasa Arab dengan 333 judul. Menjelang tahun 2022, jumlah terkumpul penerbitan bahasa Arab ialah sebanyak 1,911 sejak 10 tahun yang lalu.

Judul dalam pelbagai bahasa selain bahasa Melayu, bahasa Inggeris, bahasa Cina, bahasa Tamil dan bahasa Arab termasuk dalam kategori "Lain-lain". Jumlah penerbitan untuk kategori ini agak rendah, dengan hanya 645 judul diterbitkan menjelang tahun 2022. Data ini menunjukkan kepentingan memenuhi keutamaan linguistik dan keperluan pembaca dengan memperoleh bahan bacaan dalam pelbagai bahasa. Pemahaman tentang trend penerbitan berdasarkan kategori bahasa dapat membantu industri perbukuan menentukan hala tuju penerbitan yang semakin dinamik.

f. Buku Teks

Buku teks diterbitkan melalui kaedah perolehan secara tender atau sebut harga dan juga melalui kaedah penyaluran geran kepada DBP.

Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran (7 November 1979) [75] menetapkan bahawa sekolah kebangsaan hendaklah menggunakan buku teks yang diterbitkan oleh DBP. Buku teks sekolah jenis kebangsaan Cina/Tamil dan sekolah menengah dipilih daripada judul yang diperakukan melalui perolehan secara tender atau sebut harga.

Hak cipta buku teks dimiliki oleh KPM kecuali buku terbitan luar negara dan novel untuk komponen sastera. (Rujuk laporan perangkaan lengkap berkenaan penerbitan dan pembelian buku teks dalam Lampiran 5.)

Pesanan Bahan Terbitan Buku Teks

Terdapat penurunan yang signifikan terhadap jumlah naskhah dan peruntukan pesanan bahan terbitan buku teks dari tahun 2017 hingga 2021 seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 19.

Jadual 19: Pesanan bahan terbitan buku teks tahun 2017–2021

Tahun	Naskhah	Peruntukan (RM)
2017	26,825,789	273,254,484.59
2018	25,816,914	221,254,325.52
2019	24,377,332	221,719,236.32
2020	25,857,983	188,487,640.41
2021	23,801,237	201,089,485.24

Sumber: BSTP KPM.

Terbitan Buku Teks Braille

Penerbitan dan penghasilan buku teks Braille dibahagikan mengikut jenis pakej buku (buku aktiviti dan buku teks Braille) serta jenis kurikulum sekolah (KSSM dan KSSR). Merujuk Jadual 20, jumlah judul keseluruhan bahan terbitan buku teks Braille ialah sebanyak 60 judul untuk sekolah menengah dan 74 judul untuk sekolah rendah. Kedua-dua jenis pakej buku menunjukkan buku teks sebagai penyumbang tertinggi bagi penerbitan bahan terbitan buku teks Braille.

Jadual 20: Jumlah judul terbitan buku teks pendidikan khas mengikut jenis pakej buku

Jenis Sekolah	Pakej Buku	Jumlah Judul
Sekolah Menengah (Braille)	Buku Aktiviti Braille	3
	Buku Teks Braille	57
Sekolah Rendah (Braille)	Buku Aktiviti Braille	6
	Buku Teks Braille	68
Jumlah (Judul)		**134**

Sumber: BSTP KPM.

g. Bilangan Penerbit Baharu

Jadual 21 menunjukkan statistik penerbit baharu di Malaysia dari tahun 2017 hingga 2022 berdasarkan permohonan ISBN dan bilangan penerbit yang terlibat. Sejak tahun 2017 hingga 2022, PNM merekodkan sejumlah 139,048 permohonan ISBN dengan 7,032 permohononan daripada penerbit baharu. Peningkatan penerbit baharu menunjukkan industri perbukuan adalah aktif.

Jadual 21: Jumlah penerbit baharu di Malaysia termasuk penerbit swaterbit (2017–2022)

Tahun	Permohonan ISBN	Peratus Permohonan ISBN	Bilangan Penerbit Baharu	Peratus Bilangan Penerbit
2017	23,270	16.7%	786	11.2%
2018	23,192	16.7%	920	13.1%
2019	24,061	17.3%	953	13.5%
2020	20,559	14.8%	973	13.8%
2021	25,213	18.1%	1939	27.6%
2022	22,753	16.4%	1461	20.8%
Jumlah	**139,048**	**100%**	**7032**	**100%**

Sumber: Bahagian Penyelidikan PNM, 2023.

3.2.3 Pemasaran

Indikator pemasaran membolehkan penerbit menilai keberkesanan kempen pemasaran mereka. Hal ini termasuklah pengukuran tahap kemampuan iklan, promosi dan usaha lain menarik pembaca dan meningkatkan jualan buku. Hal ini juga membantu pihak berkepentingan memahami pasaran buku di Malaysia dengan lebih baik. Perkara ini merangkumi pengenalpastian trend pembacaan, permintaan untuk jenis buku tertentu dan keperluan pembaca. Penerbit dan penulis swaterbit dapat menggunakan indikator pemasaran untuk mengukur kepuasan pelanggan. Pembentukan indikator ini melibatkan pengumpulan maklum balas daripada pembaca tentang kualiti buku, perkhidmatan pelanggan dan pengalaman pembelian secara keseluruhan. Dengan data daripada indikator pemasaran, penerbit dapat merancang pengurusan inventori yang lebih cekap. Mereka dapat mengenal pasti buku yang paling diminati pembaca dan mengambil tindakan untuk memastikan ketersediaan stok. Dalam tindakan menghalusi indikator pemasaran, penggunaan sampel syarikat dimanfaatkan.

a. Jumlah Jualan Buku

Merujuk Jadual 22, statistik jualan tahunan bagi syarikat penerbitan yang berdaftar dengan MABOPA dan menjawab kaji selidiknya dari tahun 2016 hingga 2022 menunjukkan variasi ketara dalam kedua-dua bilangan syarikat berdaftar dan anggaran jualan tahunan mereka; data ini memberikan gambaran yang berguna tentang dinamik industri perbukuan Malaysia. Data ini berdasarkan kaji selidik yang dijalankan oleh MABOPA pada tahun 2013 hingga 2022, namun data lengkap hanya untuk tahun 2016 hingga 2022.

Jadual 22: Jumlah jualan tahunan syarikat berdasarkan kaji selidik MABOPA

Tahun	Jumlah Syarikat di Bawah MABOPA	Jumlah Responden Kaji Selidik MABOPA	Anggaran Saiz Pendapatan Syarikat (Berdasarkan Data Responden)
2016	195	140	848 juta
2017	207	63	526 juta
2018	217	63	533 juta
2019	206	45	593 juta
2020	189	38	545 juta
2021	163	35	348 juta
2022	160	52	531 juta

Sumber: MABOPA.

Bilangan syarikat berdaftar mengalami perubahan yang jelas seperti yang dipaparkan dalam Jadual 22. Pada tahun 2016, sejumlah 195 buah syarikat yang telah berdaftar dengan MABOPA.

Walau bagaimanapun, 140 buah syarikat sahaja yang menjawab kaji selidik yang dijalankan. Jumlah syarikat yang didaftarkan terus meningkat kepada 207 buah syarikat pada tahun 2017 dan 217 buah syarikat pada tahun 2018. Namun begitu, hanya sebilangan kecil syarikat yang terlibat menjawab kaji selidik yang dijalankan pihak MABOPA bagi kedua-dua tahun tersebut, iaitu hanya 63 buah syarikat. Dapatan ini menunjukkan kemungkinan terdapat isu atau perubahan dalam landskap industri. Bilangan syarikat yang menjawab kaji selidik MABOPA menurun kepada 206 buah syarikat pada tahun 2019, dan 189 buah syarikat pada tahun 2020. Selaras dengan penurunan jumlah syarikat yang menjawab kaji selidik yang dijalankan pada dua tahun tersebut. Akan tetapi, bilangan syarikat berdaftar terus menurun dengan ketara kepada 163 buah menjelang tahun 2021 dan 160 buah syarikat pada tahun 2022.

Anggaran saiz industri atau kata lainnya anggaran pendapatan tahunan syarikat penerbitan juga menunjukkan perubahan. Syarikat yang berdaftar dengan MABOPA dan menjawab kaji selidik yang dijalankan ini mencatatkan anggaran saiz industri sebanyak RM848 juta pada tahun 2016. Pada tahun 2017, angka anggaran saiz industri menurun kepada RM526 juta dan RM533 juta pada tahun 2018, manakala pada tahun 2021, jumlah anggaran saiz industri terus merosot hingga RM348 juta. Namun begitu, anggaran saiz industri tahunan syarikat penerbitan melantun semula kepada RM531 juta menjelang tahun 2022; hal ini menunjukkan potensi pemulihan dan pertumbuhan dalam sektor itu.

Data ini menunjukkan perubahan dalam prestasi saiz industri dan bilangan syarikat berdaftar di Malaysia. Maklumat ini dapat membantu penggubal dasar, pemain industri dan pihak berkepentingan memahami halangan dan peluang dalam industri penerbitan dan membuat pilihan yang bijak untuk memangkin perkembangan dan kemajuan industri ini pada masa depan.

b. Jumlah Jualan e-Buku

Di Malaysia, capaian kepada kandungan e-buku mudah didapati melalui pelbagai platform kandungan digital. Terdapat juga sesetengah platform yang bekerjasama dengan beberapa perpustakaan awam untuk menyediakan capaian percuma kepada koleksi e-buku dan bahan bacaan lain seperti platform e-Sentral dan OverDrive. Platform kandungan digital lain yang menawarkan perkhidmatan yang sama adalah seperti Bookmate, Apple Books, Barnes & Noble Nook, Kindle, Scribd, Rakuten Kobo dan banyak lagi. Namun begitu, bagi laporan ini, data diperoleh hanya daripada e-Sentral. Platform e-Sentral menawarkan koleksi e-buku dalam pelbagai bahasa seperti bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan bahasa Cina. Platform ini mempunyai rakan kongsi dengan beberapa penerbit tempatan dan antarabangsa, yang menjadikannya sangat disukai oleh pembaca Malaysia. Peratusan penjualan e-buku untuk setiap transaksi dari tahun 2017 hingga 2022 ditunjukkan dalam Jadual 23. Sepanjang enam tahun kebelakangan ini, jumlah penjualan e-buku untuk setiap transaksi telah berada dalam julat RM1 hingga RM20, manakala untuk e-buku dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris, yang paling banyak dibeli oleh pengguna adalah dalam jumlah 46.4 peratus dan 38.2 peratus. Daripada jumlah transaksi ini, dapat dilihat jumlah peruntukan yang paling tinggi oleh pengguna. Sepanjang tempoh tujuh tahun dari tahun 2017 hingga 2023, majoriti pengguna e-buku memperuntukkan di bawah RM300 bagi pembelian e-buku (rujuk Rajah 5). Mengikut statistik e-Sentral, pada tahun 2020 hingga 2021, sebanyak 46.9 peratus pengguna membelanjakan sebanyak RM300 hingga RM400,

manakala sebanyak 29 peratus membelanjakan sebanyak RM400 hingga RM700; 12 peratus bagi perbelanjaan RM1,000 dan 10 peratus bagi perbelanjaan sebanyak RM700 hingga RM1,000.

Jadual 23: Peratusan penjualan e-buku per transaksi (2017–2022)

Penjualan e-Buku per Transaksi	2017	2018	2019	2020	2021	2022
RM1–RM20	64%	62%	53%	53%	49%	60%
RM20–RM40	24%	26%	36%	34%	34%	31%
RM40–RM60	5%	5%	5%	6%	11%	3%
RM60–RM80	3%	3%	3%	2%	2%	2%
RM80–RM100	2%	2%	2%	2%	2%	2%
RM100–ke atas	2%	2%	2%	2%	2%	2%

Sumber: e-Sentral.

Rajah 5: Peratusan jumlah pembeli mengikut jumlah perbelanjaan



Sumber: e-Sentral.

c. Jualan Buku oleh Syarikat Buku di Malaysia

Yang berikut merupakan statistik jualan buku tahunan mengikut naskhah buku terjual bagi 10 buah syarikat penerbitan terpilih atau berdaftar dengan MABOPA berdasarkan pensampelan profil dari tahun 2016 hingga 2020 seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 24.

Anggaran jumlah naskhah buku terjual ini didapati melalui pengiraan hasil jualan tahunan yang diperoleh dan dibahagikan dengan purata harga buku menggunakan kaedah simulasi Monte Carlo. Kaedah ini telah dilaksanakan bagi tujuan untuk membuat pensampelan dan pengiraan purata harga buku di Malaysia secara simulasi dengan menggunakan maklumat purata harga buku, sisihan piawai, sempadan rendah dan sempadan tinggi daripada data pensampelan buku yang sebenar.

Jadual 24: Statistik jualan tahunan 10 buah syarikat berdaftar di bawah MABOPA

Syarikat	2016	2017	2018	2019	2020	Jumlah
10 syarikat terpilih (RM)	393 juta	330 juta	325 juta	353 juta	353 juta	RM1.754 bilion
Jumlah naskhah buku terjual	9.255 juta	7.772 juta	7.654 juta	8.313 juta	8.313 juta	41.307 juta

Sumber: MABOPA.
**Nota: Berdasarkan kaedah Monte Carlo (rujuk Bab 2.0).*

Sepanjang tempoh lima tahun, 10 buah syarikat terpilih telah berjaya menjana jualan sebanyak RM1.754 bilion. Dalam jangka masa tersebut, angka jualan telah berubah daripada RM393 juta pada tahun 2016 kepada RM330 juta pada tahun 2017. Jualan terus menurun kepada RM325 juta pada tahun 2018. Namun begitu, pada tahun 2019, terdapat sedikit peningkatan kepada RM353 juta, dan pada tahun 2020, jualan kekal sama pada RM353 juta.

Selain itu, jumlah naskhah yang dijual oleh syarikat ini berbeza-beza pada setiap tahun. Pada tahun 2017, yang terjual ialah 7.772 juta naskhah daripada 9.255 juta pada tahun 2016. Pada tahun 2018, jumlah naskhah terjual ialah 7.654 juta; jumlah ini meningkat kepada 8.313 juta pada tahun 2019 dan 2020.

Berdasarkan maklumat ini, sepanjang tempoh lima tahun, jumlah jualan dan bilangan salinan yang dijual kekal dalam julat yang sama. Data menunjukkan bahawa syarikat terpilih mempunyai prestasi jualan yang konsisten.

Fakta menunjukkan bahawa data ini memberikan gambaran keseluruhan tentang arah aliran jualan dan prestasi 10 buah syarikat penerbitan ini dalam tempoh masa yang tertentu, yang menjadikannya sesuai untuk dijadikan model pengukuran kepada pihak berkepentingan dalam industri perbukuan dan penerbitan, termasuklah syarikat itu sendiri serta penggubal dasar. Data ini turut boleh membantu membuat keputusan dan merangka strategi untuk memenuhi permintaan dan trend pasaran dalam industri penerbitan dengan meningkatkan jualan dan pengedaran.

d. Penjual Buku

Syarikat penjual buku di Malaysia berkembang baik berdasarkan maklumat daripada MBA yang merupakan persatuan utama yang menaungi syarikat penjual buku di Malaysia. Pada tahun 2023, terdapat 99 buah syarikat penjual buku yang bernaung di bawahnya. Jadual 26 menunjukkan julat jumlah tenaga kerja bagi syarikat tersebut. Berdasarkan jumlah ini, negeri Selangor mencatat jumlah tertinggi untuk syarikat penjual buku.

Jadual 25: Jumlah ahli MBA mengikut negeri

Negeri	Jumlah Syarikat	Negeri	Jumlah Syarikat
Selangor	21	Pahang	4
Kuala Lumpur	22	Kelantan	3
Melaka	1	Sabah	3
Johor	12	Sarawak	7
Pulau Pinang	9	Kedah	10
Perak	5	Negeri Sembilan	2

Sumber: MBA.

Jadual 26: Julat jumlah tenaga kerja yang digaji oleh ahli MBA

Bil.	Jumlah Pekerja Syarikat Penjual Buku	Jumlah Syarikat Penjual Buku
1	Kurang daripada 10 orang	16
2	10–20 orang	14
3	20–50 orang	11
4	50–100 orang	4
5	Lebih 100 orang	6
7	Tiada data	48

Sumber: MBA.

Jadual 27: Jumlah perniagaan yang disenaraikan sebagai kedai buku dalam Google Maps

Negeri	Jumlah Kedai Buku
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	166
Wilayah Persekutuan Putrajaya	21
Wilayah Persekutuan Labuan	2
Selangor	188
Pahang	19
Negeri Sembilan	79
Melaka	45
Johor	118
Perak	126
Pulau Pinang	124
Terengganu	49
Kelantan	70
Perlis	14
Sabah	73
Sarawak	115
Johor	118
Jumlah	**1,327**

Nota: Jumlah tidak merangkumi status "tutup sementara". Kata kunci yang digunakan ialah "kedai buku" dan "lokasi".*

e. Perbelanjaan Buku Isi Rumah

Jadual yang berikut menunjukkan purata perbelanjaan buku isi rumah di Malaysia. Rujuk Lampiran 3 untuk melihat purata perbelanjaan buku isi rumah mengikut negeri. Sumber data ialah kajian yang dijalankan oleh DOSM mengikut keperluan semasa.

Jadual 28: Purata perbelanjaan buku isi rumah di Malaysia

Tahun	Jumlah		Bandar		Luar Bandar	
	(RM)	(%)	(RM)	(%)	(RM)	(%)
2014	2.10	0.06	2.24	0.06	1.64	0.07
2016	2.13	0.05	2.23	0.05	1.77	0.06
2019	2.46	0.05	2.58	0.05	1.97	0.06
2022	1.52	0.03	1.65	0.03	1.10	0.03

Sumber: DOSM.

***Nota: Kategori HS 4901: termasuk buku bercetak, risalah dan bahan bercetak serupa sama ada dalam helai tunggal mahupun tidak.*

f. Eksport dan Import Buku

Jadual 29: Kuantiti Import and eksport buku Malaysia

Tahun	Import Negara	Eksport Negara
2013	330,589,135	275,122,016
2014	345,584,688	308,194,011
2015	362,438,499	366,465,699
2016	345,069,506	426,443,695
2017	328,257,267	505,907,004
2018	328,257,267	505,907,004
2019	315,523,563	510,624,666
2020	228,593,923	350,131,898
2021	183,387,146	245,618,359
2022	273,759,136	291,699,732
Jumlah	**3,041,460,130**	**3,786,114,084**

Sumber: DOSM.

**Nota: kategori HS 4900: termasuk buku bercetak, brosur, risalah dan bahan bercetak serupa sama ada dalam helai tunggal mahupun tidak. Data dicapai pada 17 Ogos 2023, dengan tukaran matawang US$1 = RM4.6270.*

Jadual 29 merekodkan gambaran keseluruhan statistik perdagangan luaran negara tentang kuantiti keluaran produk buku yang dieksport dan diimport dari Malaysia ke negara yang berbeza-beza untuk setiap tahun dari tahun 2013 hingga 2022. Amerika Syarikat dan Singapura merupakan pengimport dan pengeksport terbesar bagi negara (rujuk Jadual 30).

Jadual 30: Statistik perdagangan luaran (RM) untuk eksport dan import buku Malaysia

Negara	2013		2014		2015		2016		2017	
	Import	Eksport	Import	Eksport	Import	Eksport	Import	Eksport	Import	Eksport
Indonesia	5,299,550	3,982,795	7,387,857	2,944,041	10,009,730	1,840,714	20,764,890	9,795,496	15,528,646	18,813,557
Jepun	12,125,595	12,021,864	8,895,639	16,974,665	14,646,520	9,786,377	12,216,831	9,838,387	10,116,502	13,465,952
Filipina	1,277,961	6,806,592	600,608	8,594,563	887,971	9,460,097	380,740	12,567,513	802,626	11,049,374
Singapura	77,589,403	115,914,872	82,443,466	123,632,637	73,839,539	135,656,295	55,145,158	138,288,732	40,557,616	196,165,084
Thailand	9,972,488	14,450,875	7,030,483	13,571,023	8,449,568	23,930,886	9,296,810	34,283,653	13,043,129	37,998,973
United Kingdom	83,401,573	46,758,593	95,613,383	62,955,527	116,200,116	80,641,498	112,833,536	64,535,892	101,031,281	69,041,055
Amerika syarikat	131,263,787	53,592,085	134,384,866	54,029,959	124,206,044	84,894,842	125,273,573	124,491,278	139,293,746	120,028,798
Vietnam	31,809	860,225	60,846	854,562	81,316	826,142	5,200	2,059,606	476,081	1,698,405
Jumlah	**320,962,166**	**254,387,901**	**336,417,148**	**283,556,977**	**348,320,804**	**347,036,851**	**335,916,738**	**395,860,557**	**320,849,627**	**468,261,198**
Negara	2018		2019		2020		2021		2022	
	Import	Eksport	Import	Eksport	Import	Eksport	Import	Eksport	Import	Eksport
Indonesia	20,501,645	32,668,182	15,288,561	18,722,453	37,796,940	26,156,835	12,951,199	19,564,085	27,699,894	36,020,170
Jepun	12,329,476	11,150,176	8,843,618	6,825,409	7,524,934	5,157,643	6,709,173	5,174,291	7,998,840	15,847,494
Filipina	2,005,812	36,902,159	2,379,008	23,087,911	5,821,711	16,793,165	332,162	16,175,317	1,112,718	7,380,780
Singapura	35,949,399	203,322,420	39,078,920	199,655,399	27,946,933	143,660,338	24,130,768	71,453,931	36,271,679	77,692,977
Thailand	3,704,391	37,662,488	9,609,229	33,918,186	2,580,420	10,381,423	3,674,256	10,501,285	8,954,140	17,169,884
United Kingdom	118,542,386	62,547,058	92,228,772	74,131,942	55,535,654	30,717,013	37,527,369	25,122,733	63,062,968	27,731,480
Amerika Syarikat	144,147,930	117,544,655	141,128,797	127,011,056	83,030,044	98,619,807	90,880,747	83,466,715	119,184,412	87,690,421
Vietnam	1,335,441	1,877,984	1,461,362	2,361,409	2,885,265	1,910,388	2,788,780	1,718,928	854,589	599,070
Jumlah	**338,516,480**	**503,675,122**	**310,018,267**	**485,713,765**	**223,121,901**	**333,396,612**	**178,994,454**	**233,177,285**	**265,139,240**	**270,132,276**

Sumber: DOSM, External Trade Statistics.

Indonesia: Eksport ke Indonesia menunjukkan trend yang berbeza-beza. Walaupun terdapat penurunan pada tahun 2015, tahun-tahun yang berikutnya menyaksikan peningkatan yang ketara, terutama kuantiti eksport yang melonjak kepada 36,020,170 unit pada tahun 2022. Trend ini menandakan pertumbuhan yang luar biasa berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya.

Jepun: Dari tahun 2013 hingga 2016, eksport ke Jepun antara sembilan dan 12 juta unit kekal stabil. Namun begitu, terdapat lonjakan yang signifikan sehingga mencapai 15,847,494 unit pada tahun 2022.

Filipina: Eksport ke Filipina meningkat dengan jelas pada tahun 2016 dan trend peningkatan ini berterusan pada tahun-tahun berikutnya. Walau bagaimanapun, tahun 2021 menyaksikan penurunan, namun jumlah eksport 2022 kekal signifikan.

Singapura: Eksport Malaysia ke Singapura menunjukkan peningkatan yang stabil dengan pertumbuhan ketara diperhatikan pada tahun 2014, 2015 dan 2016. Kuantiti itu kekal tinggi secara relatifnya, walaupun untuk tahun-tahun kemudian.

Thailand: Dari tahun 2015 hingga 2017, jumlah eksport ke Thailand meningkat. Pada tahun 2020, terdapat peningkatan yang luar biasa dan pada tahun 2022, pertumbuhan itu berterusan.

United Kingdom: Eksport Malaysia ke United Kingdom agak stabil sepanjang tahun dengan sedikit penaikan dan penurunan. Namun begitu, kuantiti bagi tahun 2019 dan 2020 adalah terkecuali.

Vietnam: Kuantiti eksport ke Vietnam kekal secara relatifnya dan konsisten dengan turun naik pada tahun 2020 dan penurunan pada tahun 2022.

Amerika Syarikat: Terdapat trend turun naik dalam eksport ke Amerika Syarikat. Pada tahun 2020, jumlah itu berkurangan dengan ketara, tetapi pada tahun 2022, trend mencatatkan lonjakan.

Jadual 31: Negara eksport dan import utama buku dari Malaysia

Bil.	Negara	Jumlah Keseluruhan Import (RM)	Jumlah Keseluruhan Eksport (RM)
1	Amerika Syarikat	1,232,793,946	951,369,616
2	United Kingdom	875,977,038	544,182,791
3	Singapura	492,952,881	1,405,442,685
4	Indonesia	173,228,912	170,508,328
5	Jepun	101,407,128	106,242,258
7	Thailand	76,314,914	233,868,676
8	Filipina	15,601,317	148,817,471
9	Vietnam	9,980,689	14,766,719
Jumlah		2,978,256,825	3,575,198,544

Sumber: DOSM (2013–2022).

g. Harga buku

Mengikut dapatan data sekunder, tiada data lengkap tentang harga buku mengikut genre yang dibuat pada setiap tahun sama ada oleh badan kerajaan mahupun syarikat swasta. Namun begitu, mengikut DOSM, analisis harga buku dilaksanakan menggunakan buku yang sama yang dikeluarkan pada setiap tahun bagi mengukur peningkatan dan penurunan harga buku tersebut. Berdasarkan sumber tersebut, buku rujukan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia dan buku siri latihan Matematik Tingkatan 3 dijadikan sampel bagi mengukur trend harga buku di Malaysia (Jadual 32 dan 33). Sepanjang tujuh tahun, bermula dari tahun 2013, terdapat trend peningkatan pada harga buku, namun pada tahun 2020 harga buku menurun sebanyak -4.5. Pada ketika itu, negara dilanda pandemik. Namun demikian, dapat dilihat peningkatan positif telah berlaku pada tahun 2022 bagi kedua-dua genre buku ini.

Jadual 32: Purata harga item buku dalam kelas perbelanjaan 0951 (RM) 2013–2022

Deskripsi Item	Tahun									
	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022
Buku rujukan Sijil Pelajaran Malaysia	26.82	28.27	29.77	31.11	31.9	32.25	32.86	31.39	30.67	31.67
Buku siri latihan Matematik Tingkatan 3	6.59	7.19	7.05	7.83	8.05	8.19	8.65	9.28	8.22	8.18

Sumber: DOSM (2013–2022).

Jadual 33: Perubahan harga item buku dari tahun 2014–2022

Kod Item	Deskripsi Item	Tahun								
		2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022
0951021	Buku rujukan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia	5.4	5.3	4.5	2.5	11	19	-4.5	-2.3	3.3
0951022	Buku siri latihan Matematik Tingkatan 3	9.1	-2.0	11.1	2.8	1.7	5.6	7.3	-11.4	-0.5

Sumber: e-Statistik, DOSM, 2014–2022.

Bagi menilai purata harga buku berdasarkan genre yang dikategorikan mengikut klasifikasi perpuluhan Dewey (*Dewey decimal classification*), kajian ini menggunakan kaedah simulasi Monte

Carlo. Teknik ini memberikan gambaran yang berguna tentang arah aliran harga bagi genre buku yang berbeza di Malaysia seperti yang ditentukan oleh tiga penjual buku terkenal di Malaysia, iaitu MPH Bookstores, PTS Publishing House dan Telaga Biru Sdn. Bhd. Teknik ini juga digunakan oleh Hadi [66] bagi mengukur dan membandingkan harga buku di Malaysia dan Jepun.

Jadual 34 menunjukkan data berkaitan dengan variasi ketara dalam harga buku purata merentas pelbagai genre dengan harga purata keseluruhan bagi setiap buku setelah mengambil kira kesemua genre yang dianalisis ialah RM42.46.

Jadual 34: Harga purata setiap buku berdasarkan judul buku/subjek (klasifikasi perpuluhan Dewey)

Bil.	Subjek	Purata Harga Sebuah Buku (RM)
1	Umum, sains komputer, dan maklumat	24.81
2	Falsafah dan psikologi	51.34
3	Agama	42.68
4	Sains sosial	48.33
5	Bahasa	36.13
6	Sains tulen	79.63
7	Teknologi	37.47
8	Sains dan rekreasi	27.67
9	Sastera	34.80
10	Sejarah dan geografi	41.74
Purata harga sebuah buku		**42.46**

**Nota: Harga berdasarkan tiga syarikat penjual buku terkenal di Malaysia (2023).*

Data menunjukkan perbezaan besar dari segi harga buku purata antara genre. Dengan harga purata RM79.63 untuk setiap buku, sains tulen ialah genre yang paling mahal. Buku yang berkaitan dengan sains perubatan turut termasuk dalam kategori ini. Psikologi dan falsafah menawarkan harga purata RM51.34 untuk setiap buku. Dari segi purata harga buku, genre sains sosial menduduki tempat ketiga dengan harga RM48.33 untuk sebuah buku. Akan tetapi, buku umum, sains komputer dan maklumat, serta sains dan rekreasi berharga lebih rendah dengan purata RM24.81 dan RM27.67. Mengambil kira semua genre, harga purata setiap buku ialah RM42.46. Jika pengiraan dibuat tanpa mengambil kira harga terpencil, purata harga buku ialah RM38.33.

Data ini menunjukkan perbezaan harga buku dalam pelbagai genre penting untuk pembaca dan pemain industri. Untuk setiap genre, pemahaman tentang arah aliran harga membantu pengedar buku membuat keputusan penetapan harga strategik. Di samping itu, pembaca boleh membuat pilihan termaklum berdasarkan minat dan pertimbangan belanjawan mereka. Maklumat ini penting untuk pihak berkepentingan dalam industri perbukuan untuk memenuhi kehendak dan permintaan pembeli buku di Malaysia.

3.3 KEPENTINGAN PERPUSTAKAAN KEPADA INDUSTRI PERBUKUAN DI MALAYSIA

Berdasarkan buku *Baca* oleh Persatuan Pustakawan Malaysia [76], terdapat enam jenis perpustakaan di Malaysia (rujuk Rajah 6). Dalam bab ini, kepentingan perpustakaan terhadap industri perbukuan akan dijelaskan dengan hasil dapatan daripada data yang diperoleh melalui perpustakaan itu sendiri.

Rajah 6: Enam jenis perpustakaan di Malaysia

3.3.1 Perpustakaan Negara Malaysia (PNM)

Unit Bibliografi Kebangsaan di Arkib Negara Malaysia bertanggungjawab melaksanakan Akta Pemeliharaan Buku-buku 1966 menjadi asas penubuhan PNM pada tahun 1966. Unit ini kemudian dinaik taraf kepada Bahagian Perpustakaan Negara yang berfungsi sebagai sekretariat kepada sebuah jawatankuasa yang mengkaji penubuhan PNM. Seperti yang dinyatakan dalam Akta Perpustakaan Negara 1972 (Akta 80), objektif PNM ialah:

(i) Menyediakan bagi penggunaan generasi masa kini dan masa depan suatu koleksi sumber perpustakaan pada peringkat kebangsaan.
(ii) Memudahkan capaian seluruh negara sumber perpustakaan yang terdapat di dalam dan di luar negeri.
(iii) Mengadakan kepimpinan dalam perkara yang berkaitan dengan perpustakaan.

Jadual 35 menunjukkan statistik kumulatif koleksi dan pengunjung berdasarkan pelbagai jenis perpustakaan di Malaysia yang merangkumi tahun 2013 hingga 2022. PNM mengekalkan operasi yang konsisten, dan koleksi buku semakin meningkat daripada 4,231,599 naskhah pada tahun 2013 kepada 5,104,270 naskhah pada tahun 2016. Walau bagaimanapun, jumlah buku yang diperoleh berkurangan dari tahun ke tahun bermula dari tahun 2017 hingga yang terkini. Berdasarkan jumlah perbelanjaan bagi pembelian bahan koleksi PNM (rujuk Jadual 36), perbelanjaan tertinggi adalah pada tahun 2012 dengan jumlah RM3.999 juta. Namun begitu, bermula pada tahun 2021, jumlah peruntukan menurun sebanyak 80 peratus dan hal ini mengurangkan pembelian bahan koleksi PNM (rujuk Jadual 36). Data tersebut menggariskan kepelbagaian landskap perpustakaan di Malaysia, masing-masing mempunyai trajektori pertumbuhan tersendiri dan corak pengunjung yang unik. Hal ini menonjolkan kepentingan perpustakaan sebagai pusat pengetahuan dan komuniti serta boleh membimbing pihak berkepentingan dan penggubal dasar memahami penggunaan dan trend dalam pelbagai jenis perpustakaan di seluruh negara.

Jadual 35: Jumlah kumulatif koleksi buku dan pengunjung berdasarkan pelbagai jenis perpustakaan di Malaysia bagi tahun 2013–2022

Parameter	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022
Perpustakaan Negara Malaysia (PNM)										
Jumlah koleksi	4,231,599	4,495,376	4,787,218	5,104,270	5,327,281	5,495,029	5,710,163	5,923,467	6,109,891	6,355,021
Pengunjung	357,653	414,797	392,446	398,769	379,469	412,106	734,169	995,759	1,084,595	1,231,584
Perpustakaan Pusat Komuniti										
Jumlah perpustakaan	-	-	-	-	-	4	5	5	4	4
Jumlah koleksi	-	-	-	-	-	5,142	13,660	20,649	29,094	-
Pengunjung	61,420	77,986	109,691	125,649	99,896	86,066	90,468	22,649	2,571	29,543
Perpustakaan Awam Negeri										
Jumlah perpustakaan	325	331	336	336	341	343	340	340	337	344
Jumlah koleksi	18,399,772	19,845,369	19,744,641	19,330,521	19,961,772	20,583,480	21,113,960	21,844,461	22,789,605	25,620,891
Pengunjung	10,262,628	11,570,953	10,807,430	11,201,810	11,085,779	10,281,636	9,032,352	3,083,323	7,930,419	15,758,091
Perpustakaan Desa										
Jumlah perpustakaan	1,121	1,125	1,121	1,104	1,102	1,102	1,099	1,086	1,088	1,087
Jumlah koleksi	10,365,029	10,720,199	11,076,412	11,073,748	12,004,746	12,935,601	13,407,243	13,938,142	14,105,779	15,348,115
Pengunjung	5,486,943	5,332,867	4,683,337	4,873,525	4,941,804	4,810,923	4,410,164	1,769,306	1,326,246	15,425,756
Perpustakaan Akademik										
Jumlah perpustakaan	478	463	476	452	437	457	457	426	428	432
Jumlah koleksi	98,071,569	162,601,814	142,967,173	52,448,529	44,181,304	34,388,975	67,229,602	68,900,737	114,821,368	234,024,729
Pengunjung	19,280,741	21,855,835	26,528,452	66,656,695	80,405,685	64,374,162	83,074,044	121,647,128	63,490,131	76,980,412
Perpustakaan Khusus										
Jumlah perpustakaan	855	921	953	950	893	1,156	1,100	1,097	730	820
Jumlah koleksi	21,312,344	27,086,747	29,995,442	17,735,025	22,188,508	23,761,168	26,738,965	27,241,272	26,559,525	28,952,137
Pengunjung	7,875,635	7,018,069	7,048,421	6,253,820	7,063,059	5,509,484	5,730,178	3,441,693	6,709,710	10,495,073

Sumber: Laporan Perangkaan PNM 2013–2022.

Jadual 36: Pembelian bahan koleksi PNM

Tahun	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)
2012	4,000,000.00	3,999,405.96
2013	4,000,000.00	3,983,273.63
2014	3,000,000.00	2,996,344.87
2015	2,000,000.00	1,999,916.23
2016	1,000,000.00	994,303.80
2017	1,000,000.00	999,792.09
2018	1,400,000.00	1,370,376.77
2019	1,200,000.00	1,199,992.86
2020	1,000,000.00	999,461.07
2021	860,300.00	847,229.37
2022	800,000.00	789,417.07

Sumber: PNM.

3.3.2 Perpustakaan Awam

Perpustakaan negeri, wilayah, cawangan, pekan, desa dan bergerak menyediakan perkhidmatan sebagai perpustakaan awam kepada rakyat di setiap negeri. Kerajaan pusat, negeri dan tempatan membiayainya secara keseluruhan atau sebahagiannya. Jenis perpustakaan awam yang terdapat di Malaysia termasuklah:

(i) **Perpustakaan Awam Wilayah**
Menyediakan perkhidmatan perpustakaan di kawasan dengan jumlah penduduk antara 100,000 hingga 200,000 orang. Perpustakaan ini terletak di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.

(ii) **Perpustakaan Awam Metropolitan**
Menyediakan perkhidmatan perpustakaan di kawasan yang mempunyai jumlah penduduk antara 200,000 hingga 400,000 orang. Perpustakaan ini dikategorikan sebagai perpustakaan cawangan.

(iii) **Perpustakaan Awam Cawangan/Daerah**
Menyediakan perkhidmatan perpustakaan kepada penduduk setempat seperti penduduk bandar, daerah dan mukim.

(iv) **Perpustakaan Awam Pekan/Komuniti**
Menyediakan perkhidmatan perpustakaan kepada penduduk setempat seperti penduduk di pekan dan kawasan sekitar serta dalam pusat beli-belah.

(v) **Perpustakaan Desa**
Menyediakan perkhidmatan perpustakaan di kawasan kampung atau luar bandar yang terletak jauh dari perkhidmatan perpustakaan pekan dan cawangan.

(vi) **Perpustakaan Bergerak**
Perpustakaan yang bergerak dari satu tempat ke satu tempat untuk memberikan perkhidmatan perpustakaan ke kawasan yang terpencil secara berjadual dengan menggunakan kenderaan khas seperti bas atau van.

Perpustakaan awam negeri merekodkan peningkatan dan penurunan dalam bilangan bukunya, terutama pada tahun 2015 dan 2016. Walau bagaimanapun, aliran keseluruhan meningkat dengan jumlah koleksi buku sebanyak 25,620,891 naskhah pada tahun 2022. Julat jumlah pengunjung semakin berkurangan pada setiap tahun dengan jumlah pengunjung tertinggi sebanyak 15,758,091 orang pada tahun 2022 (rujuk Jadual 35).

Koleksi buku dan bilangan pengunjung perpustakaan komuniti meningkat secara beransur-ansur. Begitu juga dengan jumlah pengunjung yang telah mencatatkan kenaikan secara keseluruhan; jumlah pengunjung mencapai paras tertinggi, iaitu 125,649 orang pada tahun 2016. Jumlah koleksi buku dan pengunjung perpustakaan desa adalah berbeza-beza (rujuk Jadual 35).

Jadual 37 menunjukkan jumlah peruntukan pembelian bahan koleksi perpustakaan desa. Terdapat trend penurunan yang ketara dari tahun 2012 hingga 2022. Penurunan sebanyak 78.5 peratus ini memberikan impak besar kepada koleksi bahan di perpustakaan desa.

Jadual 37: Pembelian bahan koleksi Perpustakaan Desa PNM

Tahun	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)
2012	7,000,000.00	6,990,000.00
2013	7,000,000.00	6,640,000.00
2014	8,500,000.00	8,140,000.00
2015	3,500,000.00	3,370,000.00
2016	2,500,000.00	2,450,000.00
2017	2,000,000.00	1,970,000.00
2018	2,500,000.00	990,000.00
2019	2,000,000.00	1,950,000.00
2020	2,000,000.00	1,960,000.00
2021	2,000,000.00	1,980,000.00
2022	1,500,000.00	1,500,000.00

Sumber: PNM.

.

3.3.3 Perpustakaan Akademik

Perpustakaan akademik memainkan peranan aktif dalam usaha menyokong dan memperkasakan pengajaran, pembelajaran, penyelidikan dan penerbitan universiti. Fokus utama perpustakaan akademik ialah menyediakan koleksi bahan rujukan, memberikan perkhidmatan dan menyediakan kemudahan kepada pengguna perpustakaan akademik. Kebanyakan perpustakaan akademik hanya memberikan capaian kepada pengguna institusi berkenaan dan ditutup kepada masyarakat luar. Ruang perpustakaan juga menjadi tempat pertemuan dan perbincangan pengguna perpustakaan akademik.

Perpustakaan akademik dalam organisasi yang ditadbir oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan tergolong dalam dua kategori, iaitu:

(i) **Perpustakaan Universiti Awam**
Perpustakaan yang ditubuhkan di 20 universiti awam di seluruh Malaysia yang sumber kewangannya disalurkan oleh KPT: Perkhidmatannya khusus kepada kakitangan universiti, iaitu pensyarah dan pelajar universiti awam tersebut, serta universiti awam lain. Keahlian perpustaaan universiti awam turut dibuka kepada masyarakat dengan mengadakan pelbagai program di dalam dan di luar perpustakaan.

(ii) **Perpustakaan Institut Pengajian Tinggi Swasta**
Perpustakaan yang ditubuhkan di universiti, kolej dan institut swasta: Perkhidmatan perpustakaan khusus kepada kakitangan dan pelajar organisasi tersebut.

Perpustakaan akademik memaparkan trend yang berbeza-beza dengan turun naik yang ketara untuk kedua-dua koleksi buku dan jumlah pengunjung. Angka koleksi buku mencapai tahap tertinggi pada tahun 2022, manakala jumlah pengunjung tertinggi mencecah 121,647,128 orang pada tahun 2019.

Melalui data perangkaan perpustakaan di Malaysia berkenaan dengan koleksi bahan di perpustakaan akademik, kajian secara mendalam dibuat bagi menilai jumlah buku yang dibeli serta peruntukannya.

Jadual 38 menunjukkan perbelanjaan dan jumlah naskhah bagi lima buah universiti awam di Malaysia dari tahun 2013 hingga 2022. Dapatan data ini menunjukkan pelibatan universiti sebagai klien utama yang membeli dan melanggan buku di Malaysia. Perpustakaan akademik memperuntukkan jutaan ringgit untuk membeli beribu-ribu naskhah buku untuk kegunaan pengguna mereka. Namun begitu, jumlah pembelian kian merosot dari tahun ke tahun, terutama bagi Universiti Malaya. Namun begitu, yang paling kritikal ialah Universiti Putra Malaysia yang tidak mempunyai peruntukan sama sekali. Penurunan yang ketara ini menunjukkan bahawa kepentingan buku di universiti sudah berkurangan.

Jadual 38: Perolehan buku di universiti penyelidikan di Malaysia

Perbelanjaan Perolehan Buku (RM)										
Bil.	**Universiti Awam**	**2014**	**2015**	**2016**	**2017**	**2018**	**2019**	**2020**	**2021**	**2022**
1	Universiti Malaya	1,060,549.29	605,070.17	1,145,054.88	900,736.83	923,620.11	767,106.46	375,944.05	106,272.05	95,297.98
2	Universiti Kebangsaan Malaysia	2,172,026.99	1,890,602.99	1,907,029.25	586,604.7	503,634.07	622,541.65	484750.72	539,641.70	486,248.66
3	Universiti Teknologi Malaysia	5,033,168.85	1,528,827.34	509,656.96	224,419.19	345,248.51	426,335.32	642,329.48	394,016.64	492,893.53
4	Universiti Putra Malaysia	Tiada data	tiada data	500,000	500,000.00	500,000.00	500,000.00	300,000.00	50,000.00	Tiada peruntukan
5	Universiti Sains Malaysia	1,994,630.30	1,865,038.87	1,080,920.14	1,515,024.80	1,156,848.05	921,982.30	639,515.10	1,241,710.96	1,171,671.12
Jumlah Naskhah Buku Baharu										
Bil.	**Universiti Awam**	**2014**	**2015**	**2016**	**2017**	**2018**	**2019**	**2020**	**2021**	**2022**
1	Universiti Malaya	5,410	2,686	5,718	4,983	4,542	5,578	2,984	1,043	620
2	Universiti Kebangsaan Malaysia	8,997	8,013	6,035	2,466	2,352	3,189	2,080	1,576	1,518
3	Universiti Teknologi Malaysia	14,449	6,218	973	445	1,475	1,014	1,605	873	1,232
4	Universiti Putra Malaysia	Tiada data	Tiada data	429	1,650	1,015	1,262	1,211	733	62
5	Universiti Sains Malaysia	4,678	4,835	1,726	2,873	1,934	1,727	1,304	2,807	1,654

Sumber: Laporan tahunan universiti dan laporan tahunan perpustakaan universiti tersebut.
***Nota: Mungkin termasuk perbelanjaan langganan dan perolehan buku.*

3.3.4 Perpustakaan Khusus

Perpustakaan khusus ditubuhkan dalam organisasi seperti kementerian, jabatan, badan berkanun dan agensi, firma swasta, serta pertubuhan yang mempunyai koleksi rujukan yang berfokus dan khusus bidang tertentu bagi memenuhi keperluan pengguna perpustakaan dalam organisasi tersebut atau penyelidik luar yang datang ke perpustakaan khusus secara fizikal atau maya untuk sumber rujukan. Perpustakaan khusus terbahagi kepada dua kategori, iaitu:

(i) **Perpustakaan Khusus Guna Sama (Organisasi Kerajaan)**
Perpustakaan ini bertempat di kementerian dan jabatan kerajaan Persekutuan di seluruh Malaysia, menjadikan PNM sebagai ketua perkhidmatan.

(ii) **Perpustakaan Khusus Badan Berkanun, Agensi dan Swasta**
Perpustakaan ini bertempat di badan berkanun, agensi, pertubuhan dan syarikat swasta.

3.3.5 Pusat Sumber Sekolah

Sebuah perpustakaan kecil di sekolah yang menyediakan kemudahan koleksi bahan pengajaran dan pembelajaran, termasuk koleksi buku fiksyen dan bukan fiksyen sebagai aktiviti menarik untuk murid belajar tentang kehidupan pada peringkat permulaan. Pusat sumber sekolah menyediakan maklumat, perkhidmatan dan peluang bagi pengajaran dan pembelajaran untuk penguasaan kemahiran serta kemahiran pendidikan ke arah pembentukan masyarakat berbudaya ilmu yang gemar membaca, dan pemikiran pembelajaran sepanjang hayat. Murid digalakkan meminjam dan membaca buku berkaitan dengan subjek yang dipelajari di sekolah sebagai rujukan.

3.3.6 Perpustakaan Digital

Perpustakaan digital merangkumi semua entiti dan aktiviti yang membentuk perpustakaan. Dalam hal ini, sebahagian besar sumbernya terdapat dalam bentuk boleh dicapai melalui komputer. Hampir semua perpustakaan kini menyediakan perkhidmatan dalam talian untuk kemudahan pengguna seiring dengan perubahan TMK, terutama sejak penularan pandemik COVID-19 yang melanda dunia. Perkhidmatan perpustakaan digital boleh dicapai di mana-mana jua dan pada bila-bila masa; hal ini membolehkan masyarakat mencapai sumber maklumat dan ilmu melalui Internet.

3.4 ISU DAN PERMASALAHAN INDUSTRI PERBUKUAN

Dapatan dan pelaporan dalam bahagian isu dan permasalahan ini berdasarkan pandangan dan cadangan daripada pemain industri perbukuan di Malaysia. Pengumpulan data ini adalah terkawal dan berstruktur, serta bukan refleksi keadaan sebenar dan rasmi.

Industri perbukuan di Malaysia berdepan dengan pelbagai isu, cabaran dan masalah. Seperti negara lain, terdapat isu persaingan antara buku bercetak dengan e-buku. Pembaca muda lebih menggemari bahan berbentuk digital. Selain itu, terdapat juga isu berkaitan dengan ekonomi; dalam hal ini, industri perbukuan semakin merosot. Sebagai contoh, penerbit buku di India merosot dari segi margin keuntungan dan belanjawan pemasaran. Sebahagian besarnya berpunca daripada daripada peningkatan harga buku akibat peningkatan kos input (kertas dan sumber manusia) [77]. Dalam bahagian ini, isu dan permasalahan akan dibincangkan berdasarkan rangka analisis PESTEL

3.4.1 Isu Politik

a. Ketiadaan Agensi yang Mempunyai Punca Kuasa dan Mandat dalam Pengumpulan Data Industri Perbukuan

Seperti yang dibincangkan sebelum ini, isu penting dalam industri perbukuan Malaysia ialah ketiadaan statistik sebenar tentang industri perbukuan memandangkan sebilangan pemain industri tidak mahu berkongsi data. Hal ini dibincangkan dengan jelas dalam buku *Dasar Buku Negara dan TN50: Satu Perjuangan yang Perlu...* [78]. Data terbuka oleh agensi kerajaan penting untuk meningkatkan ketelusan kerajaan dalam penyampaian maklumat kepada orang awam. Walau bagaimanapun, penghasilan data terbuka masih tertakluk pada usaha agensi dalam kerajaan itu sendiri [79]. Di Malaysia, kerajaan telah menerbitkan pekeliling am tentang pelaksanaan data terbuka sektor awam. Pekeliling ini menggariskan panduan untuk agensi kerajaan dalam penyediaan dan perkongsian data. Objektif pelaksanaan data terbuka ini ialah menggalakkan pertumbuhan ekonomi negara [80]. Melalui temu bual, majoriti panel bersetuju bahawa isu ini ialah masalah utama yang perlu ditangani. Masalah ini berpunca daripada ketiadaan agensi atau pertubuhan yang berkuasa mengumpulkan data ini. Jika dilihat di negara luar seperti Jerman, laporan tahunan industri perbukuan diperoleh daripada laman web Persatuan Penerbit dan Penjual Buku Jerman. Tanpa punca kuasa seperti ini, tiada kerjasama dan peruntukan undang-undang yang mewajibkan perkongsian data dalam kalangan penerbit, pengedar, penjual, perpustakaan dan penulis sendiri. Semasa sesi temu bual dijalankan, informan memberikan contoh ketiadaan laporan serta data yang tepat dan lengkap daripada PBAKL serta isu data penerbitan yang tidak tepat melalui permohonan ISBN daripada PNM. Hal ini berlaku kerana penerbit biasanya memohon ISBN sebelum menerbitkan buku, tetapi tidak semua buku yang mendapat nombor ISBN benar-benar diterbitkan.

b. Kekurangan Peruntukan Dana daripada Pihak Kerajaan dalam Pembangunan Industri

Isu kedua yang dibincangkan dalam temu bual ialah peruntukan dana oleh pihak kerajaan untuk membangunkan industri perbukuan. Semasa pandemik COVID-19 menular, Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) bersama dengan pihak kerajaan telah membuka peluang kepada penulis berpengalaman sekurang-kurangnya enam bulan dalam bidang sastera dan penerbitan

buku untuk memohon Geran Sastera dan Penerbitan Buku. Yang terkini ialah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberikan dana sejumlah RM20 juta kepada DBP bersama-sama ITBM dan Yayasan Karyawan untuk menggiatkan aktiviti penterjemahan dan mempopularkan bahan bacaan tersebut kepada khalayak ramai. Ini bukanlah pertama kali agensi seperti DBP dan ITBM mendapat 'durian runtuh', sebaliknya kerajaan pernah memperuntukkan Dana Penggerak Industri Buku Negara bernilai RM18 juta untuk 2007 dan 2008 yang dihasratkan menjadi 'pelincir' kepada usaha syarikat penerbitan menerbitkan buku ilmu dan merancakkan industri perbukuan di Malaysia. Pada tahun 2011 pula, mantan Perdana Menteri Malaysia Dato' Sri Najib Tun Razak mengumumkan peruntukan RM5 juta dalam Perhimpunan Penulis Muda anjuran PENA yang disalurkan melalui ITBM untuk memacu penerbitan buku di Malaysia, terutama karya asli penulis dalam semua genre.

Inisiatif ini diikuti dana berjumlah RM2 juta bermula pada tahun 2012 untuk menggalakkan penerbitan buku ilmiah seperti sains dan teknologi yang bertaraf tinggi dalam bahasa Melayu. Dana ini diumumkan oleh Tan Sri Muhyiddin Yassin ketika beliau berjawatan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pendidikan [81]. Pada tahun 2013, Tan Sri Muhyiddin Yassin mengumumkan peruntukan khas RM2 juta kepada DBP untuk membantu penulis menggiatkan usaha penghasilan karya bermutu tinggi dan kegiatan persatuan penulis. Pada tahun 2015, Tan Sri Muhyiddin Yassin sekali lagi menyalurkan RM5 juta kepada ITBM sebagai sokongan kerajaan untuk memastikan kelangsungan penerbitan karya asli [81]. Inisiatif ini hanya sebahagian daripada dana yang disalurkan oleh pihak kerajaan sepanjang 10 tahun.

Namun begitu, terdapat isu yang dibangkitkan, iaitu penerbit kecil tidak memiliki dana daripada kerajaan; keadaan ini berbeza daripada DBP yang dibiayai oleh kerajaan. Hal ini menyebabkan buku daripada DBP adalah lebih murah. Selain itu, terdapat juga isu peruntukan yang diberikan oleh pihak kerajaan kepada sekolah yang masih tidak dapat memakmurkan industri perbukuan negara. Hal ini demikian kerana majoriti peruntukan tersebut bukanlah untuk tujuan pembangunan koleksi perpustakaan. Oleh itu, ada informan yang berpandangan bahawa penting untuk kerajaan mendorong lebih banyak pesta buku pada peringkat negeri. Melalui langkah ini, mereka dapat mencipta pasaran dan industri perbukuan yang meningkatkan hasil jualan tanpa kebergantungan pada subsidi.

c. Campur Tangan Pihak Luar dalam Pelaksanaan Dasar dan Perolehan Bahan

Isu yang dibangkitkan oleh pemain industri ialah campur tangan pihak luar dalam pembentukan Dasar Buku Negara, pemberian anugerah dan sudut perolehan buku. Sebagai contoh, Dasar Buku Negara dikatakan ketinggalan dan tidak relevan dengan industri semasa. Walaupun pelbagai usaha diambil untuk proses penilaian, campur tangan pihak luar dan birokrasi dikatakan melewatkan pembentukan dasar tersebut. Hingga kini, rakyat masih menunggu dasar yang memenuhi kehendak dan keperluan semasa. Kelewatan ini menjadi punca isu berkaitan dengan kriteria yang kurang jelas dan ketirisan dalam pemberian anugerah yang melibatkan campur tangan pihak yang mempunyai kuasa. Selain itu, isu berkaitan dengan PKB juga dibincangkan; dalam hal ini, perubahan dan isu dalaman PKB telah mengubah perancangan terhadap penerbitan e-buku.

d. Struktur, Kedudukan, dan Punca Kuasa Agensi dan Badan Kerajaan yang Terlibat dalam Industri Perbukuan Negara Tidak Tersusun dan Mengelirukan

Pelaksanaan antara kementerian tidak selari dalam usaha memastikan industri perbukuan di Malaysia terus berkembang maju. Contohnya, KPM menggunakan teknologi dalam pendidikan, manakala PNM menyediakan e-Lib secara percuma; namun begitu, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (*Ministry of Science, Technology and Innovation* atau MOSTI) tidak dapat menyediakan capaian Internet di sebilangan kawasan tertentu. Oleh itu, terdapat segelintir masyarakat yang masih kurang membaca. Selain itu, temu bual dengan pemain industri juga membangkitkan isu bahawa PNM perlu diletakkan dalam agensi kerajaan yang dapat menonjolkan fungsi PNM yang lebih meluas.

3.4.2 Isu Ekonomi

a. Kos Penerbitan dan Penterjemahan yang Terlalu Tinggi serta Harga Kertas yang Tiada Kawalan

Dalam perbincangan dengan pemain industri, isu ekonomi turut dianggap penghalang utama pembangunan industri perbukuan di Malaysia. Antara isu utama ialah kos penerbitan buku dan e-buku yang semakin meningkat. Isu ini juga banyak dibincangkan dalam akhbar oleh para pemain industri. Kos penerbitan buku ini melibatkan harga kertas, kos pencetakan dan kos penulisan. Harga kertas yang tinggi menyebabkan buku menjadi mahal. Oleh itu, pihak kerajaan perlu mencari kaedah untuk mengawal harga kertas. Kitaran penerbitan buku ini melibatkan banyak pihak, maka impaknya dapat dilihat pada harga buku yang tinggi dan kuasa beli pengguna yang amat rendah. Jika dilihat simulasi purata harga buku di Malaysia tanpa harga terpencil, iaitu RM38 untuk senaskhah buku, nilai ini sama dengan harga sekampit beras di pasaran. Jika dirujuk kajian yang dibuat oleh PNM pada tahun 2012 [82], purata harga buku novel yang tertinggi ialah novel terbitan DBP, iaitu RM24.40. Data yang terkini adalah daripada kajian yang dibuat oleh Hadi [74] berdasarkan data penerbitan buku, purata harga sebuah buku di Malaysia ialah RM27.70. Purata ini menunjukkan peningkatan sebanyak 27 peratus dari tahun 2021 hingga 2023. Perkembangan industri perbukuan yang sangat perlahan adalah sebagai akibat daripada kos penerbitan dan jualan yang tinggi serta jumlah pembelian yang menurun. Oleh itu, jumlah penerbit semakin berkurangan. Banyak penerbit yang telah berdaftar, namun jumlah penerbit yang aktif semakin menurun. Kos pencetakan dan kos penerbitan pracetak ialah ancaman dalam industri penerbitan. Hal ini demikian kerana terdapat kos tersembunyi dalam penerbitan dan penetapan harga yang mampu milik, seolah-olah dimonopoli syarikat tertentu.

b. Penarikan dan Pengurangan Dana dan Subsidi serta Kekangan Peruntukan Kewangan oleh Kerajaan Telah Melambatkan Pertumbuhan Industri

Isu ini berkaitan dengan kekurangan peruntukan dana yang dibincangkan dalam bahagian politik. Implikasi pengurangan ini termasuklah baucar buku yang telah menyebabkan industri perbukuan bergelut dengan impak yang sangat besar. Kekangan peruntukan kewangan menjadi faktor utama penolakan penerbitan buku berbentuk Braille. Hal ini menjadikan pengeluaran buku Braille sangat perlahan. Kajian mendapati banyak pemain industri menggunakan peruntukan sendiri untuk menerbitkan buku tanpa memohon peruntukan kewangan daripada kerajaan, sedangkan di negara lain di seluruh dunia, kerajaan menanggung kos penerbitan buku. Apabila tiada kebergantungan

pada kewangan daripada kerajaan, kerajaan tidak akan memberikan dana kerana tiada keperluan. Kerjasama dengan ITBM, DBP dan PNM bergantung pada ketersediaan dana.

c. Industri Perbukuan Malaysia Berkembang Perlahan Berbanding dengan Industri Lain

Tiada laporan yang menyatakan bahawa industri perbukuan di Malaysia boleh dianggap sebagai industri yang besar. Industri perbukuan hanya dianggap aktiviti perniagaan yang berskala kecil atau sederhana. Seperti yang ditunjukkan dalam KDNK negara bagi sektor maklumat dan komunikasi, industri penerbitan hanya menyumbang sebanyak 1.3 peratus. Rakyat Malaysia telah menunjukkan peningkatan minat membaca, dan hal ini telah meningkatkan pasaran buku yang sebelumnya mengalami penurunan pada tahun 2004. Namun begitu, peningkatan tersebut tidak berlaku sekali gus. Hal ini menyebabkan kerajaan kurang memfokuskan industri ini, sedangkan industri perbukuan mempunyai peluang yang sangat besar pada peringkat antarabangsa. Penulis kadangkala terpaksa menulis buku, terutama buku pelajaran untuk universiti, tetapi tidak mendapat banyak manfaat daripada hasil jualan kecuali jika mereka menjualnya kepada pelajar mereka. Hal ini bertujuan menampung kos yang telah dibelanjakan. Proses yang perlahan ini memerlukan rangsangan supaya industri ini berkembang pesat pada setiap tahun. Selain itu, penerbit kecil tidak berani menempatkan buku di kedai buku besar kerana tidak dapat memberikan diskaun yang tinggi seperti yang diminta oleh pengedar besar. Penerbitan buku mereka menggunakan dana sendiri, dan mereka memberikan 50 peratus daripada hasil jualan kepada penulis. Mereka enggan menghantar buku ke kedai buku kerana mereka perlu memberikan diskaun yang tinggi daripada pengedar.

d. Pemasaran dan Keuntungan Buku Terbitan Mandiri atau Swaterbit

Penerbitan mandiri atau swaterbit lebih menguntungkan daripada menghantar naskhah kepada penerbit kerana penulis boleh mengawal seluruh proses jualan dan mendapatkan keuntungan yang lebih besar; jika melalui penerbit, penulis hanya mendapat 10 peratus daripada keuntungan. Inilah budaya baharu dalam arena pembukuan yang dikaitkan dengan penerbitan swaterbit yang semakin rancak sejak kebelakangan ini. Namun begitu, terdapat isu besar dalam penerbitan swaterbit, iaitu modal yang memberikan kesan kepada kualiti buku termasuk reka bentuk dan percetakan. Selain itu, terdapat juga isu berkenaan dengan hak cipta dan royalti serta yang berkaitan dengan ruang simpanan dan kos sewa. Isu ini juga ditulis dalam pelaporan khas oleh Sinar Harian [83].

e. Perubahan Drastik Trend Penerbitan dan Model Perniagaan Kini

Trend penerbitan yang sudah lama dalam industri menunjukkan peningkatan jualan kerana orang ramai kembali menitikberatkan kualiti. Hal ini menyebabkan industri perbukuan mengalami kenaikan pada kelompok pembaca yang sangat mementingkan kredibiliti penulis dan penerbit. Proses penerbitan ini ialah perlumbaan jangka panjang. Penerbitan tetap berjalan tetapi tidak seperti dahulu dengan kadar penurunan pada statistik; para penerbit harus menghadapi kenyataan ini. Contohnya, majalah dahulu sangat menguntungkan kerana selain penjualan majalah, pendapatan juga datang daripada pengiklanan yang dimuat dalam majalah tersebut. Namun begitu, model perniagaan telah berubah sehingga banyak majalah yang mengalami kesulitan dan akhirnya ditutup. Kini, variasi majalah semakin berkurangan. Sebelum ini, Karangkraf pernah menerbitkan 56 judul majalah dalam tempoh sebulan, namun kini hanya dua judul diterbitkan. Hal ini jelas

dibincangkan [84] berkenaan dengan trend sirkulasi dan pengiklanan yang kian merosot. Aspek komersial semakin mendominasi dalam industri penerbitan. Penerbit tidak lagi mempunyai falsafah tersendiri dalam pemilihan buku untuk diterbitkan, tetapi banyak pilihan dibuat berdasarkan keuntungan. Para penerbit mempunyai banyak pilihan untuk mengeluarkan buku, termasuk dalam genre biografi dan *prantice fold* yang menjadi alternatif.

f. Isu Berkaitan Pemasaran dan Royalti yang Diutarakan oleh Pemain Industri

Malaysia memiliki pasaran buku yang cukup kompetitif dengan kepelbagaian penerbit dan penulis. Oleh sebab itu, kejayaan jualan buku di Malaysia memerlukan strategi pemasaran yang kuat. Terdapat pelbagai isu pemasaran yang diutarakan oleh para pemain industri dan profesional dalam industri perbukuan. Antaranya termasuklah isu pemasaran buku swaterbit. Penerbit terkenal yang menjual buku pasti tidak membuka peluang dan ruang kepada penulis swaterbit untuk memasarkan buku mereka sendiri. Keutamaan akan diberikan kepada buku terbitan mereka.

Pemasaran yang berlaku serentak dalam siaran televisyen bagi dua acara terkenal memberikan kesan kepada tahap pemasaran dan promosi bagi acara yang kurang digemari. Hal ini melibatkan strategi pemasaran yang tidak adil dan tidak tepat oleh pihak penyiaran.

Pemasaran ke luar negara juga sangat rendah kerana reka bentuk yang tidak mengikut piawaian. Buku terbitan Malaysia juga banyak ditulis untuk pembacaan rakyat Malaysia dan bukan untuk pembacaan antarabangsa. Kenyataan ini selari dengan pendapat yang diutarakan oleh pakar dalam satu persidangan di Universiti Putra Malaysia [85].

Malaysia tidak pernah ketandusan karya yang baik untuk diterjemahkan, malah dunia Melayu, secara umumnya, memiliki keunikan sastera yang tersendiri menerusi pantun atau naskhah klasik seperti *Sulalatus Salatin* dan *Hikayat Hang Tuah*. Walau bagaimanapun, kerja penterjemahan karya berbahasa Melayu ini ke dalam bahasa asing adalah agak perlahan. Hal ini dilihat membataskan keupayaan penyebaran karya sastera Malaysia pada peringkat antarabangsa.

Selain itu, terdapat pandangan yang menggesa kerajaan dan pihak berwajib untuk mencipta pelan secara meluas, serius dan berterusan termasuklah program kesedaran kepentingan hak cipta dan menguatkuasakan Akta Hak Cipta. Industri penerbitan dan perbukuan di Malaysia tidak menyediakan peluang pekerjaan yang terbaik kepada rakyat Malaysia; penawaran gaji yang tidak kompetitif menjadikannya tidak popular dalam kalangan pekerja di Malaysia. Dari segi pembayaran royalti, terdapat beberapa orang penulis novel dan buku sastera yang mungkin enggan menghabiskan masa menulis manuskrip kerana pulangannya rendah, terutama dalam keadaan ekonomi Malaysia yang kurang stabil. Hal ini disokong oleh laporan [86] berkenaan dengan pembayaran royalti yang semakin merosot.

g. Faktor Inflasi Menyebabkan Kurang Wang Belanja Dikhususkan untuk Bahan Bacaan Berkualiti untuk Seisi Keluarga

Isu utama yang dibangkitkan juga adalah berkaitan dengan isu inflasi. Faktor inflasi menyebabkan kurang wang belanja dikhususkan untuk bahan-bahan bacaan berkualiti untuk seisi keluarga. Hal ini juga mengurangkan kuasa beli pengguna, terutama bagi golongan pertengahan dan rendah. Isu budaya membaca juga dijadikan isu utama dalam perbincangan berkumpulan. Menurut pemain

industri, kurangnya strategi yang tuntas dan khusus dalam usaha memperkukuh budaya membaca dalam kalangan golongan B40, M40 dan T20 yang mempunyai keutamaan yang berbeza apabila terkesan dengan situasi ekonomi yang tidak berketentuan. Oleh itu, cadangan penambahbaikan terhadap budaya membaca telah dihuraikan di dalam bab berkenaan dengan hala tuju industri perbukuan negara.

3.4.3 Isu Sosial

a. Nilai Tambah Dalam Industri Kesan Dana atau Bantuan Kerajaan

Ini bukanlah pertama kali agensi seperti DBP dan ITBM mendapat dana daripada kerajaan. Kerajaan pernah memperuntukkan Dana Penggerak Industri Buku Negara berjumlah RM18 juta untuk tahun 2007 dan 2008 supaya menjadi 'pelincir' kepada usaha syarikat penerbitan menerbitkan buku ilmiah dan merancakkan industri perbukuan negara. Pada tahun 2011, Dato' Sri Najib Razak mengumumkan peruntukan RM5 juta dalam Perhimpunan Penulis Muda anjuran PENA yang disalurkan melalui ITBM untuk memacu penerbitan buku Malaysia, terutama karya asli penulis dalam semua genre.

b. Isu Bahasa dan Budaya Membaca dalam Kalangan Rakyat Malaysia

Budaya membaca dalam kalangan rakyat Malaysia masih berada pada tahap sederhana dengan kadar 24 naskhah buku dibaca dalam setahun. Kenyataan ini berdasarkan dapatan daripada Kajian Profil Membaca Rakyat Malaysia 2022/2023. Hal ini mungkin berpunca daripada kurangnya strategi yang tuntas dan khusus dalam memperkukuh budaya membaca dalam kalangan golongan B40, M40 dan T20 yang mempunyai keutamaan yang berbeza apabila terkesan dengan situasi ekonomi yang tidak berketentuan. Budaya ini perlu ditingkatkan untuk menggalakkan rakyat Malaysia membeli dan membaca buku yang diterbitkan di Malaysia. Generasi baharu cenderung membaca buku yang mudah dan boleh dihabiskan dengan cepat (dalam anggaran 20 minit tempoh pembacaan, misalnya). Pendekatan ini mungkin menyebabkan minat pembacaan berkurangan dalam jangka panjang.

Selain itu, wujud ancaman terhadap industri penerbitan berkaitan dengan hal kebahasaan. Buku boleh dicetak di luar negara, diimport, disunting semula, dan terdapat juga yang terlalu mengagungkan bahasa Inggeris sehingga bahasa Melayu sebagai saingan menjadi lemah. Penerbit yang menerbitkan buku tentang kehidupan liberal dan tiada batasan dapat merosakkan bahasa Melayu dan generasi. Terdapat banyak disiplin linguistik dalam bahasa Melayu, tetapi golongan yang menguasai disiplin ini adalah kecil. Untuk menerbitkan buku tentang bahasa, tatabahasa, dan panduan, strategi yang sesuai diperlukan. Hal ini demikian kerana buku bahasa sukar dijual. Cabaran dalam industri perbukuan termasuk kesukaran mendapatkan kepakaran dalam bidang penceritaan (*storytelling*) dan biblioterapi (*bibliotherapy*) yang menggunakan buku untuk tujuan terapi. Selain itu, mencari pengkarya yang berkualiti seperti ilustrator, penterjemah dan penulis juga merupakan cabaran dalam penerbitan buku berkualiti.

c. Isu Berkaitan Budaya Masyarakat di Malaysia

Budaya membeli buku tetapi tidak membaca juga menjadi trend. Seperti yang dilaporkan, PBAKL di Malaysia sentiasa mendapat sambutan yang tinggi dalam kalangan rakyat Malaysia. Contohnya, pada tahun 2023, 1.6 juta pengunjung menghadiri PBAKL 2023. Kehadiran pengunjung meningkatkan

jualan buku setiap penerbit dan penjual buku. Namun begitu, yang menjadi persoalan ialah sama ada rakyat Malaysia membeli buku sebagai bahan bacaan atau sebagai hiasan. Kombinasi komersial dan dasar kerajaan perlu dipertimbangkan untuk mempromosikan pertumbuhan industri perbukuan, di samping menarik pembaca baharu untuk jangka masa panjang. Fokus perlu diberikan kepada pembangunan ekosistem yang sihat bagi industri perbukuan dengan mempertimbangkan kesan jangka pendek dan kesan jangka panjang. Penerbitan e-buku dan buku dari luar negara menyebabkan kurangnya minat membaca buku yang ditulis dalam bahasa Melayu. Jika keadaan ini berterusan, industri penerbitan tempatan akan terjejas, dan akan terdapat kecenderungan untuk mengimport buku berbahasa Inggeris dari luar negara. Masyarakat dan kerajaan perlu prihatin dan peka terhadap golongan kurang upaya agar mereka tidak tercicir untuk mendapat bahan bacaan yang sesuai untuk mereka. Oleh sebab itu, PNM amat menekankan buku audio dan penghasilan buku Braille bagi orang kurang upaya pelihatan.

3.4.4 Isu Teknologi dan Infrastruktur

a. Media Sosial

Kepesatan dunia digital khususnya media sosial melunturkan minat masyarakat, terutama generasi muda, untuk mengamalkan budaya membaca. Dapatan daripada temu bual dan PKF merumuskan isu berkaitan dengan media sosial yang menjadi pesaing utama pembacaan buku kerana masyarakat lebih cenderung menghabiskan masa melayari media sosial. Kenyataan ini turut disokong oleh [87]. Corak pembacaan masyarakat beralih kepada pembacaan petikan pendek yang dipaparkan pada peranti elektronik; pembaca tidak lagi memberikan tumpuan kepada pembacaan yang panjang seperti buku literatur. Pengunaan media sosial pula lebih menjurus kepada perkara santai dan hiburan walaupun pengunaannya telah diperluas dan dipelbagaikan pada masa ini.

b. Jurang Digital

Jurang atau kesenjangan digital merujuk ketaksamaan peluang mencapai TMK antara kawasan bandar dengan kawasan luar bandar berikutan kesan daripada perbezaan tahap sosioekonomi yang turut menjadi isu dalam landskap industri perbukuan yang dipacu oleh perkembangan teknologi digital. Jurang digital antara komuniti bandar dengan komuniti luar bandar menjadi salah satu cabaran pendekatan pembelajaran menggunakan e-buku. Walaupun usaha pendigitalan buku teks telah dilaksanakan bagi memenuhkan keperluan pembelajaran pada abad ke-21 dan juga berikutan pandemik COVID-19 pada tahun 2020 dan 2021, kesenjangan digital perlu diambil kira supaya murid di kawasan pedalaman dan luar bandar serta pinggir bandar mendapat kesamaraatan dalam pembelajaran. Oleh sebab wujudnya jurang digital, usaha pendigitalan buku teks kurang berjaya.

c. Kualiti e-Buku

Penerbit mula menghasilkan e-buku kerana terdapat permintaan khususnya daripada generasi milenial yang lazim menggunakan peranti elektronik. Penghasilan e-buku bukan sekadar mengubah buku fizikal kepada bentuk digital seperti PDF atau EPUB, bahkan juga sepatutnya menerapkan nilai tambahan seperti elemen interaktif. Pendigitalan buku dan buku teks bersama dengan elemen interaktif dan teknologi realiti terimbuh (*augmented reality* atau *AR*) adalah

sukar kerana memerlukan kos yang tinggi, isu kebolehpasaran, kepakaran dan peranti yang bersesuaian [88]. Penghasilan e-buku sekadar melalui proses pendigitalan tanpa suntikan elemen interaktif hanya akan mewujudkan e-buku yang kurang berkualiti dan kurang diguna pakai, terutama dalam kalangan kanak-kanak menjadi isu yang diutarakan oleh pemain industri perbukuan dalam kajian ini.

3.4.5 Isu Persekitaran

Fungsi utama perpustakaan negara ialah mengumpulkan dan memelihara bahan terbitan di dalam negara tersebut untuk kegunaan semasa dan akan datang. Isu yang diutarakan dalam hal ini melibatkan pembelian buku oleh PNM untuk dibekalkan kepada perpustakaan di seluruh Malaysia yang perlu dilaksanakan secara konsisten. Untuk tujuan ini, peruntukan yang mencukupi perlu disediakan oleh kerajaan bagi memastikan koleksi bahan perolehan perpustakaan mencukupi memandangkan perpustakaan ialah organisasi yang sepatutnya menjadi sumber utama bagi capaian bahan bacaan tanpa sekatan.

Di Malaysia, undang-undang hak cipta terangkum dalam Akta Hak Cipta 1987. Saban tahun, kita menyambut *World Book and Copyright Day* pada 23 April dengan tujuan mempromosi penerbitan buku, pembacaan serta pelindungan hak cipta. Namun begitu, aktiviti membuat salinan (*photocopy*) buku menjadi budaya dalam kalangan masyarakat, terutama buku pengajian tinggi kerana harga buku asal terlalu tinggi. Kegiatan menyalin buku ilmiah di institusi pengajian tinggi memberikan kesan negatif kepada penerbit tempatan atau penerbit universiti. [89] turut melaporkan kegiatan jualan salinan e-buku yang berleluasa dan dibuat secara terbuka dalam laman dagang yang menyebabkan salinan buku ini sangat mudah dicapai oleh pengguna. Isu cetak rompak sukar ditangani disebabkan kekurangan kerjasama daripada orang awam dan tahap kesedaran yang lemah.

Swaterbit pula memeriahkan kegiatan penulisan dan perbukuan tanah air. Namun begitu, isu utama dalam pelibatan penulis dalam swaterbit ialah modal yang memberikan kesan kepada kualiti buku, termasuk reka bentuk dan percetakan. Selain itu, kandungan buku seperti tatabahasa, ejaan dan juga penghasilan ilustrasi yang tidak bermutu dan berulang-ulang menjadi ancaman kepada industri swaterbit.

3.4.6 Isu Akta Kerajaan, Dasar, Undang-undang dan Garis Panduan

a. Dasar dan Garis Panduan

Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan, 1986 (Akta 331) [90] tertakluk pada semua penerbit dan penulis di Malaysia. Melalui Akta 331 ini, buku yang diterbitkan mestilah diserahkan kepada PNM melalui Pusat Penyerahan Terbitan Negara. Proses ini penting untuk rekod bibliografi secara standard dan penyelenggaraan rekod statistik bahan perpustakaan yang diterbitkan di Malaysia. Namun demikian, penguatkuasaan terhadap pelanggaran Akta 331 tidak dilaksanakan kerana punca kuasa terhadap akta ini tidak dapat dikenal pasti.

Penerbitan dan pembelian buku teks mencakupi sebahagian besar perolehan industri perbukuan di Malaysia. Walau bagaimanapun, hasil temu bual dan PKF mendapati bahawa garis panduan penerbitan buku teks perlu disemak semula supaya tiada monopoli daripada penerbit kerajaan.

3.5 INISIATIF YANG PERNAH DIJALANKAN DAN PELUANG YANG BOLEH MEMANFAATKAN INDUSTRI

Bahagian ini memfokuskan faktor yang membuka peluang kepada industri perbukuan di Malaysia. Kajian ini juga menilai inisiatif yang telah diambil oleh pelbagai pihak yang terlibat dalam industri perbukuan seperti agensi kerajaan, penerbit buku dan pengkarya. 'Inisiatif' merujuk usaha yang dijalankan dengan tujuan memajukan industri perbukuan, manakala 'peluang' dalam konteks ini merujuk keadaan yang dapat dimanfaatkan untuk meningkatkan prestasi industri perbukuan. Senarai inisiatif ini tidak lengkap, tetapi bertujuan menyerlahkan beberapa usaha yang ketara.

3.5.1 Politik

Inisiatif yang telah dijalankan:

(i) Belanjawan 2023: Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, telah mengumumkan peruntukan sebanyak RM20 juta untuk DBP bersama-sama ITBM dan Yayasan Karyawan untuk mempergiat aktiviti penterjemahan dan penerbitan bermutu tinggi oleh penulis tempatan.

(ii) Baucar pembelian buku dari tahun 2013 hingga 2022: Antara inisiatif pemberian baucar buku yang dilaksanakan ialah Baucar Buku 1Malaysia (BB1M) yang diumumkan pada tahun 2012 dan Baucar Buku Semarak Membaca pada tahun 2021 dan 2022.

(iii) Dana pembelian terus buku penulis tempatan bermula pada tahun 2007: RM1 juta setahun diperuntukkan untuk mengalakkan penulisan. Dalam hal ini, PNM membeli terus karya daripada penulis tanpa melalui penerbit.

(iv) Pelancaran kerjasama strategik antara ITBM dengan Pos Malaysia: Kerjasama strategik ini adalah sempena #MalaysiaMembaca dan bertujuan mewujudkan sudut baca di pejabat pos di seluruh Malaysia.

(v) Pengecualian cukai pendapatan untuk pembelian buku bagi individu.

(vi) Pengenalan Program Nadi Ilmu Amalan Membaca (NILAM) yang memantau kemajuan pembacaan sepanjang tahun persekolahan rendah dan menengah.

(vii) Penguatkuasaan peruntukan pembelian buku di perpustakaan awam negeri, perpustakaan akademik, perpustakaan sekolah dan institusi lain.

(viii) Kempen Galakan Membaca Buku, termasuk melantik ikon membaca kebangsaan: Ikon Membaca Kebangsaan ialah anugerah inisiatif PNM sejak 2009 bagi menggalakkan dan membudayakan amalan membaca. Antara tokoh yang pernah menerima anugerah ini ialah Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Dato' Dr. Abd Latif Mohmod; mantan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad; pelakon antarabangsa, Tan Sri Michelle Yeoh; dan angkasawan negara, Datuk Dr. Sheikh Muszaphar Shukor Sheikh Mustapha.

(ix) Promosi buku negara oleh MBKM untuk pasaran dunia: MBKM membawa 50 buah buku yang

dianggap terbaik dari Malaysia ke pameran antarabangsa seperti Pesta Buku Frankfurt di Jerman.

Peluang yang dikenal pasti:

Antara cabaran dalam industri perbukuan Malaysia ialah usaha memperkukuh sokongan daripada pelbagai pihak seperti pihak kerajaan dan organisasi bukan kerajaan yang boleh ditambah baik. Untuk mengatasi masalah ini, beberapa peluang boleh dimanfaatkan: Peluang yang pertama ialah menggalakkan kerjasama antara agensi kerajaan dengan agensi swasta. Kerjasama ini pastinya dapat menyumbang dan memajukan industri perbukuan. Contohnya, di Jepun, agensi dan persatuan buku tidak mengharapkan sokongan penuh daripada kerajaan, tetapi agensi ini bekerjasama membangunkan industri perbukuan. Peluang yang kedua ialah membangunkan pusat sehenti bagi mengukuhkan infrastruktur industri perbukuan seperti Platform Digital Kota Buku dalam usaha menjaga hak penulis, penerbit dan pelukis. Pusat ini boleh menjadi tempat rujukan, penyelidikan, pemasaran dan pembelajaran bagi mereka yang terlibat dalam industri perbukuan. Peluang yang ketiga ialah sokongan daripada wakil rakyat melalui dana untuk menghasilkan buku bagi mempromosikan kawasan pentadbirannya. Buku ini boleh menampilkan sejarah, adat resam, keunikan dan potensi kawasan tersebut sebagai salah satu cara untuk menarik pelancong dan pelabur. Peluang yang keempat ialah kerajaan perlu menggalakkan penulis mempelbagaikan karya mereka. Buku yang diterbitkan seharusnya mencerminkan budaya, jati diri, imej dan maruah negara untuk menyumbang kepada kemajuan negara, khususnya dengan melibatkan kanak-kanak dan remaja. Peluang yang kelima ialah mewujudkan atau melantik sebuah badan berautoriti yang mempunyai kuasa daripada pihak kerajaan dalam pengurusan dan tadbir urus berkaitan dengan industri perbukuan yang lebih mampan dan cekap. Peletakan berautoriti tinggi adalah seperti Pejabat Perdana Menteri yang mempunyai kuasa dan boleh berhubung dengan pelbagai agensi kementerian dengan lebih baik. Dalam hal ini, agensi baharu tidak perlu ditubuhkan; akan tetapi, autoriti agensi yang dikenal pasti itu perlu diperkukuh.

3.5.2 Ekonomi

Inisiatif yang telah dijalankan:

(i) MBKM menganjurkan PBAKL yang pertama pada tahun 1982 dengan nama “Pesta Buku Malaysia”. Namun begitu, pameran buku pada peringkat antarabangsa yang pertama diadakan di Malaysia dikendalikan jauh lebih awal, iaitu pada tahun 1972, sempena Tahun Buku Antarabangsa yang diisytiharkan oleh UNESCO.

(ii) MABOPA pernah terlibat dalam pengelolaan beberapa pameran dan penjualan buku seperti Pameran Buku Kanak-Kanak sempena Seminar Pendidikan Awal Kanak-kanak anjuran Kementerian Pelajaran dan Universiti Malaya dengan sokongan Van Leer Foundation, Belanda, pada awal tahun 1970-an. Kemudian, pada tahun 1976, MABOPA mengadakan Pameran Buku Kebangsaan di Dewan Perhimpunan Cina Kuala Lumpur dengan harapan menjadikannya acara tahunan. Sehingga kini, MABOPA aktif menjalankan aktiviti- aktiviti tahunan.

(iii) Big Bad Wolf Books mengadakan sebuah pesta buku yang menjual buku lebihan dagangan

daripada pengedar buku negara luar seperti Amerika Syarikat dan United Kingdom yang bermula dari tahun 2009 secara tidak langsung berjaya mempromosikan buku dan menjual buku dengan harga yang lebih murah.

Peluang yang dikenal pasti:

Industri perbukuan mempunyai peluang untuk berkembang dari segi ekonomi jika industri ini dapat memanfaatkan keadaan semasa. Sebagai contoh, lebih banyak peluang dapat ditawarkan kepada usahawan buku untuk menjadikan mereka lebih positif dan berdaya saing. Usahawan buku boleh mengembangkan perniagaan dengan mengikuti perkembangan teknologi, trend pasaran dan permintaan pembaca. Usahawan buku juga dapat menjalinkan kerjasama dengan pihak lain seperti penulis, penerbit, pengedar dan pembekal untuk meningkatkan kualiti dan produktiviti produk.

Dari aspek jualan, yang berikut adalah antara peluang yang dikenal pasti:

(i) Menghasilkan buku yang lebih murah dan mampu milik yang menggunakan kertas kitar semula seperti yang dilakukan di Jepun bagi menjimatkan kos pengeluaran dan menarik minat pembaca yang prihatin terhadap alam sekitar.
(ii) Menggandakan usaha menggalakkan penulisan buku melalui penganjuran bengkel dan latihan untuk penulis dalam strategi meningkatkan jualan. Inisiatif ini dapat membantu penulis menghasilkan karya yang menarik, berkualiti dan relevan kepada pembaca sasaran.
(iii) Menggalakkan penggunaan platform jualan digital seperti Shopee. Kaedah ini dapat memperluas pasaran dan mencapai lebih banyak pembaca yang menggunakan Internet. Platform jualan digital juga dapat menawarkan kemudahan seperti penghantaran percuma, potongan harga dan hadiah.
(iv) Mempelbagaikan pilihan genre untuk meningkatkan kadar jualan individu atau penerbit. Hal ini dapat memenuhi kepelbagaian minat dan cita rasa pembaca yang berbeza-beza. Genre yang popular seperti fantasi, romantik, sejarah, sains fiksyen dan motivasi boleh dihasilkan dengan lebih banyak dan berkualiti.
(v) Kawalan harga buku yang bersesuaian dengan nilai dan kualiti produk semasa. Hal ini dapat menjamin bahawa pembaca mendapat nilai wang yang sepadan dengan pembelian mereka. Harga buku juga perlu bersaing dengan produk lain seperti e-buku, majalah dan surat khabar.

Melalui pemasaran juga, terdapat peluang yang boleh diambil kira:

(i) **Mempelbagaikan teknik dan mengawal model perniagaan dalam penciptaan permintaan pasaran:** Penulis boleh menggunakan kaedah seperti penulisan buku bersiri, buku sekuel atau prekuel, penulisan *spin-off* atau *crossover* atau menulis novelisasi daripada filem atau drama popular.
(ii) **Mewujudkan daya saing dari segi jenis dan kualiti bahan bacaan yang diterbitkan di dalam negara dengan bahan bacaan import:** Hal ini dapat menunjukkan bahawa industri perbukuan negara mampu menghasilkan karya yang setanding atau lebih baik daripada karya luar negara. Industri perbukuan negara juga boleh mengeksport produk ke pasaran antarabangsa melalui penterjemahan atau adaptasi.

(iii) **Memperkenalkan bahan bacaan yang memfokuskan kandungan tempatan sebagai bahan yang unik kepada industri perbukuan negara dan merangkumi sosiobudaya Malaysia:** Pendekatan ini dapat menonjolkan identiti, warisan dan kepelbagaian budaya Malaysia kepada pembaca di dalam dan luar negara. Bahan bacaan tempatan juga dapat meningkatkan kesedaran, penghargaan dan semangat patriotisme.

(iv) **Menyediakan iklan atau filem pendek tentang buku yang diterbitkan:** Iklan atau filem pendek ini dapat memberikan gambaran umum tentang kandungan, tema dan watak buku. Iklan atau filem pendek juga dapat menampilkan elemen menarik seperti muzik, grafik atau aksi yang dapat menimbulkan rasa ingin tahu pembaca terhadap buku tersebut.

(v) **Menterjemahkan buku berbahasa asing yang popular:** Usaha penterjemahan dapat memanfaatkan populariti dan permintaan terhadap buku yang telah mendapat sambutan baik di luar negara. Penterjemahan buku bahasa asing juga dapat memperkaya pengetahuan, pengalaman dan perspektif pembaca terhadap dunia dan budaya yang berbeza.

Penjualan buku perlu melibatkan gabungan dan jalinan antara penerbit dengan industri lain seperti industri makanan atau industri pakaian terpakai untuk menarik minat orang ramai untuk datang ke pusat jualan buku. Hal ini dapat mencipta suasana yang lebih menyeronokkan untuk pembeli. Industri lain juga dapat memberikan tawaran, potongan harga atau hadiah kepada pembeli yang membeli buku daripada penerbit yang bekerjasama dengan mereka. Hal ini dapat meningkatkan nilai tambah dan kepuasan pembeli.

3.5.3 Sosial

Inisiatif yang telah dijalankan:

(i) Dekad Membaca Kebangsaan (DMK) 2021–2030: Dengan slogan #MalaysiaMembaca, usaha ini bertujuan menjadikan Malaysia negara membaca menjelang tahun 2030 dan melahirkan masyarakat berilmu bertaraf dunia yang akhirnya dapat meningkatkan peratusan rakyat yang membaca.

(ii) PNM pada tahun 2016 memulakan usaha melengkapkan serta menaik taraf sebanyak 511 buah perpustakaan desa dan perpustakaan komuniti di seluruh negara untuk menyediakan perkhidmatan pencapaian secara dalam talian dan fizikal yang boleh dimiliki dan diurus oleh komuniti itu sendiri.

(iii) Pada tahun 2020, PNM menawarkan 13.2 juta bahan bacaan digital secara percuma. Kempen Sila Duduk Rumah dan Baca Buku ini boleh dimanfaatkan oleh pembaca melalui pautan http://www.u-pustaka.gov.my.

Peluang yang dikenal pasti:

Penulis, pembaca, penerbit dan pihak berkepentingan perlu berinteraksi dengan lebih santai serta lebih aktif semasa mempromosikan produk. Kaedah ini boleh membantu mewujudkan semangat kemasyarakatan seraya memupuk budaya membaca dan menulis. Contohnya, penulis boleh mengambil bahagian dalam pesta buku, festival, bengkel dan platform dalam talian untuk

mempamerkan karya mereka dan berhubung dengan pengikut media sosial. Pembaca juga boleh mendapat manfaat daripada acara dan platform ini dengan menemui penulis serta berkongsi pendapat dan maklum balas dengan penulis. Penerbit juga boleh menggunakan peluang ini untuk mencari bakat baharu, memasarkan produk dan bekerjasama dengan pemain industri lain.

Penulis juga perlu mengenal pasti latar belakang pembaca untuk menghasilkan bahan bacaan yang sesuai dan berkualiti. Penulis harus peka tentang demografi, keutamaan dan arah aliran pasaran sasaran mereka serta menyesuaikan kandungan mereka sewajarnya. Sebagai contoh, seorang penulis yang ingin menarik minat golongan dewasa muda harus mempertimbangkan minat, nilai dan cabaran mereka; seterusnya menulis dalam gaya dan bahasa yang sesuai dengan mereka. Seorang penulis yang ingin menjangkau khalayak yang lebih luas juga harus mempertimbangkan kepelbagaian dan keterangkuman kandungan mereka, di samping mengelakkan stereotaip atau berat sebelah.

Selain itu, lebih banyak golongan muda yang berpendidikan tinggi menyertai industri perbukuan dan membawa impak berbeza. Golongan profesional muda dan golongan berpendidikan tinggi yang menyertai industri ini membuka lebih banyak peluang dalam penyediaan bahan bacaan yang pelbagai. Golongan muda ini mempunyai capaian kepada lebih banyak maklumat, teknologi dan sumber berbanding dengan generasi sebelumnya, dan mereka boleh menggunakan sumber ini untuk berinovasi dengan bentuk dan genre penulisan baharu. Mereka juga boleh mencabar *status quo* dan menangani isu kontemporari yang penting kepada mereka. Sebagai contoh, beberapa orang penulis muda menerokai topik seperti kesihatan mental, keadilan sosial, alam sekitar dan identiti dalam buku mereka.

Pemerkasaan fungsi perpustakaan dapat meningkatkan interaksi dengan masyarakat setempat. Industri perbukuan juga perlu menggiatkan kempen yang menggalakkan aktiviti membaca dan secara tidak langsung membuka saluran penjualan buku di perpustakaan. Perpustakaan memainkan peranan penting mempromosikan literasi dan pendidikan serta menyediakan capaian kepada orang ramai yang mungkin tidak mampu membeli buku. Perpustakaan juga boleh menganjurkan pelbagai program dan aktiviti untuk menarik lebih ramai pengunjung dan pembaca seperti kelab buku, ceramah penulis, sesi bercerita dan pameran. Kerajaan boleh menyokong perpustakaan dengan menyediakan pembiayaan, infrastruktur dan dasar yang kukuh untuk memastikan kemampanan pembangunannya.

Industri perbukuan perlu mengenal pasti perubahan minat genre dalam kalangan pembaca. Sebagai contoh, buku yang menerapkan konsep *healing* menjadi tumpuan golongan muda kebelakangan ini. Perubahan genre mencerminkan perubahan keperluan dan pilihan pembaca serta pengaruh fenomena global. Industri perbukuan boleh menggunakan kaedah data raya untuk menganalisis sejumlah besar data daripada pelbagai sumber seperti angka jualan, ulasan dalam talian, siaran media sosial dan pertanyaan enjin carian untuk mengenal pasti corak dan arah aliran dalam gelagat pembaca.

3.5.4 Teknologi dan Infrastruktur

Inisiatif yang dijalankan:

(i) Kolaborasi PNM dengan beberapa agensi swasta dan badan bukan kerajaan seperti Exxonmobil Malaysia Sdn. Bhd. dan Samsung untuk menyediakan *'smart net'*, iaitu zon interaktif untuk orang ramai menggunakan peranti elektronik untuk membaca dan belajar.
(ii) Usaha daripada penggiat buku swaterbit untuk menggalakkan penulis muda supaya menulis dan membina jaringan dalam kalangan penulis swaterbit.
(iii) Peningkatan lebih ramai penulis muda dengan kemajuan pesat jaringan media sosial sebagai platform pemasaran.

Peluang yang dikenal pasti:

Teknologi ialah elemen penting dalam peluang memanfaatkan industri perbukuan. Dalam usaha menongkah arus pemodenan teknologi semasa, media digital menjadi salah satu topik utama yang dibincangkan ketika aktiviti pengumpulan data dijalankan. Memperbanyak penerbitan buku dalam bentuk digital bagi mendekatkan golongan muda dengan minat membaca dan mendigitalkan buku fizikal yang sedia ada sebagai produk baharu adalah antara dapatan yang diperoleh. Selain itu, sekiranya buku fizikal hendak dikekalkan, elemen teknologi seperti AR perlu ditambah untuk kandungan tertentu. Kelahiran lebih banyak penulis muda dan penerbit baharu penting untuk memeriahkan industri perbukuan di Malaysia.

Penerapan elemen teknologi dalam penerbitan buku bukanlah perkara asing pada masa ini, terutama ketika kehadiran pandemik COVID-19. Peningkatan jualan melalui platform digital selepas pandemik membuat penerbit tempatan membuka peluang pekerjaan baharu seperti pencipta kandungan (*content creator*). Walau bagaimanapun, tanpa platform digital yang bersesuaian untuk jangka masa panjang, kandungan digital yang sedia ada ini tidak akan bertahan lama. Oleh itu, pihak kerajaan telah mewujudkan inisiatif Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) yang dirangka untuk memberikan liputan yang lebih meluas dan kualiti jalur lebar yang lebih baik untuk rakyat sebagai langkah siap siaga negara untuk beralih kepada teknologi 5G.

Turut diakui, media sosial digunakan sebagai medium pemasaran dalam industri perbukuan semasa. Syarikat penerbitan dan pengedar buku menggunakan sepenuhnya media sosial untuk meningkatkan promosi selaras dengan perkembangan minat membaca menggunakan aplikasi seperti TikTok dan Facebook. Media sosial sangat diperlukan untuk mempromosikan buku di pasaran, terutama trend TikTok yang menjadi medium kegemaran golongan kini. Untuk pasaran awam, pembeli lebih cenderung mencari bahan bacaan yang tular di media sosial seperti TikTok. Dengan menyediakan infrastruktur yang mampan dalam ketersediaan platform digital, industri berasaskan perniagaan seperti industri perbukuan dapat memanfaatkan kesalinghubungan yang lebih baik.

3.5.5 Persekitaran

Inisiatif yang telah dijalankan:

(i) Usaha untuk meningkatkan kemahiran penerbit dan tenaga kerja yang memenuhi keperluan industri perbukuan.
(ii) Pelaksanaan Kampung Buku yang menyediakan tempat latihan industri perbukuan melalui pembinaan dan pelaksanaan dengan pentadbiran yang telus dan tiada ketirisan. Kampung Buku perlu diaktifkan dengan menjemput pemain industri perbukuan di dalam negara untuk mempromosikan buku yang diterbitkan serta mengambil inisiatif untuk mempamerkan bahan bacaan atau buku yang tidak terjual di pasaran.
(iii) Penyediaan buku di perpustakaan seperti PNM untuk membolehkan orang awam membuat rujukan dan pinjaman.

Peluang yang dikenal pasti:

Membina persekitaran positif untuk industri perbukuan dengan memperkasakan fungsi pihak berkepentingan dalam usaha merancakkan industri. Fungsi yang lebih jelas dimainkan oleh setiap pihak berkepentingan dalam industri perbukuan negara adalah antara yang paling kerap dibincangkan dalam sesi temu bual dan PKF. Dengan mengadakan perbincangan meja bulat atau sesi perbincangan antara pihak berkepentingan, fungsi yang bertindih antara satu sama lain dapat diperjelas.

Tidak dinafikan bahawa minat membaca dan pemilihan bahan bacaan menjadi elemen utama perkembangan industri perbukuan negara. Penterjemahan isi kandungan ke dalam bahasa Melayu dan juga bahasa lain yang dituturkan di Malaysia mengikut cita rasa tempatan dapat memberikan nilai tambah dan pilihan kepada pembaca. Pengolahan bahan daripada sebuah buku ilmiah kepada bahan bacaan yang lebih santai seperti komik juga menjadi trend penulis dan penerbit buku dalam penyediaan bahan bacaan kepada pembeli dan pembaca. Peluang ini didapati sangat positif dalam perkembangan industri perbukuan negara.

Tidak ketinggalan juga, keperluan meningkatkan kesedaran tentang harta intelek dari aspek infrastruktur juga boleh ditingkatkan dari semasa ke semasa. Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) dan Reprographic Rights Centre Malaysia Berhad (MARC) boleh berganding bahu dalam usaha memberikan kesedaran infrastruktur serta memantau penggunaan semula karya bercetak dan digital di seluruh Malaysia.

3.5.6 Akta, Dasar, Undang-undang dan Garis Panduan

Inisiatif yang telah dijalankan:

(i) Dasar Buku Negara yang terkini dalam usaha pengemaskinian oleh MBKM dan akan diterbitkan tidak lama lagi. Dasar buku negara ini dapat membantu mewujudkan masyarakat yang berbudaya membaca dan bermaklumat. Selain dapat meningkatkan taraf profesionalisme dalam industri perbukuan.
(ii) Penyerahan lima bahan penerbitan Malaysiana bercetak kepada PNM (Akta 331) yang boleh mendorong budaya membaca dalam kalangan Masyarakat.

Peluang yang dikenal pasti:

Dalam aspek dasar, undang-undang, garis panduan dan akta, antara peluang yang sering kali dikatakan ialah harta intelek, hak cipta kepada penerbit, data penerbitan buku negara dan dasar perbukuan negara. Yang diusahakan setakat ini melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dan MyIPO adalah baik tetapi masih boleh ditingkatkan dalam penguatkuasaannya.

Selain itu, harta intelek sebagai sebagai pasaran baharu, meningkatkan kesedaran dan ilmu dalam hak cipta kepada penerbit. Antara peranan yang boleh diketengahkan ialah MARC yang dianggotai bersama oleh MABOPA, PENA, MAPIM, PeKOMIK dan Persatuan Buku Gambar Kanak-kanak Malaysia (*Children's Picture Book Association of Malaysia* atau MYCPB). Penubuhan dan pengiktirafan MARC sebagai organisasi pengurusan kolektif antara lain akan memberikan manfaat kepada ahlinya dalam pengurusan hak royalti, di samping menjaga kebajikan mereka dalam industri percetakan dan penerbitan karya sastera, seni, imej dan ilustrasi.

Data penerbitan buku yang lengkap meliputi pelbagai pihak berkepentingan. Agensi dan persatuan perlu dikumpul dan diletakkan di satu tempat juga merupakan antara peluang yang boleh dilaksanakan pengumpul data utama bagi menyediakan data perbukuan negara yang komprehensif. Data perbukuan negara ini dapat membantu negara merangka dan merancang perkembangan industri perbukuan melalui perancangan ekonomi, infrastruktur dan sosial negara. Dasar khas untuk perbukuan negara yang terkini juga harus dikemas kini dan dibangunkan bagi menjaga dan memastikan industri perbukuan terjamin dan lestari serta sejajar dengan perkembangan semasa. Antara matlamat utama Dasar Buku Negara yang perlu diketengahkan ialah keperluan untuk meningkatkan taraf profesionalisme dalam industri perbukuan di Malaysia yang melibatkan pelbagai sektor seperti penerbitan, pengkaryaan dan pemasaran secara menyeluruh. Hal ini seterusnya mewujudkan masyarakat yang berbudaya membaca dan bermaklumat.

4.0 KESIMPULAN

Ke arah pemerkasaan industri perbukuan negara, PNM telah menjalankan satu kajian industri, iaitu Kajian Data Perbukuan Negara 2022/2023. Inisiatif ini dilihat sebagai langkah terbaik dalam usaha mengkaji tahap perkembangan industri ini. Berbanding dengan negara maju seperti Amerika Syarikat, United Kingdom, Jerman dan Jepun yang mempunyai data dan profil lengkap tentang industri penerbitan dan perbukuan mereka, Malaysia ketandusan data terbuka berkaitan dengan industri tersebut. Secara tidak langsung, data terbuka tersebut menyuburkan industri penerbitan di negara maju dan membuka ruang kepada pelaburan antarabangsa. Oleh itu, laporan lengkap kajian ini dilihat dapat membantu kerajaan dalam pembentukan Dasar Buku Negara yang telah lama tidak dibaharui, terutama melalui indikator yang menjadi penanda aras kepada pemain industri, kerajaan dan pengguna.

Ketika PBAKL yang ke-40 yang telah berlangsung pada 26 Mei hingga 4 Jun 2023, seramai 1.6 juta pengunjung telah menghadiri pesta buku tersebut; jumlah ini ialah peningkatan daripada 1.3 juta pengunjung pada tahun 2022. Sambutan luar biasa itu juga memberikan keuntungan kepada syarikat penerbitan apabila hasil jualan buku meningkat hampir 20 peratus dengan anggaran 1.8 juta naskhah terjual. PBAKL 2023 merupakan antara anjuran yang cemerlang di bawah kendalian MBKM dengan sokongan penuh persatuan penerbit dan beberapa agensi perbukuan. Hal ini membuktikan bahawa industri penerbitan dan penjualan buku masih memberikan impak kepada pendapatan negara seperti yang dicatatkan dalam KDNK, iaitu sebanyak RM5.8 bilion.

Dalam kajian ini, profil industri perbukuan negara merangkumi aspek pengkaryaan, penerbitan dan pemasaran. Profil ini menjadi kayu ukur untuk menilai tahap perkembangan industri perbukuan dan literasi rakyat Malaysia amnya. Apabila menyentuh hal industri perbukuan negara, pengkaryaan, penerbitan dan pemasaran ialah tiga kategori utama yang akan diberi penekanan. Kombinasi antara inisiatif komersial dengan pihak kerajaan amat penting untuk mempromosikan pertumbuhan industri perbukuan dan mendorong pertumbuhan pembaca dalam jangka panjang. Fokus utama harus diberikan kepada perkembangan ekosistem yang sihat untuk industri perbukuan dengan mempertimbangkan impak jangka pendek dan jangka panjang termasuklah impak sosial. Industri perbukuan bergantung pada penulis dan pengkarya untuk menghasilkan kandungan berkualiti. Industri perbukuan negara perlu diperkasakan untuk terus dapat menyediakan bahan-bahan bacaan berkualiti bagi membangunkan intelek masyarakat Madani.

Kerajaan mendukung pengkaryaan dengan menyediakan latihan, dana, bantuan penerbitan dan wadah untuk pengembangan bakat. Inisiatif komersial seperti pemberian kontrak penulisan juga diperlukan untuk insentif kepada penulis. Penerbitan melibatkan proses mengemas kini naskhah menjadi produk buku yang siap dijual. Inisiatif komersial dalam bentuk penerbitan dan kerjasama dengan penulis dapat mendorong kepelbagaian dan inovasi. Kerajaan sepatutnya memberikan insentif fiskal dan subsidi kepada penerbit yang menerbitkan buku dengan nilai pendidikan atau budaya yang tinggi untuk merancakkan pertumbuhan industri penerbitan buku. Bagi pemasaran buku pula, jangkauan kepada pengguna yang lebih luas amat penting. Inisiatif komersial termasuklah

strategi pemasaran yang efektif, kerjasama dengan pengedar dan aktiviti promosi. Di sisi lain, kerajaan sepatutnya memberikan sokongan melalui aktiviti promosi budaya membaca, pesta buku dan program literasi.

Objektif kedua kajian ini dapat dicapai dengan terbentuknya indikator yang menjadi penimbang tara untuk menilai dan mengukur perkembangan industri selama 10 tahun. Dengan dapatan daripada data sekunder dan sokongan daripada pandangan pemain industri, pelaporan lengkap yang merangkumi aspek pengkaryaan, penerbitan, penjualan dan promosi telah berjaya dihasilkan. Pelaporan analisis dapatan jualan melalui industri perbukuan menunjukkan industri ini menyumbang 0.38 peratus kepada pendapatan kasar negara. Kenyataan ini menunjukkan industri ini sangat kecil dan memerlukan sokongan padu daripada semua pihak, terutama kerajaan, persatuan pengkarya, penerbit dan penjual. Pada tahun 2022, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) membuka ruang untuk membantu usahawan industri perbukuan, khususnya selepas dua tahun mengharungi pandemik COVID-19. Terdapat 11 buah agensi yang dapat menyediakan pelbagai bentuk bantuan kepada pemain industri perbukuan sama ada dalam bentuk pinjaman mahupun geran [91]. Hal ini merupakan salah satu bantuan yang diharapkan oleh pemain industri untuk menyuntik modal perniagaan mereka.

Pelaporan kajian ini belum sempurna keseluruhannya memandangkan banyak isu dan cabaran masih belum diselesaikan dan memerlukan perhatian pelbagai pihak. Objektif ketiga ialah menyelidiki isu dan permasalahan dalam industri perbukuan di Malaysia. Objektif ketiga ini telah dicapai dengan menyenaraikan isu serta permasalahan yang terdapat dalam industri perbukuan daripada temu bual dan PKF yang dijalankan bersama dengan pemain industri. Antara yang utama termasuklah jumlah penerbitan buku di Malaysia masih berada pada tahap sederhana jika dibandingkan dengan negara maju seperti Jepun yang menerbitkan sekitar 150,000 hingga 200,000 judul baharu pada setiap tahun. Jumlah ini merangkumi buku fiksyen, bukan fiksyen dan pelbagai genre lainnya. Amerika Syarikat pula memiliki industri penerbitan buku yang sangat besar dan beragam. Pada tahun 2021, sekitar 300,000 hingga 400,000 judul baharu diterbitkan di Amerika Syarikat; jumlah ini merangkumi buku dalam pelbagai genre dan kategori. Oleh itu, jumlah penerbitan baharu sebanyak 28,000 judul dalam tempoh setahun adalah sangat kecil.

Sehubungan dengan itu, banyak cadangan diutarakan oleh pemain industri yang mahu melihat penerbitan buku di Malaysia meningkat pada setiap tahun. Antara resolusi yang dicadangkan termasuklah intervensi pihak kerajaan dengan membuat pelaburan dan peruntukan yang besar kepada industri perbukuan. Dapatan kajian ini mengupas dengan lebih jelas objektif yang keempat berkenaan dengan peluang sedia ada dan inisiatif yang boleh dicadangkan untuk pembangunan industri pada masa depan.

Selain itu, dana peruntukan perlu diberikan mengikut proses pengkaryaan, penerbitan dan pemasaran serta prasarananya hingga sampai ke tangan pengguna. Di samping itu, yang paling kerap diminta ialah pengembalian baucar buku khusus untuk pembelian buku setiap pelajar di Malaysia. Kewujudan baucar ini memberikan kesan yang besar kepada jualan dan menggalakkan penerbitan buku. Tiada data lengkap yang boleh menunjukan genre terlaris di Malaysia. Tindakan

yang diambil oleh penjual dan penerbit untuk melariskan buku ialah meletakkan label "Buku Terlaris" pada buku walaupun tiada bukti kukuh tentang jumlah jualan. Satu peruntukan undang-undang perlu diwujudkan untuk mewajibkan perkongsian data oleh pemain industri. Hal ini bertujuan memastikan industri perbukuan sihat dan berkembang maju. Buku berbahasa Melayu ialah penyumbang terbesar penerbitan buku di Malaysia. Hal ini membuktikan rakyat Malaysia memilih buku dalam bahasa Melayu.

Organisasi penting termasuk PNM, DBP, MBKM, MAPIM, MABOPA, PKB, PENA, BUDIMAN, PEM, PeKOMIK, PKBM, ITBM, YPBN dan MBEIA ialah pemain penting dalam industri perbukuan di Malaysia. Oleh itu, sinergi perbukuan antara kerajaan dengan pemain industri ini perlu diwujudkan untuk mengisi keperluan masyarakat Malaysia seluruhnya, sejajar dengan perkembangan semasa.

Melalui dapatan kajian juga, perpustakaan adalah antara penyumbang utama pembelian dan perolehan buku di Malaysia. Dengan jumlah peruntukan perolehan melebihi RM500,000 pada setiap tahun, perpustakaan menyumbang kepada kepesatan industri perbukuan. Oleh itu, perpustakaan digalakkan untuk terus membeli bahan bacaan bercetak dan elektronik untuk memastikan industri ini terus pesat berkembang.

Sektor penerbitan dan perbukuan menyumbang kepada peluang pekerjaan. Melalui data perangkaan, industri ini memberikan peluang pekerjaan kepada lebih 15,000 rakyat Malaysia. Hal ini merupakan satu sumbangan yang baik dan sihat yang merangkumi penerbitan, penjualan, pengkaryaan dan percetakan.

Penerbitan e-buku semakin mendapat tempat dalam kalangan rakyat Malaysia, terutama ketika pandemik COVID-19. Pada tahun tersebut, penggunaan e-Lib meningkat secara drastik dan menunjukkan penerimaan rakyat Malaysia terhadap e-buku. Dapatan daripada sesi temu bual bersama dengan pemain industri ialah e-buku perlu dikekalkan dan dikembangkan. Hal ini demikian kerana tindakan ini secara tidak langsung menggalakkan kegiataan membaca dalam kalangan rakyat.

Industri perbukuan di Malaysia adalah antara sektor penting dalam perkembangan intelek, pendidikan, perniagaan dan budaya negara. Industri ini mengalami pertumbuhan yang signifikan dalam beberapa tahun terakhir. Kerajaan dan pelbagai agensi telah berusaha meningkatkan infrastruktur perbukuan, mendukung penulis tempatan dan mendorong minat membaca dalam kalangan masyarakat. Kesimpulannya, industri perbukuan di Malaysia memiliki peranan penting dalam pengembangan sosial, intelek dan budaya negara ini. Walaupun menghadapi beberapa isu dan cabaran, industri ini terus berkembang melalui adaptasi dengan perkembangan teknologi dan keperluan masyarakat.

5.0 CADANGAN HALA TUJU INDUSTRI PERBUKUAN

Kemas Kini Dasar Buku Negara

(i) Penubuhan jawatankuasa khas untuk mengumpul, mengurus dan menganalisis data perbukuan daripada pemain industri perbukuan melibatkan peruntukan undang-undang dalam pembentukan dan pelaksanaan kewajipan perkongsian data daripada semua pemain industri selaras dengan Pelaksanaan Data Terbuka Sektor Awam (Pekeliling Am Bil. 1 Tahun 2015 yang boleh dicapai daripada laman web Dasar MAMPU.

Berdasarkan kajian penanda aras yang dijalankan, negara seperti United Kingdom, Amerika Syarikat, Jerman, China dan Korea Selatan mengeluarkan laporan penerbitan buku melalui persatuan penerbit buku utama mereka. Oleh itu, MABOPA dilihat sebagai organisasi yang sesuai untuk menggalas tanggungjawab ini berdasarkan kajian penanda aras yang dilaksanakan. Gabungan MABOPA dan MBKM juga dilihat sesuai dalam usaha mengumpul, mengurus dan menganalisis data industri perbukuan selaras dengan objektif penubuhan MBKM untuk membangunkan industri perbukuan negara. Data ini perlu dikumpul pada setiap tahun bagi memastikan arah aliran perkembangan industri dapat diukur dengan tepat dan sistematik.

DOSM pula perlu menambah baik pelaporan perangkaan industri perbukuan dengan menjadikannya salah satu sektor utama negara. Pada masa ini, struktur Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (*Malaysian Standard Industrial Classification* atau MSIC) meletakkan industri perbukuan di bawah pengkategorian Seksyen J Maklumat dan Komunikasi. Di bawah seksyen ini, pelaporan industri perbukuan sangat terpencil. Kajian penerbitan buku perlu dibuat setiap satu atau dua tahun dan dilaporkan di bawah kod 58 Aktiviti Penerbitan dan bukannya di bawah subkod terendah 5881. Sila Rujuk Lampiran 7 untuk Struktur MSIC.

(ii) Penguatkuasaan undang-undang kepada pelanggaran Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331) perlu dilaksanakan supaya data berkenaan penerbitan buku di Malaysia dapat dikumpulkan dengan tepat.

Memperkasakan Industri Perbukuan Negara

Sokongan khusus untuk industri perbukuan dalam bentuk suntikan dana dan perancangan strategik diperlukan. Dana untuk industri perbukuan perlu diagihkan secara saksama dalam kalangan pemain industri dan diselengarakan secara terpusat.

(i) **Menyediakan dana penyelidikan industri buku** untuk menjalankan kajian pembacaan dan perolehan data perbukuan secara berkala setiap dua atau tiga tahun untuk membantu industri perbukuan merangka pelan strategik yang lebih berkesan. Dianggarkan sebanyak RM7 juta diperlukan untuk tujuan ini.

(ii) **Menyediakan dana pendigitalan** untuk menghasilkan 3,000 judul buku audio, e-buku interaktif dan format kandungan kreatif yang lain seperti buku komik Webtoon, Tapas dan sebagainya. Geran permulaan dianggarkan sebanyak RM12 juta diperlukan untuk tujuan ini.

(iii) **Menyediakan persekitaran dan insfrastruktur** yang bersesuaian dengan ekosistem pembacaan digital sesuai dengan perkembangan teknologi dan gaya hidup terkini. Geran permulaan dianggarkan sebanyak RM20 juta untuk membangunkan ekosistem digital yang mampan dan berdaya saing diperlukan.

(iv) **Menyediakan dana pencetakan buku Braille** untuk menghasilkan 3,000 judul buku sebagai bahan bacaan orang kurang upaya pada peringkat sekolah, universiti dan bahan bacaan lain. Geran permulaan dianggarkan sebanyak RM15 juta diperlukan untuk tujuan ini.

(v) **Menyediakan dana penterjemahan** untuk menterjemahkan 300 judul buku terbaik negara setiap tahun termasuk karya agung supaya kandungan berbahasa Melayu dan budaya tempatan mendapat sambutan penerbit dan pembaca seluruh dunia. Dana berbentuk geran dianggarkan sebanyak RM3 juta diperlukan untuk tujuan ini.

(vi) **Menyediakan dana untuk program pengantarabangsaan karya Malaysia** sebagai usaha menonjolkan imej Malaysia sebagai negara membaca, masyarakat berilmu, dengan mengetengahkan karya-karya berkualiti tempatan di pesta-pesta buku antarabangsa, termasuklah persiapan untuk menjadi *guest of honour* di Pesta Buku Frankfurt dalam tempoh tiga tahun. Berdasarkan cadangan daripada pemegang taruh, dianggarkan sebanyak RM80 juta diperlukan untuk tujuan ini.

Memperkukuhkan Budaya Membaca

Perkembangan industri perbukuan dipengaruhi oleh permintaan terhadap buku itu sendiri. Oleh itu, budaya membaca dalam kalangan masyarakat perlu disuburkan.

(i) **Memberikan pelepasan cukai individu** sebanyak RM2,000 hingga RM2,500 khusus untuk buku dan bukan lagi dirangkumkan bersama keperluan gaya hidup. Hal ini sangat perlu supaya agenda untuk menjadikan masyarakat Malaysia sebagai masyarakat membaca dan menambah ilmu tercapai dengan pembelian bahan bacaan.

(ii) **Memperkasakan program Baucar Buku** secara bersasar kepada murid sekolah rendah dan menengah, pelajar di pusat pengajian tertiari (Tingkatan 6, kolej dan universiti).

(iii) **Memberikan geran penganjuran pesta buku di seluruh pelosok negara** dengan dana sebanyak RM5 hingga RM6 juta (seperti yang dicadangkan oleh pemegang taruh) untuk 14 lokasi di seluruh negara agar buku-buku berkualiti terbitan penerbit tempatan dapat dicapai oleh masyarakat bandar dan luar bandar.

(iv) **Memberikan dana untuk pelaksanaan kempen membaca** berskala mega yang bersepadu dan mampan. Usaha ini perlu dijalankan secara berterusan selama lima tahun yang akan datang untuk menghasilkan impak positif kepada rakyat Malaysia dalam menjadikan membaca sebagai gaya hidup mereka. Berdasarkan cadangan daripada pemegang taruh, dianggarkan dana sebanyak RM60 juta diperlukan untuk tujuan ini.

Pelantikan Wakil Buku Negara

Melantik seorang wakil Buku Negara yang bertaraf Senator di Parlimen untuk memastikan pemerkasaan industri perbukuan negara dan pemerkasaan budaya membaca dapat bergerak seiring dengan pembangunan negara secara keseluruhannya.

Sebagai rumusan, Dasar Buku Negara yang terkini perlu diluluskan segera oleh jemaah menteri kerana tiada pindaan dilakukan sejak pertama kali diperkenalkan pada tahun 1981. Kemas kini ini penting selaras dengan aliran semasa yang merangkumi revolusi industri 4.0 dan ekonomi gig dalam usaha membantu pemantapan ekonomi perbukuan dengan melaksanakan cerapan data perbukuan yang menyeluruh dan sistematik, mengukur dan melaporkan prestasi industri perbukuan secara tahunan dengan mengguna pakai indikator perbukuan yang dicadangkan daripada kajian ini. Tindakan ini wajar diambil supaya pulangan daripada industri ini dapat dijana dengan berstruktur. Oleh sebab kajian ini merintis jalan untuk memahami landskap industri perbukuan negara secara menyeluruh, kajian lanjut perlu dilakukan dengan lebih terperinci dan mendalam. Hal ini demikian kerana industri perbukuan ialah industri yang kompleks yang melibatkan pelbagai pihak dan pemain industri.

6.0 RUJUKAN

[1]	Majlis Buku Kebangsaan Malaysia, Dasar Buku Negara, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992.
[2]	L. Lingard, "The publishing industry in Malaysia," Publishing Research Quarterly, jld. 32(1), no. https://doi.org/10.1007/s12109-016-9445-8, hlm. 58-63, 2016.
[3]	Jabatan Perangkaan Malaysia, "Anggaran Penduduk Semasa, Malaysia, 2023," Kementerian Ekonomi, 31 Julai 2023. [Dalam talian]. Available: https://www.dosm.gov.my/portal-main/release-content/current-population-estimates-malaysia---2023. [Diakses 2023].
[4]	Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan (BSTP), "Jumlah Naskhah Pesanan Skim Pesanan Buku Teks," Kementerian Pendidikan Malaysia, Putrajaya, 2022.
[5]	Perpustakaan Negara Malaysia, "Perangkaan Perpustakaan Negara Malaysia 2022," Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur, 2022.
[6]	Pertubuhan Pembangunan Orang Buta Malaysia, "Penerbitan Buku Braille," 2013. [Dalam talian]. Available: https://ppobm.org.my/v2/perkhidmatan/. [Diakses 2023].
[7]	Malaysian Association for the Blind (MAB), "MAB BRAILLE PUBLISHING UNIT (BPU)," 19 April 2021. [Dalam talian]. Available: https://www.facebook.com/mabmalaysia/posts/4078721132189774?locale2=pt_BR. [Diakses 2023].
[8]	Perbadanan Harta Intelek Malaysia, "Malaysia Secara Rasmi Menyertai Triti Budapest dan Triti Marrakesh," 31 Mac 2022. [Dalam talian]. Available: https://www.myipo.gov.my/ms/malaysia-secara-rasmi-menyertai-triti-budapest-dan-triti-marrakesh/. [Diakses 2023].
[9]	H. Hassan, "A Brief Tour of the Malaysian Book Scene," ASIA Center Japan Foundation, 2 Mac 2022. [Dalam talian]. Available: https://asiawa.jpf.go.jp/en/culture/features/f-yomu2-malaysia-1//. [Diakses 2023].
[10]	Menteri Pendidikan Malaysia, "5 buku Malaysia diterjemah, terokai pasaran Jepun," Astro Awani, 6 November 2018. [Dalam talian]. Available: https://www.astroawani.com/berita-malaysia/5-buku-malaysia-diterjemah-terokai-pasaran-jepun-190396. [Diakses 2023].
[11]	R. Faida, "Belanjawan 2023: Dana RM10 juta untuk Yayasan Restu edar cetakan naskhah al-Quran," Astro Awani, 24 Februari 2023. [Dalam talian]. Available: https://www.astroawani.com/berita-malaysia/belanjawan-2023-dana-rm10-juta-untuk-yayasan-restu-edar-cetakan-naskhah-alquran-408085. [Diakses 2023].
[12]	Y. Nazmi, "Kuala Lumpur dinobat Kota Buku Dunia 2020," Berita Harian, 19 September 2018. [Dalam talian]. Available: https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/09/475757/kuala-lumpur-dinobat-kota-buku-dunia-2020. [Diakses 2023].
[13]	Astro Awani, "Penamatan perkhidmatan perpustakaan digital, penerbit e-book kesal," Astro Awani, 28 Oktober 2022. [Dalam talian]. Available: https://www.astroawani. com/berita-malaysia/penamatan-perkhidmatan-perpustakaan-digital-penerbit-ebook-kesal-388135. [Diakses 2023].

[14] Xentral Method, “e-Sentral,” 2023. [Dalam talian]. Available: https://www.e-sentral.com/. [Diakses 2023].

[15] Kaki Buku, “Kaki Buku,” Dunia Kaki Buku Sdn. Bhd., 2019. [Dalam talian]. Available: https://www.kakibuku.my/. [Diakses 2023].

[16] A. Shahrulnizam, “Kota Buku kini ke pemasaran digital,” Berita Harian, 15 Mac 2023. [Dalam talian]. Available: https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/03/1077462/kota-buku-kini-ke-pemasaran-digital. [Diakses 2023].

[17] S. Iman, “Masa Depan Industri Buku Di Malaysia Pada Tahun 2021,” The Patriots, 7 Disember 2020. [Dalam talian]. Available: https://thepatriots.store/blog/masa-depan-industri-buku-di-malaysia-pada-tahun-2021/. [Diakses 2023].

[18] Z. R. Ahmad, “KLWBC 2020: Realiti industri buku.,” Astro Awani, 10 Ogos 2020. [Dalam talian]. Available: https://www.astroawani.com/berita-malaysia/klwbc-2020-realiti-industri-buku-254558. [Diakses 2023].

[19] A. Abdullah, “Mencari petanda sihat industri buku di PBAKL 2022,” Astro Awani, 9 Jun 2022. [Dalam talian]. Available: https://www.astroawani.com/berita-malaysia/mencari-petanda-sihat-industri-buku-di-pbakl-2022-365341. [Diakses 2023].

[20] F. Azman, “PBAKL 2023 dapat sambutan meriah golongan muda,” Astro Awani, 28 Mei 2023. [Dalam talian]. Available: https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pbakl-2023-dapat-sambutan-meriah-golongan-muda-421527. [Diakses 2023].

[21] A. Ahmad Suhael, “PBAKL terima lebih 1.3 juta pengunjung,” Berita Harian, 12 Jun 2022. [Dalam talian]. Available: https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/06/965291/pbakl-terima-lebih-13-juta-pengunjung. [Diakses 2023].

[22] J. Creswell and V. L. Clark, *Designing and conducting mixed methods research*, 3rd ed., Thousands Oaks, CA: SAGE, 2018.

[23] M., Schreier. *Qualitative Content Analysis in Practice*, London: Sage Publications Ltd., 2012

[24] Malaysian Book Publishers Association (MABOPA), “MABOPA Member List,” 2023. [Dalam talian]. Available: https://www.mabopa.com.my/member/. [Diakses 2023].

[25] Global Data, “Publishing Market in China in 2021, by Medium ($ Million),” Global Data, 2021. [Dalam talian]. Available: https://www.globaldata.com/data-insights/ technology--media-and-telecom/publishing-market-in-china-in-2021-by-medium-million/. [Diakses 2023].

[26] Statista, “Book publishing revenue in the U.S. 2011-2023,” Statista, 2023. [Dalam talian]. Available: statista.com. [Diakses 6 September 2023].

[27] Statista, “Sales value of the publishing industry in Japan from 2014 to 2022,” Statista, 2022. [Dalam talian]. Available: https://www.statista.com/statistics/686068/japan-publishing-industry-sales-revenue. [Diakses 2023].

[28] Börsenverein des Deutschen Buchhandels, “The book market during the pandemic: strong demand, challenging situation for the book trade, call for concepts to revitalise city centres,” Börsenverein des Deutschen Buchhandels, 2021. [Dalam talian]. Available: https://www.boersenverein.de. [Diakses 2023].

[29]	UK Publishers Association, "A Year in Publishing," The Publishers Association Limited, 17 April 2023. [Dalam talian]. Available: https://www.publishers.org.uk/publications/a-year-in-publishing/. [Diakses 2023].
[30]	UNESCO, "A Methodology to Collect International Book Statistics Framework—Indicators—Methodology & Strategies—Groundwork for a Test Run," 2009. [Dalam talian]. Available: https://unesdoc.unesco.org/ark:/48223/pf0000182475. [Diakses 2023].
[31]	UNESCO, "World Book Capital Network," [Dalam talian]. Available: https://www.unesco.org/en/world-book-capital-network. [Diakses 2023].
[32]	World Book Day Ltd, "World Book Day," World Book Day Ltd, [Dalam talian]. Available: https://www.worldbookday.com/. [Diakses 2023].
[33]	M. Schaub, "The Big Five Become the Big Four," Kirkus Reviews, 24 November 2020. [Dalam talian]. Available: https://www.kirkusreviews.com/news-and-features/articles/the-big-five-become-the-big-four/. [Diakses 6 September 2023].
[34]	UNESCO Institute for Statistics, "Literacy rate - Adult total (% of people ages 15 and above)," The World Bank, 24 October 2022. [Dalam talian]. Available: https://data.worldbank.org/indicator/SE.ADT.LITR.ZS. [Diakses 6 September 2023].
[35]	National Center for Education Statistics, "Literacy in America: An Overview of the First American National Assessment of Adult Literacy (NAAL)," [Dalam talian]. Available: nces.ed.gov. [Diakses 6 September 2023].
[36]	A. Rainie dan L. Perrin, "About a fifth of Americans cite COVID-19 as a reason they read more books," 2023. [Dalam talian]. Available: pewresearch.org. [Diakses 6 September 2023].
[37]	Statista Research Department, "Most popular book genres in the U.S. as of August 2019," Statista, 2019. [Dalam talian]. Available: www.statista.com. [Diakses 6 September 2023].
[38]	Statista, "Publishing market size in Japan 2014-2022," Statista, 2022. [Dalam talian]. Available: www.statista.com. [Diakses 6 September 2023].
[39]	Statista, "Publishing market size in Japan 2022, by segment," Statista, 2022. [Dalam talian]. Available: www.statista.com. [Diakses 6 September 2023].
[40]	Statista, "Publishing industry in Japan - statistics and facts," Statista, [Dalam talian]. Available: www.statista.com. [Diakses 6 September 2023].
[41]	C. Reid, "The Top Seven Japanese Publishing Companies from PW's Global Ranking 2009," Publishers Weekly, 2009. [Dalam talian]. Available: www.publishersweekly.com. [Diakses 6 September 2023].
[42]	Statista, "Media industry in Japan - statistics and facts," Statista, [Dalam talian]. Available: www.statista.com. [Diakses 2023].
[43]	Statista, "Survey on Reading Habits of Japanese People," Statista, 2021. [Dalam talian]. Available: www.statista.com. [Diakses 6 September 2023].

